




# 2014


## Laporan Tahunan



Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta  
Kementerian Kewangan Malaysia

## **KANDUNGAN**

<b>Bab 1</b> :	<b>Perutusan Ketua Pengarah Penilaian</b>	<b>3</b>
<b>Bab 2</b> :	<b>Maklumat Korporat</b>	<b>7</b>
<b>Bab 3</b> :	<b>Struktur Organisasi JPPH</b>	<b>19</b>
<b>Bab 4</b> :	<b>Profil Pengurusan Tertinggi</b>	<b>23</b>
<b>Bab 5</b> :	<b>Pegawai Kanan Ibu Pejabat JPPH</b>	<b>27</b>
<b>Bab 6</b> :	<b>Pengarah Penilaian Negeri</b>	<b>31</b>
<b>Bab 7</b> :	<b>Penilai Daerah</b>	<b>37</b>
<b>Bab 8</b> :	<b>Fokus 2014</b>	<b>43</b>
<b>Bab 9</b> :	<b>Perkhidmatan Teras JPPH</b>	<b>53</b>
<b>Bab 10</b> :	<b>Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta</b>	<b>59</b>
<b>Bab 11</b> :	<b>Institut Penilaian Negara (INSPEN)</b>	<b>95</b>
<b>Bab 12</b> :	<b>Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)</b>	<b>113</b>
<b>Bab 13</b> :	<b>Bahagian Teknologi Maklumat</b>	<b>127</b>
<b>Bab 14</b> :	<b>Bahagian Khidmat Pengurusan</b>	<b>143</b>
<b>Bab 15</b> :	<b>Bahagian Perancangan Korporat</b>	<b>173</b>
<b>Bab 16</b> :	<b>Komunikasi Korporat</b>	<b>181</b>
<b>Bab 17</b> :	<b>Bahagian Integriti dan Audit Teknikal</b>	<b>195</b>
<b>Bab 18</b> :	<b>Pengurusan Kualiti</b>	<b>205</b>
<b>Bab 19</b> :	<b>Aktiviti Persatuan</b>	<b>227</b>
<b>Bab 20</b> :	<b>Direktori</b>	<b>259</b>



# **Bab 1**

## **Perutusan**

## **Ketua Pengarah Penilaian**

*P*erutusan

Ketua Pengarah Penilaian  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta





ssalamualaikum dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T atas segala nikmat dan izinNya jua, kita diberikan peluang meneruskan tugas mendokumentasikan semua aktiviti JPPH secara teratur mengikut keutamaan untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan 2014 ini. Ucapan tahniah saya ucapkan kepada semua pegawai dan staf di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan penerbitan laporan tahunan pada kali ini.

Kewujudan JPPH telah melewati 57 tahun dengan peranannya semakin dipertingkatkan lagi terutama dalam aktiviti penilaian. Sepanjang tahun 2014, Penilaian Perakaunan Akruan ke atas aset tanah dan bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan telah dimulakan secara aktif mengikut sasaran yang ditetapkan.

JPPH juga memperluaskan perkhidmatan kepakaran penilaian harta tanah ke peringkat antarabangsa dalam bentuk kerjasama teknikal dengan negara luar. Antaranya, *The Saudi Authority For Accredited Valuers (TAQEEM)*, Riyadh, Arab Saudi yang melantik Jabatan menjadi Konsultan Perundingan mereka meliputi perkara seperti latihan dan akademik, sistem IT dalam harta tanah, penerbitan dan maklumat harta tanah (NAPIC), prosedur dan pampasan Pengambilan Tanah serta Amalan dan Standard Penilaian Harta Tanah.

Selain itu, kerjasama teknikal dengan Indonesia iaitu bersama Direktorat Jeneral Kekayaan Negara (DJKN) / *Directorate General of State Asset Management (DGSAM)*, Kementerian Kewangan Indonesia. Program ini dibentuk khusus bagi memberi pendedahan dan perkongsian ilmu mengenai Pengenalan Sistem Pentadbiran Tanah dan Penilaian Harta Tanah di Malaysia meliputi Proses, Prosedur dan Penilaian bagi maksud Pengambilan Tanah serta pembangunan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

Kemampuan dan kekuatan JPPH juga diiktiraf apabila turut terlibat dalam menjalankan penilaian Harta Intelek. Sehubungan dengan ini, bagi memantapkan pengetahuan dalam membuat penilaian terhadap harta ini, Unit Harta Intelek dengan kerjasama MyIPO dan INSPEK telah menganjurkan beberapa siri latihan lanjutan melibatkan Pegawai penilaian di Ibu Pejabat dan Pejabat JPPH yang dikenal pasti.

Adalah diharapkan gabungan pelbagai fokus dan dimensi dalam kandungan laporan ini dapat memberikan maklumat yang jelas tentang peranan, fungsi serta aktiviti utama JPPH sepanjang tahun yang dilaporkan.

Sekali lagi, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan staf JPPH yang berusaha memajukan Jabatan serta memberikan sokongan padu dalam mencipta kejayaan yang dikecapi sekarang. Marilah sama-sama kita mengembangkan tenaga meletakkan Jabatan pada tangga yang tertinggi dan kewujudannya terus relevan sepanjang zaman.

Akhir kata, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan 2014.



Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar  
Ketua Pengarah Penilaian  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta  
Kementerian Kewangan Malaysia



## Bab 2

# Maklumat Korporat


## VISI JPPH

“Untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan penilaian harta tanah dan maklumat harta tanah menjelang tahun 2015.”

### Objektif

Bagi mencapai visi dan misi Jabatan, JPPH telah mengenal pasti objektif berikut:

- Memberi perkhidmatan penilaian, informasi dan penyelidikan yang berkualiti secara berterusan.
- Memperluaskan perkhidmatan penilaian dan perkhidmatan harta di agensi- agensi Kerajaan.
- Menjadikan JPPH bertanggungjawab ke atas pengurusan aset Kerajaan.
- Mewujudkan Pusat Kajian Lanjutan Harta Tanah yang diiktiraf.



“Kami akan memberi perkhidmatan penilaian, perundingan dan penyebaran maklumat di dalam bidang harta tanah yang boleh dipercayai, menepati masa serta profesional kepada para pelanggan kami.”

### *Boleh dipercayai*

Di mana para pelanggan kami mempunyai keyakinan terhadap kecekapan perkhidmatan kami.

### *Menepati Masa*

Di mana kepantasan dan kualiti menjadi cara kehidupan kami.

### *Profesional*

Di mana standard dan etika dimajukan untuk kepentingan awam.

## PENYATAAN MISI



## NILAI DAN PRINSIP PANDUAN

- Kami percaya kepada persekitaran yang menggalakkan kemajuan yang berterusan di kalangan pegawai dan staf kami berdasarkan sikap saling percaya mempercayai serta hormat-menghormati.
- Kami percaya kepada pemupukan inisiatif, inovasi dan penetapan objektif dengan mengamalkan sikap bertanggungjawab, berwibawa dan kebertanggungkiraan pada semua peringkat.
- Kami percaya kepada kerja berpasukan dan perhubungan terbuka bagi mencapai objektif organisasi kami.
- Kami akan menepati piagam pelanggan pada setiap masa.
- Kami akan berusaha ke arah kecemerlangan dengan melakukan sesuatu dengan betul pada kali pertama.
- Kami mempunyai komitmen untuk memperolehi kelebihan bersaing dengan sentiasa meningkatkan ‘Q’ kami.

*Perkhidmatan Bernilai Komitmen Kami*

# KOD ETIKA JABATAN

## NILAI TERAS

### AMAH

Menyempurnakan setiap tugas dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.

### BIJAKSANA

Melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab dengan rasional berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi.

### BENAR

Menjalankan setiap amalan, tindakan dan perilaku berasaskan kebenaran.

### TELUS

Membuat setiap keputusan dan tindakan melalui proses yang telus, pernyataan yang jelas dan terbuka tanpa berselindung.

### ADIL

Memberi pertimbangan yang wajar dan saksama terhadap setiap keputusan berasaskan undang - undang dan peraturan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

### BERSYUKUR

Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan yang diperolehi.

## NILAI KEMBANGAN

### PERCAYA

Percaya kepada diri, ketua dan rakan sejawat serta berdedikasi melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan adil dan berkesan.

### IKHLAS

Melaksanakan tugas dengan hati yang luhur, jujur dan rasa penuh tanggungjawab tanpa mengharapkan ganjaran dan pujian.

### TEPAT


Tepat, cermat dan betul dalam menjalankan tugas agar dapat mempertahankan pendapat dan keputusan yang dibuat.

### CEKAP

Cekap, pro-aktif dan responsif terhadap kehendak pelanggan.

### HORMAT

Hormat-menghormati antara satu sama lain, berfikiran terbuka dan bekerjasama untuk memberikan perkhidmatan yang bernilai.



## KUASA & FUNGSI UTAMA


Kuasa untuk menjalankan fungsi Jabatan sepertimana termaktub di bawah Seksyen 4, Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242) diberikan kepada Ketua Pengarah Penilaian untuk:

- Memungut dan menyusun kumpul apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah untuk membantu pegawai dan penilai dalam membuat penilaian;
- Memungut dan menyusun kumpul apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah mengenai segala atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan harta;
- Menyiarkan maklumat yang dipungut dan disusunkumpul kecuali jika maklumat itu diklasifikasikan sebagai sulit oleh, atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
- Memberikan maklumat dan nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang mengenai perkara yang berkaitan dengan harta;
- Mengadakan perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan latihan, perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang; dan
- Menyiasat dan memberi laporan kepada Menteri atas apa-apa perkara yang difikirkannya mungkin dapat memajukan standard penilaian, perejeman harta tanah dan perkhidmatan harta lain di Malaysia.

Atas permintaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, Ketua Pengarah boleh:

- Melakukan penilaian ke atas semua tanah dan bangunan termasuk perabot, lekapan, stok tred, loji & jentera dan barang lain;
- Melakukan penilaian ke atas tanah dan bangunan yang dikehendaki untuk kajian kemungkinan, prosiding mahkamah, timbangtaraan atau maksud yang lain;
- Bertindak sebagai ejen harta tanah termasuk mengadakan rundingan mengenai penjualan, pembelian, sewaan dan penyewaan melalui perjanjian, lelong atau tender; dan
- Melakukan pengurusan harta, pengurusan projek dan menyediakan atau menyemak dan memeriksa inventori perabot, lekapan, stok tred, loji & jentera dan barang lain.

Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya mengemukakan maklumat mengenai butir penjualan, pindah milik harta tanah atau butir-butir sesuatu kepentingan harta tanah yang ada di dalam simpanan beliau, kepada mana-mana pihak atau golongan pihak dengan mengenakan fi atau caj sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.



## PELANGGAN & STAKEHOLDER

### Secara Langsung

1. Kerajaan Persekutuan
2. Kerajaan Negeri
3. Badan Berkanun
4. Pihak Berkuasa Tempatan
5. Pertubuhan Perbadanan yang mana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri ada kepentingan

### Secara Tak Langsung

1. Pembeli/ Penjual Harta
2. Pembayar Cukai
3. Industri Harta Tanah
4. Institusi Kewangan
5. Pelabur
6. Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah

## PIAGAM PELANGGAN JPPH

**S**etelah pejabat menerima permohonan yang lengkap dan tepat kami berjanji memberi perkhidmatan penilaian dalam bidang harta tanah serta pengurusan kewangan dengan penuh tanggungjawab, dipercayai dan menepati masa dalam tempoh seperti berikut:

### ■ Penilaian Duti Setem

Melaporkan semua penilaian Duti Setem seperti berikut:

- (i) Harta Tanah Standard dalam tempoh satu(1) hari (berkuatkuasa mulai 1 Mac 2012) dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

- Rumah teres kediaman, kecuali:
  - Unit hujung
  - Unit dengan binaan sambungan
  - Unit belum siap
- Unit kediaman strata, iaitu rumah pangsa, pangaspuri dan kondominium.
- \* Catatan:
  - Permohonan nilaiann mesti dibuat melalui Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH)/ *Stamp Assessment and Payment System* (STAMPS).
  - Borang PDS 15 mesti dilengkapkan sepenuhnya (penentuan sama ada harta tanah adalah harta tanah standard atau bukan harta tanah standard ialah melalui maklumat yang terdapat dalam Borang PDS 15).

- (ii) Bukan Harta Tanah Standard dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

### ■ Penilaian Pinjaman Perumahan

Melaporkan semua penilaian Pinjaman Perumahan dalam tempoh lapan(8) hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

### ■ Penilaian Cukai Keuntungan Harta Tanah

Melaporkan semua penilaian Cukai Keuntungan Harta Tanah dalam tempoh lapan(8) hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

### ■ Penilaian Sewaan & Pajakan

Melaporkan semua penilaian Sewaan & Pajakan dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

### ■ Penilaian Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)

Melaporkan semua penilaian Tukar Syarat dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

### ■ Penilaian Pemberimilikan Tanah

Melaporkan semua penilaian Pemberimilikan Tanah dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

■ **Penilaian Harta Pusaka Kecil**

Melaporkan semua penilaian Harta Pusaka Kecil dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

■ **Penilaian Pembelian dan Penjualan**

Melaporkan semua penilaian Pembelian dan Penjualan dalam tempoh 20 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

■ **Penilaian Penswastaan dan Pengkorporatan**

Melaporkan semua penilaian Penswastaan dan Pengkorporatan dalam tempoh 20 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

■ **Penilaian Pengambilan Tanah**

Melaporkan semua penilaian Pengambilan Tanah dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan oleh pejabat.

Jika Piagam Pelanggan JPPH tidak ditepati maka cara pemulihannya adalah seperti berikut:

■ **Pemulihan Secara Reaktif**

Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah akan dipertanggungjawabkan bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk menyiapkan kes-kes tersebut dalam tempoh lima(5) hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan oleh pejabat.

■ **Pemulihan Secara Proaktif**


- Pelanggan akan dimaklumkan terlebih dahulu sekiranya terdapat masalah di dalam memproses sebarang penilaian iaitu ketidaaan atau ketidakcukupan data penting.
- Pelanggan juga akan diberitahu tarikh penilaian itu disiapkan.

- Logo ini melambangkan sebuah organisasi yang hebat dan dinamik, dengan meletakkan dirinya setaraf dengan organisasi terulung yang menyediakan perkhidmatan penilaian bertaraf dunia.
- Logo ini mencerminkan pembangunan yang berterusan tetapi tetap mantap dalam dunia yang semakin mencabar dan berubah-ubah.
- Ia juga jelas menunjukkan perkembangan rangkaian dan hubungan yang wujud antara JPPH dengan dunia luar, sering berubah tetapi sentiasa stabil.
- Titik yang utama melambangkan JPPH sebagai organisasi penilaian dan perundingan harta yang berbentuk global dan bertaraf antarabangsa.
- Titik-titik yang tersebar membawa maksud penyampaian maklumat dan nasihat harta tanah dengan cekap dan berkesan.
- Warna biru memberi maksud bahawa Jabatan ini merupakan sebuah organisasi yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.
- Warna merah melambangkan kematangan dan kecermerlangan Jabatan ini sebagai sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan penilaian, perundingan dan penyebaran maklumat mengenai harta tanah.

## PIAGAM PELANGGAN JPPH

## SISTEM PEMULIHAN PERKHIDMATAN

## LOGO JPPH



**LIRIK LAGU  
JABATAN PENILAIAN  
DAN PERKHIDMATAN  
HARTA**

MAKLUMAT KORPORAT

2

*Menaksir Menilai Mengurus Harta  
Dengan Kepakaran yang Tersedia  
Berkhidmat Cekap Tepat Berkualiti  
Tanggungjawab JPPH Kami*

*Buku Merah, Hijau dan Biru  
Amalan Menjamin Keseragaman  
Sistem yang Unik serta Dinamik  
Kamilah Simbol Kepercayaan*

*Bersama Berbakti Kepada Negara  
Rangkaian Pimpinan Berwibawa  
Bersama Menuju Arah Kejayaan  
Tingkatkan Perkhidmatan dan Penilaian*

*Membina Semangat Berpasukan  
Tunaikan Tugas Penuh Dedikasi  
Perkhidmatan Bernilai Teras Komitmen Kami  
Itulah Azam Sepanjang Zaman*



Dalam usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan, JPPH telah mengambil beberapa langkah untuk bertindak proaktif merangka strategi dan membuat penyesuaian terhadap sistem penyampaian sedia ada. Ianya selaras dengan perkembangan semasa yang mengutamakan kecekapan, ketepatan masa dan kehendak pelanggan. JPPH telah mengkaji semula proses kerja demi mempercepatkan kerja penilaian.

Prestasi JPPH melalui operasi pejabat JPPH berdasarkan Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan bagi 10 maksud nilai pada tahun 2014 adalah seperti Jadual 1-1 berikut:

**Jadual 1-1: Prestasi Pencapaian Piagam Pelanggan JPPH Tahun 2014**

Bil.	Maksud Penilaian	Piagam (Hari)	Jumlah Unit Dilapor	Pencapaian	
				Bilangan Unit Menepati Piawaian	%
1	Duti Setem	5	479,257	478,601	99.86
2	Pinjaman Perumahan	8	51,215	51,131	99.81
3	Cukai Keuntungan Harta Tanah	8	9,593	9,572	99.78
4	Sewaan & Pajakan	10	15,388	15,353	99.77
5	Pemberimilikan Tanah	10	18,481	18,415	99.64
6	Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)	10	12,576	12,511	99.48
7	Harta Pusaka Kecil	15	98,429	97,303	98.86
8	Penswastaan & Pengkorporatan	20	1,233	1,225	99.35
9	Pembelian/ Penjualan	20	6,944	6,912	99.54
10	Pengambilan Tanah	30	12,892	12,505	97.00


## PRESTASI PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JPPH



# Bab 3

# Struktur Organisasi JPPH

Carta Organisasi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta





# Bab 4

# Profil Pengurusan Tertinggi



## KETUA PENGARAH PENILAIAN

**YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar**  
D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., P.M.P., B.C.M.,

Post Graduate Diploma (Property Valuation and Management) Sheffield Hallam University,  
B.Surv. (Property Management) UTM,  
M.I.S.M., Penilai Berdaftar.

YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Penilaian mulai 16 November 2012.

Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Penilaian pada 12 April 1979. Sepanjang perkhidmatan beliau di JPPH, beliau telah memegang jawatan Pegawai Penilaian di JPPH Taiping, Penilai Daerah di JPPH Kluang, Pengarah Penilaian Negeri Perlis, Penolong Pengarah Negeri Johor, Pengarah Penilaian Negeri Melaka dan Pengarah Penilaian Negeri Perak. Di Ibu Pejabat JPPH, beliau pernah memegang jawatan sebagai Penolong Ketua Pengarah Penilaian JPPH (Penswastaan dan Pelaburan) yang kini dikenali sebagai Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal). Beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) pada 1 Jun 2006.

Selaku Ketua Pengarah Penilaian, Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar adalah Presiden Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia mulai tahun 2012 iaitu serentak dengan perlantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Penilaian. Beliau juga adalah ahli Pertubuhan Juruukur Malaysia (ISM) sejak tahun 1981.

Penglibatan beliau di peringkat antarabangsa ialah mengetuai delegasi Malaysia dalam Mesyuarat Persatuan Penilai ASEAN di Vietnam pada tahun 2009. Beliau juga pernah mewakili Malaysia di dalam mesyuarat dan seminar *Federation of Surveyors Congress (FIF)*, *International Asset Valuation Committee (IVSC)*, *International Real Estate Federation (FIABCI)* dan *Asia Pacific Real Estate Congress (APREC)*.

Pembukaan pejabat JPPH Klang di Negeri Selangor dan JPPH Jempol di Negeri Sembilan adalah merupakan antara sumbangan terbesar beliau kepada Jabatan.

**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PENILAIAN (TEKNIKAL)**

**Tuan Haji Faizan bin Abdul Rahman**  
K.M.N., A.M.P.,

M. Sc. (Facilities Management And Asset Maintenance) Heriot-Watt University,  
B.Surv. (Property Management) UTM,  
F.I.S.M., Penilai Berdaftar.

Tuan Haji Faizan bin Abdul Rahman memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Penilaian pada 12 April 1979 di Pejabat Penilaian Negeri Pahang. Selain itu, beliau pernah ditempatkan di JPPH Teluk Intan dan JPPH Taiping sebagai Penilai Daerah, Penolong Pengarah Penilaian di JPPH Ipoh, Perak serta Pengarah Penilaian Negeri di Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di Ibu Pejabat, beliau pernah menjadi Pengarah Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Perunding Harta) dan Pengarah Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) mulai 1 Ogos 2010.

Beliau merupakan ahli Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia sejak tahun 2000. Selain itu, beliau merupakan seorang *fellow* Institut Juruukur Malaysia. Beliau juga merupakan Bendahari Kehormat ASEAN *Valuers Association* (AVA) dan Bendahari AVA *Malaysian Chapter*.

Di antara sumbangan terbesar beliau ialah menghasilkan buku "JPPH Sepanjang Zaman" yang mencatatkan sejarah Jabatan dari tahun 1957 hingga 2000.





## TIMBALAN KETUA PENGARAH PENILAIAN(PENGURUSAN)

**Tuan Haji Nordin bin Daharom  
P.C.M., A.M.P.,**

Master of Land Economy, University of Aberdeen,  
B.Surv. (Property Management) UTM,  
Penilai Berdaftar.

Tuan Haji Nordin bin Daharom telah memulakan perkhidmatan di sektor kerajaan pada 14 April 1981 sebagai Pegawai Penilaian di Pejabat Penilaian Teluk Intan, Perak. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Unit Kadaran Hilir Perak pada tahun 1983. Selain itu, beliau pernah menjawat jawatan Penilai Daerah di JPPH Teluk Intan dan JPPH Seberang Perai, Penolong Pengarah Penilaian Negeri di JPPH Sabah dan JPPH Perak, Pengarah Penilaian Negeri di JPPH Kedah, JPPH Perak, JPPH Johor dan JPPH Selangor. Beliau pernah juga berkhidmat di Ibu Pejabat JPPH dengan memegang jawatan Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Perundingan Harta) dan Pengarah NAPIC. Beliau mula memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) pada 11 Mac 2013.

Beliau merupakan ahli *Royal Institution of Surveyors Malaysia* sejak tahun 2006. Beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia mulai tahun 2010 sehingga sekarang.

Penglibatan beliau di peringkat antarabangsa ialah mewakili Malaysia di dalam mesyuarat dan seminar seperti AVA *Pre Congress* di Singapura dan *National Congress of Government Valuer* di Jakarta. Beliau juga pernah menyertai Misi Penilaian ke Thailand, Indonesia, Sweden, Brazil, Emirates Arab Bersatu dan Switzerland. Beliau turut terlibat membentangkan kertas kerja di *Sharjah Urban Planning Symposium* ke 9 dan pembentangan kertas kerja *Land Acquisition Malaysian Experience* dan *National Information Centre in Malaysia* di *National Congress of Government Valuer* di Jakarta. Pada tahun 2006, beliau telah menjadi tenaga pengajar dalam bidang *property information* kepada peserta kursus *staff Directorate of Town Planning and Survey Sharjah*.

# Bab 5

## Pegawai Kanan Ibu Pejabat JPPH



Dari kiri ke kanan:

YBhg. Dato' Lau Wai Seang, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Penilaian; Cik Lim Yin Yee, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat; En. Huan Cheng Kee, Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal); Tn. Hj. Mohd. Khairudin bin Abd Halim, Pengarah Bahagian Loji dan Jentera dan En. Ahmad Zailan bin Azizuddin, Pengarah Bahagian Perundingan Harta.



Dari kiri ke kanan:

En. Khalid bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan; En. Ishak bin Zakaria, Pengarah Bahagian Integriti dan Audit Teknikal; Pn. Norlinda binti Daim, Pengarah Bahagian Perancangan Korporat; En. Abdul Razak bin Yusak, Pengarah Bahagian Pengambilan Tanah; En. Md. Badrul Hisham bin Awang, Pengurus Projek Pasukan VIS Baru dan En. Rashib bin Nang, Pengarah Bahagian Penswastaan dan Pelaburan.



# Bab 6

# Pengarah Penilaian Negeri



Dari kiri ke kanan:


YBhg. Dato' Zaleha binti Baharum, Pengarah Penilaian Negeri Terengganu; YBrs. Dr. Hjh. Zailan binti Mohd. Isa, Pengarah Penilaian Negeri Selangor; YBrs. Dr. Norziha binti Md. Zain, Pengarah Penilaian Negeri Wilayah Persekutuan; YBrs. Dr. Rahah binti Ismail, Pengarah Penilaian Negeri Johor; Pn. Faaizah binti Md. Saad, Pengarah Penilaian Negeri Kedah; YBhg. Dato' Phuah Tick Lai, Pengarah Penilaian Negeri Pulau Pinang; dan En. Sautarwin bin Marto, Pengarah Penilaian Negeri Perak.



Dari kiri ke kanan:

En. Lee Tong Bian, Pengarah Penilaian Negeri Perlis; En. Hamidon bin Haron, Pengarah Penilaian Negeri Kelantan; En. Salleh bin Mat Ali, Pengarah Penilaian Negeri Pahang; En. Abd Halim bin Yaakub, Pengarah Penilaian Negeri Melaka; En. Arifin bin Mohd, Pengarah Penilaian Negeri Sabah; En. A'zmi bin Abdul Latif, Pengarah Penilaian Negeri Sembilan dan En. Basarudin bin Mohd. Basir, Pengarah Penilaian Negeri Sarawak.

## Carta Organisasi Pejabat Pengarah Penilaian Negeri



## FUNGSI UTAMA

- Mengelola secara menyeluruh semua kerja ikhtisas, pentadbiran dan kewangan di negerinya.
- Menyediakan keperluan tahunan mengenai tenaga manusia dan kewangan bagi negerinya.
- Memantau laporan berkala.
- Bertanggungjawab ke atas penyediaan semua laporan bagi penerbitan Jabatan bagi negerinya.
- Merancang, mengurus dan memantau Sasaran Kerja Tahunan bagi negerinya.
- Menguruskan perjalanan tindakan tatatertib Jabatan di negerinya.
- Merancang dan menentukan keperluan latihan bagi pegawai dan staf di negerinya.
- Memastikan pelaksanaan program pembaharuan dan pemodenan dalam mengurus dan mentadbir di negerinya.
- Melaksanakan keputusan dasar berkaitan kerja ikhtisas di negerinya.
- Menyemak dan meluluskan kerja penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai bawahannya.
- Menilai harta tanah bagi kes tertentu.
- Memaklumkan kepada Ketua Pengarah Penilaian semua perubahan ikhtisas yang melibatkan negerinya.
- Menasihati dan menyelaraskan kerja ikhtisas dengan Jabatan dan agensi Kerajaan di negerinya.
- Menyelaras dan menyeliakan kerja Kadaran di negerinya.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kerajaan dan agensi dalam semua aspek perkhidmatan harta termasuk kajian kemungkinan, pengurusan harta tanah dan agensi harta tanah.
- Menghadiri mesyuarat, perbincangan dan perundingan berkaitan tugas ikhtisas.
- Mengumpul dan menyelaras data dan maklumat berkaitan industri harta tanah di dalam negerinya.
- Membantu Penasihat Undang-Undang Negeri mengenai perkara berkaitan penilaian dan pampasan bagi kes Rujukan Mahkamah.



# Bab 7

## Penilai Daerah

## PENILAI DAERAH PEJABAT JPPH 2014

### NEGERI PULAU PINANG

- En. Nik Hilmi bin Nik Mansor  
Penilai Daerah  
JPPH George Town
- En. Amran bin Mat Yaacob  
Penilai Daerah  
JPPH Seberang Perai

### NEGERI KEDAH

- En. Johari bin Ismail  
Penilai Daerah  
JPPH Alor Setar
- En. Che Rusle bin Mat Arop  
Penilai Daerah  
JPPH Sungai Petani
- Pn. Farha binti M. Saad  
Penilai Daerah  
JPPH Kulim
- Pn. Fadzilah binti Abd. Hamid  
Penilai Daerah  
JPPH Langkawi

### NEGERI PERAK

- En. Khazani bin Ismail  
Penilai Daerah  
JPPH Ipoh
- Pn. Rosliza binti Ramli  
Penilai Daerah  
JPPH Taiping
- En. Khalid bin Abdul Mutualib  
Penilai Daerah  
JPPH Teluk Intan

### NEGERI SELANGOR

- En. Mohamad Razali bin Mohamad Salleh  
Penilai Daerah  
JPPH Shah Alam
- Pn. Rohani binti Mohamad  
Penilai Daerah  
JPPH Gombak
- En. Mohamad Azlan bin Abdul Kadir  
Penilai Daerah  
JPPH Bandar Baru Bangi
- En. Mohd Rodzhan bin Khairudin  
Penilai Daerah  
JPPH Klang

### WILAYAH PERSEKUTUAN

- Tn. Hj. Rosli bin Yahya  
Penilai Daerah  
JPPH Kuala Lumpur
- En. Noorhafez bin Nordin  
Penilai Daerah  
JPPH Putrajaya
- En. Saharun bin Kasim  
Penilai Daerah  
JPPH Labuan

### NEGERI JOHOR

- Pn. Rasidah binti Isnin  
Penilai Daerah  
JPPH Johor Bahru
- Tn. Hj. Azmi bin Abd. Khalid  
Penilai Daerah  
JPPH Batu Pahat
- En. Rahmat bin Kasim  
Penilai Daerah  
JPPH Muar
- Pn. Ariah binti Amat  
Penilai Daerah  
JPPH Segamat
- Pn. Siti Aminah binti Zainal  
Penilai Daerah  
JPPH Kluang

## PENILAI DAERAH PEJABAT JPPH 2014

### NEGERI TERENGGANU

- En. Raf'ee bin Ja'afar  
Penilai Daerah  
JPPH Kuala Terengganu
- Pn. Maznah binti Ngah  
Penilai Daerah  
JPPH Chukai
- En. Rakawi bin Buyong  
Penilai Daerah  
JPPH Jerteh

### NEGERI KELANTAN

- Pn. Norhayati binti Daud  
Penilai Daerah  
JPPH Kota Bharu
- Pn. Aishah binti Zakaria  
Penilai Daerah  
JPPH Kuala Krai

### NEGERI PAHANG

- En. Mohd Rofi bin Yusof  
Penilai Daerah  
JPPH Kuantan
- En. Yusneta bin Idon  
Penilai Daerah  
JPPH Temerloh
- En. Mohd Fitry bin Hassim  
Penilai Daerah  
JPPH Raub

### NEGERI SEMBILAN

- Pn. Sawiyah @ Sawiah  
binti Abdullah  
Penilai Daerah  
JPPH Seremban
- Pn. Mazlina binti Awang  
Kechik  
Penilai Daerah  
JPPH Jempol

### NEGERI SARAWAK

- En. Azrul Thani bin  
Sa'adun  
Penilai Daerah  
JPPH Kuching
- En. Tan Eng Peik  
Penilai Daerah JPPH Miri
- Pn. Lisa Low Seow Wei  
Penilai Daerah JPPH Sibu


### NEGERI SABAH

- Tn. Syed Anuar bin Syed  
Norddin  
Penilai Daerah  
JPPH Kota Kinabalu
- En. Mohd Shari bin Baba  
Penilai Daerah  
JPPH Sandakan
- Pn. Zarinah binti Abdullah  
Penilai Daerah  
JPPH Tawau

### NEGERI MELAKA

- En. Mohd Zamri bin Awang  
Penilai Daerah  
JPPH Melaka

### Carta Organisasi Pejabat Penilai Daerah



## FUNGSI UTAMA

- Mengelola semua kerja ikhtisas, pentadbiran dan kewangan di pejabatnya.
- Mengesyorkan kepada Pengarah Penilaian Negeri keperluan tahunan mengenai tenaga manusia dan kewangan bagi pejabatnya.
- Menguruskan laporan berkala Jabatan.
- Bertanggungjawab ke atas penyediaan laporan bagi penerbitan Jabatan di bawah pengawasan pejabatnya.
- Menyediakan Sasaran Kerja Tahunan bagi pejabatnya.
- Menyediakan Laporan Tahunan bagi pejabatnya.
- Merancang, menyediakan dan menguruskan belanjawan tahunan pejabatnya.
- Menyemak dan meluluskan penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai bawahannya tertakluk kepada peraturan had kuasa melapor.
- Menyelaras kerja teknikal bagi pejabatnya.
- Menilai harta tanah untuk pelbagai maksud.
- Menyelaras dan menyelia kerja Kadaran bagi daerah-daerah di bawah pengawasan pejabatnya.
- Mengesyorkan kepada Pengarah Penilaian Negeri tentang perubahan ikhtisas dan pentadbiran yang melibatkan daerah di bawah pengawasan pejabatnya.
- Menyelaras dengan Jabatan Persekutuan/ Negeri/ Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di daerah yang di bawah pengawasan pejabatnya.
- Hadir ke mahkamah sebagai Saksi Pakar bagi kes yang dirujuk ke Mahkamah.



Bab 8

Fokus 2014

A decorative banner featuring a dense, symmetrical pattern of stylized leaves and dots in various shades of blue against a dark blue background. The central text 'Bab 8' is positioned above 'Fokus 2014'.

## SEGMEN FOKUS 2014

### ■ PENILAIAN ASET TAK ALIH KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI MAKSUM PERAKAUNAN AKRUAN

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) merupakan sebuah jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam penilaian bagi maksud Perakaunan Akruan. JPPH telah diamanahkan oleh kerajaan melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk menjalankan kerja penilaian ke atas tanah dan bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan.

Sehingga bulan Disember 2014, JPPH telah menerima sebanyak 37,688 aset tak alih kerajaan yang digunakan oleh 24 kementerian yang terletak di seluruh Negara. Senarai aset tak alih ini telah dihantar secara berkala oleh Kementerian kepada Jabatan bermula bulan Januari 2013.

JPPH telah memberi prioriti dan komitmen yang tinggi dalam penilaian Perakaunan Akruan supaya ia dapat disiapkan sepenuhnya dalam tahun 2014. Sehingga Julai 2014, Jabatan telah menerima sejumlah 24,956 aset dan tambahan sebanyak 12,739 aset diterima dari bulan Ogos hingga bulan Disember 2014.

Jaminan telah diberikan kepada kerajaan untuk menyiapkan penilaian dalam tempoh setahun sehingga 31 Disember 2014 bagi aset yang diterima sebelum bulan Julai 2014. Bagi memenuhi sasaran tersebut, Jabatan telah memperolehi kakitangan kontrak seramai 60 orang terdiri daripada 10 orang Pegawai Penilaian, 15 orang Penolong Pegawai Penilaian dan 35 orang Pembantu Penilaian. Kakitangan kontrak ini telah ditempatkan di seluruh Malaysia mengikut keperluan. Satu garis panduan penilaian telah disediakan untuk kemudahan dan rujukan pejabat JPPH. Pemantauan kesiapan kerja penilaian dilakukan setiap bulan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri (PPN).

Sepanjang tahun 2014, JPPH telah berusaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan yang mana prestasi yang ditunjukkan adalah sangat baik. Berdasarkan jumlah keseluruhan senarai aset yang diterima sehingga Disember 2014 iaitu sebanyak 37,695 aset, pejabat JPPH telah berjaya menyiapkan nilai sebanyak 34,019 aset iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan berjumlah 24,956 aset. Baki aset yang diterima kemudian akan disiapkan sebelum 31 Mac 2015. Prestasi ini menunjukkan kejayaan JPPH mampu melaksanakan tugas yang mencabar untuk kepentingan Negara dalam mencapai pelaksanaan Perakaunan Akruan yang telah dijadualkan menjelang tahun 2016.



## SEGMEN FOKUS 2014

■ **PELANTIKAN JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) SEBAGAI KONSULTAN PERUNDINGAN BAGI MEMBANGUNKAN PROFESION PENILAIAN DI ARAB SAUDI - SAUDI AUTHORITY FOR ACCREDITED VALUERS (TAQEEM)**

JPPH telah menjalin hubungan baik dengan *Saudi Authority for Accredited Valuers* (TAQEEM) iaitu hasil lawatan kerja mereka ke JPPH pada 30 April 2013 yang lalu. Lanjutan daripada lawatan kerja TAQEEM ke INSPEKSI, beberapa perbincangan dan persetujuan telah diatur untuk memastikan perundingan, penyediaan modul dan prosedur kerja dapat disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan. JPPH telah dipilih oleh TAQEEM dan menunjukkan minat untuk melantik JPPH sebagai konsultan perundingan bagi membangunkan profesion penilaian di Arab Saudi.

Kesinambungan itu, JPPH telah membentuk rangka kerja dan penubuhan sebuah Jawatankuasa Perundingan melibatkan lima (5) bidang utama iaitu Latihan dan Pendidikan, Teknologi Maklumat, NAPIC, Pengambilan Tanah (Eminent Domain) serta *Valuation Standard*. Ahli jawatankuasa ini telah dipilih di kalangan pegawai kanan Jabatan yang mewakili Bahagian atau pejabat masing-masing.

Jawatankuasa ini telah mengadakan bengkel khas membincangkan persiapan dan pembentukan modul serta penyediaan dokumen cadangan pembangunan profesion penilaian bagi Program Kerjasama Teknikal di bawah rangka kerja Saudi - Malaysia Joint Committee untuk dibentangkan kepada pengurusan tertinggi TAQEEM di Arab Saudi. Bengkel Perkhidmatan Perundingan tersebut telah diadakan pada 6 hingga 8 Ogos 2014 di INSPEKSI. Antara pengisian program bengkel ini adalah seperti berikut:

- Perlantikan perundingan jabatan bagi kedua-dua projek konsultansi TAQEEM dan Indonesia (Direktorat Jeneral Kekayaan Negara-DJKN)
- Penyediaan ringkasan kerja dan *gantt chart* serta pembentangan.
- Penyediaan draf laporan projek.
- Sesi bersama Ketua Pengarah Penilaian.

#### LAWATAN KERJA KE ARAB SAUDI

Lawatan kerja ke Arab Saudi telah diadakan di Riyadh, Arab Saudi pada 7 hingga 12 September 2014. Lawatan tersebut telah dihadiri seramai tujuh (7) orang pegawai dari JPPH yang diketuai oleh Tn. Hj Faizan bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) dan 11 orang pegawai dari TAQEEM yang diketuai oleh Mr. Esam H Almubarak, *Secretary General of TAQEEM*.

Antara program sepanjang lawatan seperti yang berikut:

- 1) Lawatan rasmi ke *Ministry of Justice* (MoJ) bagi menghadiri mesyuarat dan pembentangan berkaitan *Real Estate Index Development*.
- 2) Lawatan rasmi ke *Ministry of Municipalities and Rural Affairs* bagi menghadiri mesyuarat dan pembentangan berkaitan *Comparative Study of Eminent Domain and Best Practices*.
- 3) Lawatan rasmi ke *King Abdullah District, Riyadh* (masih dalam pembinaan)
- 4) Lawatan rasmi ke *Saudi Industrial Property Authority* (MODON) Headquaters bagi persembahan video korporat.
- 5) Mesyuarat bersama *members of Tathmen* (Private Valuer) bagi perbincangan berkaitan *Valuation Practice in KSA*.
- 6) Pembentangan berkaitan *Consultancy Services* kepada TAQEEM Standard Committee Members.

Hasil dari lawatan ini beberapa persetujuan telah dicapai semasa lawatan kerja tersebut melibatkan *Term of Reference* yang perlu dirujuk oleh JPPH di dalam penyediaan dokumen perundingan iaitu seperti berikut:

- 1) Latihan dan Pendidikan dalam bidang harta tanah (Training & Education in Real Estate)
  - Fasa I:
    - Mengkaji semula kurikulum sedia ada bagi program latihan asas 75 jam pertama.
    - Mengkaji semula dan *localize* program latihan Kursus Harta Tanah bagi 75 jam kedua.
  - Fasa II:
    - Melatih tenaga pengajar bagi kursus Harta Tanah.
    - Menyediakan Kit Latihan (Training Kit) bagi tenaga pengajar.
- 2) IT dalam bidang Harta Tanah (IT in Real Estate)
  - Fasa I:
    - Mencadangkan sistem dan program akreditasi bagi penilai yang diintegrasikan dengan Portal Qima sedia ada.
  - Fasa II:
    - Mencadangkan sistem dan program penyeliaan penilai yang diintegrasikan dengan Portal Qima sedia ada.
- 3) Indeks Harta Tanah (Real Estate Index)
  - Fasa I:
    - Mengkaji pangkalan data pindahmilik harta tanah di Arab Saudi.
    - Mengkaji Indeks Harta Tanah sedia ada yang diterbitkan oleh *Ministry of Justice*.
    - Mencadangkan pembangunan bagi Indeks Harga Harta Tanah bagi Arab Saudi.
  - Fasa II:
    - Membangunkan Indeks Harga Harta Tanah bagi Arab Saudi.
- 4) Pengambilan Tanah (Eminent Domain)
  - Fasa I:
    - Mengkaji semula Akta dan Undang-Undang Pengambilan Tanah di Arab Saudi berdasarkan amalan di Malaysia dan seluruh dunia.
  - Fasa II:
    - Mencadangkan pindaan kepada Akta dan Undang-undang tersebut berdasarkan amalan di Malaysia dan seluruh dunia.
  - Fasa III:
    - Mencadangkan Nota Panduan (Guidance Notes) bagi Akta Pengambilan Tanah untuk “Just Compensation”.
- 5) *International Valuation Standards*
  - Menyediakan garis panduan yang jelas bagi *International Valuation Standards in Real Estate* di Arab Saudi.



### MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA (MoU) TEKNIKAL ANTARA JPPH DENGAN TAQEEM, ARAB SAUDI

Pada 28 hingga 31 Disember 2014, Jawatankuasa Perundingan JPPH telah dijemput oleh TAQEEM di Arab Saudi untuk membentangkan kemajuan kerjasama teknikal JPPH dengan TAQEEM yang mencetuskan hubungan baik kedua negara dalam profesion penilaian harta tanah melibatkan lima (5) bidang utama dengan pihak TAQEEM.

Dalam lawatan kerja ini, delegasi JPPH telah mengadakan mesyuarat peringkat tertinggi dengan Timbalan Menteri, Mr. Esam H. Almubarak yang juga merupakan *Secretary General of TAQEEM* dan juga diadakan sesi taklimat daripada pihak TAQEEM.

Bagi melihat kembali kemajuan dan perkembangan persiapan Jawatankuasa Perundingan JPPH - TAQEEM, satu sesi pembentangan dan perbincangan lanjut tentang kerjasama teknikal ini telah dilaksanakan pada 29 dan 30 Disember 2015 iaitu:

- *Training; Proposed New Training* oleh Tn. Hj. Mohd Nazri bin Ahmad Zahari, Timbalan Pengarah INSPEK.
- *Eminent Domain; Progress Report & Simplified Guidance Notes* oleh Pn. Mashitoh binti Halim.
- *International Valuation Standard; Clear Guidance* oleh Pn. Mashitoh binti Halim
- *Real Estate Index* oleh Pn. Mashitoh binti Halim
- *Teknologi Maklumat: Valuation Summary Report* oleh Pn. Mashitoh binti Halim

Berikutan itu, satu majlis menandatangani memorandum kerjasama (MoU) teknikal antara JPPH dengan TAQEEM telah diadakan di Riyadh, Arab Saudi pada 30 Disember 2014. Memorandum ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta mewakili JPPH dan Kerajaan Malaysia dengan pihak TAQEEM yang di ketuai oleh En. Esam Almubarak, Setiausaha Agung TAQEEM sebagai mewakili Kerajaan Arab Saudi.

Harapan dan ekpektasi tinggi TAQEEM kepada JPPH telah menggerakkan Jawatankuasa Perundingan TAQEEM untuk mempercepatkan kerjasama ini dilaksanakan menjelang tahun 2015. Pihak JPPH telah membuat perancangan teliti dan penyusunan semula secara efektif untuk memperlengkapkan modul perundingan latihan penilaian harta tanah serta penyediaan tenaga pengajar yang lengkap untuk dihantar ke Arab Saudi. Kumpulan pertama ini akan dihantar ke TAQEEM bermula pada tahun 2015.



■ **PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) DENGAN DIREKTORAT JENERAL KEKAYAAN NEGARA (DJKN)**

JPPH melalui Pusat Perundingan dan Pembangunan Produk INSPEL menjalankan kerjasama teknikal dengan Direktorat Jeneral Kekayaan Negara (DJKN)/ *Directorate General of State Asset Management (DGSAM)*, Kementerian Kewangan Indonesia. Program ini bermula pada 12 hingga 18 Oktober 2014 yang melibatkan 11 orang delegasi DJKN telah berkunjung ke JPPH dan aktiviti sepanjang mereka berada di sini adalah diseliakan oleh INSPEL.

Program kerjasama teknikal ini bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat dan latihan dalam bidang penilaian harta tanah khususnya dalam proses dan prosedur Pengambilan Tanah. Selain itu, khidmat nasihat dan latihan turut diberikan dalam bidang maklumat harta tanah sebagaimana peranan NAPIC (National Property Information Centre) sedia ada.

DJKN adalah merupakan organisasi yang dibentuk di bawah Kementerian Kewangan Indonesia yang berfungsi untuk menjalankan fungsi mentadbir harta, hutang, aset dan lelong. Pentadbiran aset negara melibatkan penilaian semua aset kerajaan bagi menentukan nilai bagi maksud perakaunan dan beberapa maksud yang lain seperti pengeluaran Sukuk, Pelupusan dan Pengurusan Aset. Penilaian adalah merupakan salah satu dari “core business” DJKN.

Sehubungan dengan itu, pihak DJKN telah menghantar 11 orang delegasi mereka untuk mengikuti program latihan dan lawatan kerja teknikal selama tujuh (7) hari di JPPH.

Program “Tailor Made Experience Sharing Programme on Land Acquisition and National Property Information Centre (NAPIC)” dibentuk khusus bagi memberi pendedahan mengenai Pengenalan Sistem Pentadbiran Tanah dan Penilaian Harta Tanah di Malaysia, Proses, Prosedur dan Penilaian bagi maksud Pengambilan Tanah serta pembangunan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

Para delegasi telah menjalani latihan dan lawatan kerja ke INSPEL, JPPH Ibu Pejabat, NAPIC Ibu Pejabat, JPPH Putrajaya, JPPH Kuala Lumpur, JPPH Negeri Selangor, Mahkamah Tinggi Shah Alam serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Satu mesyuarat “High Level Meeting” (HLM) turut diadakan pada 17 Oktober 2014 yang mana JPPH diketuai oleh Tn. Hj. Faizan bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) dan disertai oleh Pengurusan Tertinggi serta 14 orang Pegawai Kanan JPPH yang lain. Bagi Delegasi DJKN pula, ia diketuai oleh Ibu Nuning SR Wulandari, Tenaga Pengkaji Harmonisasi Kebijakan. Mesyuarat HLM ini adalah bagi membincangkan tentang aktiviti usaha sama dan kolaborasi di antara dua negara dalam pelbagai isu harta tanah khususnya aktiviti Pengambilan Tanah dan pembangunan NAPIC.



### LAWATAN KERJA TEKNIKAL JPPH KE DJKN

Program ini merupakan lanjutan daripada lawatan kerja teknikal DJKN ke JPPH dan INSPEN yang diadakan sebelum ini. Pihak JPPH telah membuat lawatan balas kerjasama teknikal ke Jakarta, Indonesia pada 9 hingga 13 Disember 2014 dan seramai tujuh (7) orang delegasi JPPH yang diketuai oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar (Ketua Pengarah Penilaian) Pengurusan Tertinggi jabatan dan Pegawai Kanan JPPH yang lain.

### PROGRAM WORKSHOP PENILAIAN DALAM RANGKA PENGADAAN TANAH UNTUK KEPENTINGAN UMUM

Pada 10 Disember 2014, telah berlangsung program *Workshop* Penilaian Dalaman Rangka Pengadaan Tanah untuk Kepentingan Umum yang bertempat di Bangunan DJKN, Jakarta. Program ini disertai oleh lebih kurang 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai DJKN di Ibu Pejabat dan cawangan di seluruh Indonesia. Program ini turut dihadiri oleh wakil dari Kemenko Perekonomian, Kemendagri dan Pusat Pembinaan Akauntan Jasa Penilai (PPAJP).

Acara dimulakan dengan ucaptama oleh Bapak Meirijal Nur, Direktur Penilaian DJKN dan ucapan *keynote* oleh Dr Hadiyanto, Direktur Jeneral Kekayaan Negara, DJKN. Program dibahagikan kepada dua (2) sesi iaitu pembentangan oleh empat (4) orang panel dari kedua-dua negara diikuti dengan sesi soal jawab dan perbincangan mengenai isu yang berkaitan Pengambilan Tanah. Perkongsian maklumat dan pengalaman mengenai Pengambilan Tanah di antara kedua-dua negara berlangsung dengan lancar.

### PROGRAM LAWATAN KE IBU PEJABAT DJKN DAN MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN KERJASAMA TEKNIKAL

Pada 11 Disember 2014, telah diadakan lawatan ke Ibu Pejabat DJKN yang diketuai oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian. Acara dimulakan dengan pembentangan mengenai pengenalan organisasi, fungsi dan cadangan bidang kerjasama teknikal kedua-dua negara. Pembentangan dimulakan oleh Dr Hadiyanto, Direktur Jeneral Kekayaan Negara, DJKN diikuti dengan YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian.

Selepas pembentangan dijalankan, perbincangan ringkas mengenai cadangan kerjasama dibuat dan diputuskan untuk menjalankan kerjasama teknikal dalam aktiviti *Training, Joint Research, Internship/ Staff Exchange, Conference/ Seminar, Sharing Experience* dan *Workshop*.

Seterusnya, Majlis Menandatangani Dokumen Kerjasama Teknikal DJKN dan JPPH telah diadakan. Majlis ini berjalan dengan lancar dan disudahi dengan acara bertukar-tukar cenderamata antara kedua-dua negara.



**PROGRAM LAWATAN KE ACCOUNTANT & PUBLIC VALUER DEVELOPMENT CENTER/ PUSAT PEMBINAAN AKUNTAN DAN JASA PENILAI (PPAJP), KEMENTERIAN KEWANGAN INDONESIA**

Pada 11 Disember 2014, delegasi JPPH dibawa melawat ke Pusat Pembinaan Akauntan dan Jasa Penilai (PPAJP) di bangunan PPAJP, Jakarta. Lawatan ini diketuai oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pengarah NAPIC. Delegasi disambut oleh Kepala Pusat Pembinaan Akauntan dan Jasa Penilai, Sekretariat Jenderal Kementerian Keuangan Republik Indonesia (RI) iaitu Bapak Langgeng Subur.

PPAJP adalah satu badan yang bertanggungjawab mengembangkan dan mengawal selia profesion akauntan dan penilaian swasta di Indonesia.

**PROGRAM LAWATAN KE NATIONAL LAND AGENCY (BADAN PERTANAHAN NASIONAL - BPN) DAN PERJUMPAAN DENGAN MENTERI AGRARIA & TATA RUANG**

Lawatan delegasi JPPH diteruskan ke Bangunan BPN pada 12 Disember 2014 dan diketuai oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian. Delegasi disambut oleh Deputi Bidang Pengadaan Tanah iaitu Dr. Budi Mulyanto dan turut diraikan oleh Menteri Agraria dan Tata Ruang. Badan Pertanahan Nasional (BPN) adalah Lembaga Pemerintah Non Kementerian yang bertanggung jawab kepada Presiden dan dipimpin oleh Menteri Agraria dan Tata Ruang Ferry Mursyidan Baldan.

Delegasi JPPH diberikan penerangan mengenai fungsi BPN dan pengambilan tanah di Indonesia. Fungsi BPN adalah melibatkan perkara yang berkaitan dengan tanah yang mana seakan sama dengan fungsi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di Malaysia.

Kerjasama dengan Direktorat Jeneral Kekayaan Negara (DJKN) telah lama bermula sejak tahun 2005 menerusi program MTCP. *Program Tailor Made Experience Sharing Programme On Land Acquisition And National Property Information Centre (NAPIC)* yang telah dibentuk ini adalah merupakan satu permulaan bagi perhubungan kerjasama teknikal dalam jangka masa yang panjang untuk masa akan datang. Program yang dipersetujui dan bakal dilaksanakan pada masa hadapan adalah berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam dokumen kerjasama teknikal yang telah ditandatangani. Secara tidak langsung, ini akan mengeratkan lagi hubungan antara kedua negara dalam tugas penilaian serta pengurusan harta tanah.





# Bab 9

## Perkhidmatan Teras JPPH

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah merupakan salah satu agensi yang terletak di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1957, fungsi dan aktiviti Jabatan telah berkembang dengan pesatnya untuk meliputi banyak bidang kepakaran yang relevan dan berkait rapat dengan industri harta tanah.

Bagi memberi perkhidmatan yang menyeluruh, Jabatan telah menggariskan perkhidmatan teras yang terdiri dari tiga (3) aktiviti, iaitu:

- A) Aktiviti Penilaian dan Perkhidmatan Harta
- B) Aktiviti Latihan dan Penyelidikan (INSPEN)
- C) Aktiviti Informasi Harta Tanah (NAPIC)

#### **A) AKTIVITI PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA**

Peranan JPPH ialah memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensinya, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai perkara yang berkaitan dengan penilaian, perundingan serta perkhidmatan lain yang bersangkutan dengan harta tanah. Khidmat nasihat berkenaan merangkumi perkara berikut:

- i) Penilaian Tanah, Bangunan dan Loji & Jentera bagi maksud:
  - Pengambilan Tanah
  - Pemberimilikan Tanah
  - Penswastaan dan Pengkorporatan
  - Izin-Lalu Elektrik
  - Pembelian dan Penjualan
  - Sumbangan Membantu Kadar
  - Duti Setem
  - Pinjaman Perumahan
  - Cukai Keuntungan Harta Tanah
  - Sewaan dan Pajakan
  - Duti Harta Pusaka
  - Insurans Kebakaran
  - Pengubahan Kategori/ Syarat kegunaan Tanah (Tukar Syarat)
  - Kadar
  - Nilaian Am
- ii) Perundingan Harta Tanah termasuk:
  - Penilaian tanah dan bangunan untuk kajian kemungkinan, prosiding mahkamah, timbangtaraan, pengurusan projek dan maksud-maksud lain
  - Pengurusan Harta
  - Perejenan Harta Tanah
- iii) Perkhidmatan lain:
  - Penjualan Maklumat Transaksi Harta Tanah JPPH
    - Ketua Pengarah Penilaian boleh membekalkan maklumat harta tanah mengenai penjualan atau pindah milik atau kepentingan di atas tanah tertakluk kepada bayaran fi sebagaimana ditetapkan oleh Menteri Kewangan Malaysia. Perkhidmatan ini diberi khusus kepada Penilai, Pentaksir atau Ejen Harta Tanah berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia. Ianya boleh juga diberikan kepada perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang dibenarkan menjalankan amalan penilaian oleh Lembaga dan mana-mana individu, perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang diberi kelulusan oleh Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
    - Pemohon dikehendaki mengemukakan sesalinan Borang A (Permohonan Untuk Mendapatkan Maklumat Tentang Penjualan dan Pindahmilik Tanah) yang lengkap diisi kepada pejabat JPPH berkaitan kerana urusan penjualan data transaksi dikendalikan mengikut kawasan operasi JPPH.

- Fi yang dikenakan bagi jualan maklumat transaksi harta tanah yang dibekalkan adalah seperti berikut:
  - Bagi permintaan maklumat sekali sahaja (tunggal), fi adalah sebanyak RM1.00 bagi setiap transaksi yang dibekalkan (tertakluk kepada fi minimum RM1.00 walaupun tiada maklumat transaksi). Maklumat transaksi akan diberi dalam bentuk cetakan.
  - Bagi permintaan maklumat secara berterusan, fi adalah sebanyak RM0.60 bagi setiap transaksi yang dibekalkan (tertakluk kepada fi minimum RM6.00). Maklumat transaksi akan diberi dalam bentuk elektronik.
  - Bayaran boleh dibuat samada secara tunai, cek atau kiriman wang. Bayaran melalui cek, atau kiriman wang hendaklah dibuat atas nama ‘Akauntan Negara Malaysia’. Segala bayaran hendaklah dijelaskan apabila maklumat transaksi harta tanah dibekalkan oleh pejabat JPPH berkaitan.

#### B) AKTIVITI LATIHAN DAN PENYELIDIKAN (INSPEN)

Institut Penilaian Negara (INSPEN) ditubuhkan pada tahun 1985 sebagai pusat latihan dan penyelidikan di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Dengan persijilan MS ISO 9001:2008, INSPEN menjadi penggerak utama dalam membangun dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan Jabatan dan industri amnya melalui latihan dan penyelidikan dalam bidang harta tanah di rantau ASEAN.

INSPEN akan terus menjadi organisasi terbaik di dalam memberikan latihan, penyelidikan, konsultasi dan pelajaran di bidang harta tanah bagi memenuhi keperluan serta kehendak Jabatan dan juga industri harta tanah.

Aktiviti teras INSPEN adalah meliputi program yang berikut:

- **Latihan**

INSPEN merupakan sebuah institusi yang mengendalikan latihan dalam perkhidmatan. INSPEN merupakan satu-satunya pusat latihan yang menawarkan latihan di dalam bidang penilaian dan perkhidmatan harta di Malaysia. Latihan ditawarkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam bidang penilaian dan perkhidmatan harta sama ada dari sektor awam mahupun swasta.

Pada 2 November 2001, Bahagian Latihan telah mendapat pengiktirafan oleh *Malaysia International Organisation For Standardization* daripada SIRIM Berhad untuk pensijilan MS ISO 9001:2000 seterusnya dinaiktaraf kepada persijilan MS ISO 9001:2008. Tarikh sijil sedia ada sah sehingga 1 November 2016.

INSPEN akan memberi perkhidmatan latihan yang berkualiti, sesuai dengan kehendak pelanggan dan menepati keperluan industri harta tanah dengan memberi penekanan kepada usaha penambahbaikan yang berterusan.

Antara perkhidmatan latihan yang diberikan merangkumi bidang yang berikut:

- Penilaian dan Perkhidmatan Harta
- Pengurusan dan Teknologi Maklumat
- Profesional dan Pembangunan Eksekutif
- Penyelidikan Harta Tanah
- Dana Penyelidikan Harta Tanah
- Penerbitan Harta Tanah
- Perundingan dan Pembangunan Produk Harta Tanah
- Program Pendidikan Tinggi Bidang Harta Tanah
- Program Penempatan Dalam dan Luar Negeri
- Program Ekspot Khidmat Kepakaran
- Program Kerjasama Teknikal Malaysia

- **Akademik**

Punca Kuasa bagi Institut Penilaian Negara (INSPEN) menjalankan aktiviti pendidikan termaktub dalam Akta Penilai Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (pindaan 1999). Seksyen 4(i)(bc). Akta tersebut telah memperluaskan skop fungsi Ketua Pengarah Penilaian untuk meliputi perkhidmatan pendidikan. Justeru itu bagi menjalankan aktiviti pendidikan ini INSPEN telah berdaftar sebagai Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan mengikut peruntukan Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 pada 21 Ogos 2003 dengan No. Pendaftaran B/IPTK/II[034].

Pusat Akademik bertanggungjawab untuk mengendalikan kesemua program akademik di INSPEN. Program Akademik yang pertama ialah Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dibuka pada September 2004 kepada pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan pendaftaran 30 orang pelajar.

Rentetan daripada kejayaan menjalankan program SPHT dan sambutan yang baik daripada pihak industri, INSPEN terus mengorak langkah dengan memperkenalkan program baru iaitu Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) seiring dengan pembangunan kampus baru.

Bagi memperkembangkan fungsi pendidikan INSPEN, pada tahun 2011 program yang ketiga diperkenalkan iaitu Sijil Agensi Harta Tanah (CEA). Program ini berbeza dengan dua program sebelum ini kerana fokus utamanya adalah melahirkan seorang profesional dalam bidang agensi harta tanah.

Objektif Pusat Akademik adalah seperti berikut :

- Menghasilkan para graduan yang beretika dan komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara.
- Melahirkan tenaga kerja separa profesional dan serba boleh dalam industri harta tanah meliputi bidang penilaian, pengurusan dan perejenan harta tanah.
- Melahirkan tenaga kerja separa profesional kepada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan sektor swasta.
- Meletakkan graduan INSPEN yang dilantik ke perkhidmatan awam Malaysia setaraf dan setanding juruteknik-juruteknik yang lain dari segi tangga gaji dan sebagainya.
- Membuka peluang kepada graduan INSPEN untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.

- **Penyelidikan dan Pembangunan**

Aktiviti ini terbahagi kepada tiga (3) unit, iaitu:

a) Unit Penyelidikan

Objektif:

- Menjalankan penyelidikan dalam bidang harta tanah bagi meningkatkan kewibawaan dan profesionalisma jabatan.
- Menjadi sebuah pusat rujukan penyelidikan Jabatan dan industri harta tanah.

Fungsi:

- Menjalankan aktiviti penyelidikan berkaitan dengan industri harta tanah.
- Menyelaras aktiviti penyelidikan yang dijalankan di Pejabat JPPH.
- Mewujud dan membangunkan *Interest Group* (IG) Penyelidikan.

b) Unit Perundingan dan Pembangunan Produk

Objektif:

- Memberi perkhidmatan perundingan dan pembangunan produk bagi meningkatkan daya saing INSPEN di peringkat negara dan antarabangsa.

**Fungsi:**

- Memberi perkhidmatan perundingan dalam bidang penilaian dan perkhidmatan harta kepada pelanggan dalaman dan luaran.
- Menerbitkan hasil penyelidikan dan menyebarkan maklumat harta tanah kepada para profesional dalam industri harta tanah dan awam yang berkepentingan.
- Mengurus penempatan personel, latihan, penyelidikan dan akademik luar negara.

**c) Unit National Real Property Research Centre (NAPREC)****Objektif:**

- Mengurus pengagihan dana penyelidikan dalam bidang harta tanah kepada organisasi penyelidikan harta tanah.

**Fungsi:**

- Menyediakan bidang penyelidikan tanah mengikut pengelasan *Malaysian Research and Development Classification System*.
- Menyelaras dan memproses urusan permohonan cadangan penyelidikan dan pengagihan dana khas penyelidikan kepada penyelidik melalui organisasi dan institusi masing-masing.
- Memantau progres projek penyelidikan dan memantau kewangan yang diagihkan.
- Menganjur NAPREC Conference bagi menyebarkan hasil penyelidikan kepada *stakeholders* dan *key players* dalam bidang industri harta tanah.
- Membuat promosi tentang peruntukan dana yang disediakan dan mengenal pasti isu utama yang perlu dibuat penyelidikan dalam industri harta tanah.

**C) AKTIVITI INFORMASI HARTA TANAH**

Melalui Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), JPPH menyediakan maklumat yang tepat, komprehensif dan menepati masa serta memberikan gambaran yang betul mengenai permintaan dan penawaran harta tanah negara kepada pihak kerajaan, para pemaju perumahan dan semua pihak yang ada hubungkait dengan industri harta tanah.

Maklumat yang tepat dan mencukupi mengenai pasaran harta tanah, akan digunakan untuk membantu para pemaju, perancang dan pembuat polisi, dalam merancang projek pembangunan harta tanah mereka.

NAPIC juga telah diamanahkan untuk menyelenggara pangkalan data stok harta tanah Negara. Maklumat yang dikumpul tersebut seterusnya akan disalur semula kepada mereka yang berkepentingan di dalam harta tanah melalui terbitan berkala yang dikeluarkan seperti berikut:

- Laporan Pasaran Harta
- Indeks Harga Rumah Malaysia
- Laporan Stok Harta Tanah
- Laporan Status Pasaran Harta Tanah
- Pindahmilik Harta RM10 Juta
- Jualbeli Tanah Ladang
- Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas
- Laporan Penawaran Pra Perancangan
- Laporan Bangunan Perdagangan Ruang Boleh Disewa

# Bab 10

## Bahagian

## Penilaian dan Perkhidmatan

## Harta

Pada tahun 2014, Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta diketuai oleh En. Huan Cheng Kee, Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) dan dibantu oleh Pengarah Bahagian seperti berikut:

- YBhg. Dato' Sr Lau Wai Seang Pengarah Bahagian Perkhidmatan Penilaian
- En. Ahmad Zailan bin Azizuddin Pengarah Bahagian Perundingan Harta
- Tn. Hj. Mohd Khairudin bin Abd Halim Pengarah Bahagian Loji dan Jentera
- En. Rashib bin Nang Pengarah Bahagian Penswastaan dan Pelaburan
- En. Abdul Razak bin Yusak Pengarah Bahagian Pengambilan Tanah

#### FUNGSI UTAMA

##### A) BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENILAIAN

###### Perkhidmatan Penilaian

Merancang dan mengesyorkan dasar, strategi, standard, prosedur dan peraturan mengenai penilaian berikut:

Bil.	Maksud Penilaian
1	Sumbangan Membantu Kadar
2	Cukai Keuntungan Harta Tanah
3	Duti Harta Pusaka
4	Duti Setem
5	Guaman Sivil
6	Hak Lalu-lalang Swasta
7	Insurans
8	Izinlalu
9	Kadaran
10	Pemberimilikan Tanah
11	Nilai Aset Syarikat Insurans
12	Nilaian Am
13	Amanah Raya
14	Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)
15	Pendaftaran Hakmilik
16	Baitulmal
17	Harta Pusaka Kecil
18	Cagaran
19	Urusan Pentadbir Tanah
20	Pengurusan Aset
21	Perlanjutan Milikan Tanah
22	Guaman Sivil Ringkas

## B) BAHAGIAN PERUNDINGAN HARTA

### Perkhidmatan Penilaian dan Perundingan Harta

Merancang dan mengesyorkan dasar, strategi, standard, prosedur dan peraturan mengenai penilaian berikut:

Bil.	Maksud Penilaian
1	Pembelian/ Penjualan
2	Pinjaman Perumahan/ Insurans Api
3	Kerja Tambahan/ Ubahsuai
4	Bayaran Berperingkat Bina Rumah
5	Bayaran Berperingkat Kerja Tambahan/ Ubahsuai
6	Pengesahan Kesiapan Binaan Insurans Kebakaran
7	Sewaan/ Pajakan
8	Cukai Tanah (Sewa Tahunan)
9	Lesen Pendudukan Sementara
10	Harta Kerajaan

## C) BAHAGIAN PENSWASTAAN DAN PELABURAN

### Perkhidmatan Penswastaan dan Pelaburan

Merancang dan mengesyorkan dasar, strategi, standard, prosedur dan peraturan mengenai penilaian berikut:

Bil.	Maksud Penilaian
1	Terbitan Modal/ Pelaburan Asing
2	Penswastaan/ Pengkorporatan
3	Kajian Kemungkinan

## D) BAHAGIAN PENGAMBILAN TANAH

### Perkhidmatan Pengambilan Tanah

Merancang dan mengesyorkan dasar, strategi, standard, prosedur dan peraturan mengenai penilaian berikut:

Bil.	Maksud Penilaian
1	Pengambilan Tanah
2	Pampasan
3	Rujukan Kes Mahkamah (Rujukan Tanah)

**E) BAHAGIAN LOJI DAN JENTERA****Perkhidmatan Loji dan Jentera**

Merancang dan mengesyorkan dasar, strategi, standard, prosedur dan peraturan mengenai penilaian berikut:

Bil.	Maksud Penilaian
1	Loji dan Jentera
2	Harta Pusaka Kecil (Kenderaan)
3	Guaman Sivil (Jentera)

Jadual 10 - 1: Kes Penilaian Loji dan Jentera Tahun 2014

Bil.	Tarikh	Penilaian Loji dan Jentera
1	20 - 23 Januari 2014	Penilaian Loji dan Jentera bagi Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka bagi maksud Penswastaan.
2	4 - 20 Februari 2014	Penilaian Loji dan Jentera bagi Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu, Terengganu bagi maksud Insuran.
3	4 Mac 2014	Penilaian Loji dan Jentera bagi mesin memproses buah nanas di Pusat Kuarantin dan Eksport Hasil Pertanian, Sepang bagi maksud Sewaan.
4	1 - 8 April 2014	Penilaian Loji dan Jentera bagi Pelabuhan Kuantan bagi maksud Penswastaan.
5	13 -16 Mei 2014	Penilaian Kilang Minyak Kelapa Sawit di Ensengei Estate, Samarahan, Sarawak bagi maksud Pembelian.
6	10 -13 Jun 2014	Penilaian Pelabuhan Bintulu, Sarawak bagi maksud Penswastaan.
7	26 - 28 Ogos 2014	Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan di Pelabuhan Darat, Segamat, Johor bagi maksud Penjualan.
8	21 - 23 September 2014	Penilaian Loji dan Jentera Kilang Plywood di Kawasan Perindustrian Jakar, Kemaman, Terengganu bagi maksud Duti Setem
9	24 - 27 November 2014	Penilaian Vessel di Kompleks Maritim, Muara Tebas Kuching, Sarawak bagi maksud Guaman Sivil.

## AKTIVITI BAHAGIAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA PADA 2014

## ■ SEMAKAN DAN KELULUSAN KES PENILAIAN DARI PEJABAT JPPH

Jadual 10 - 2: Prestasi Penyemakan Dan Kelulusan Kes Penilaian Bagi Tempoh Tiga (3) Hari Bagi Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Bahagian	Jumlah Kes	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)
Bahagian Perkhidmatan Penilaian	286	286	100.00	0	0
Bahagian Perundingan Harta	327	323	98.78	4	1.22
Bahagian Penswastaan dan Pelaburan	217	215	99.08	2	0.92
Bahagian Pengambilan Tanah	189	189	100.00	0	0
Bahagian Loji dan Jentera	10	10	100.00	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,029</b>	<b>1,023</b>	<b>99.42</b>	<b>6</b>	<b>0.58</b>

## • Bahagian Perkhidmatan Penilaian

Jadual 10 - 3: Pecahan Prestasi Penyemakan Dan Kelulusan Kes Penilaian Bagi Bahagian Perkhidmatan Penilaian Mengikut Jenis Kes:

Jenis Kes	Jumlah Kes	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)
Pemberimilikan Tanah	43	43	100.00	0	0
Perlanjutan Milikan Tanah	8	8	100.00	0	0
Nilaian Am	75	75	100.00	0	0
Tukar Syarat	74	74	100.00	0	0
Tukar Syarat - Rayuan	5	5	100.00	0	0
Duti Setem - Rayuan	57	57	100.00	0	0
CKHT - Rayuan	1	1	100.00	0	0
Pengurusan Aset	10	10	100.00	0	0
Guaman Sivil	3	3	100.00	0	0
Insuran	5	5	100.00	0	0
Kadaran	1	1	100.00	0	0
Cagaran	1	1	100.00	0	0
Urusan Pentadbir Tanah	3	3	100.00	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>286</b>	<b>286</b>	<b>100.00</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Bahagian Perkhidmatan Penilaian dengan kerjasama pejabat JPPH telah menjalankan penilaian bagi harta tanah hak milik Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Ringkasan nilai adalah seperti berikut:

Jadual 10 - 4: Ringkasan Nilaian Harta Tanah Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi (PAK)

Bil.	Negeri	Pejabat JPPH	Bilangan Kes Yang Diteima Daripada PAK	Bilangan Lot Yang Dinilai	Jumlah Nilaian Yang Dilaporkan (RM)	Fi Iktisas (RM)
1	Perlis	Perlis	3	5	128,007,000.00	20,000.00
2	Kedah	Alor Setar Sungai Petani	9 4	28 5	318,085,000.00 197,760,000.00	20,000.00 20,000.00
3	Pulau Pinang	George Town Seberang Perai	1 23	2 133	16,464,000.00 2,925,867,500.32	11,485.60 20,000.00
4	Perak	Ipooh Teluk Intan Taiping	8 8 9	56 39 59	884,818,440.00 465,917,240.00 570,586,412.00	20,000.00 20,000.00 20,000.00
5	Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur	57	104	8,377,388,820.00	20,000.00
6	Selangor	Shah Alam Bandar Baru Bangi Gombak Klang	30 14 20 41	35 52 63 45	5,101,339,354.11 2,077,219,000.00 982,690,600.00 109,383,000.00	20,000.00 20,000.00 20,000.00 20,000.00
7	Negeri Sembilan	Seremban Jempol	36 12	267 232	723,262,000.00 384,334,000.00	20,000.00 20,000.00
8	Melaka	Melaka	4	28	199,724,000.00	20,000.00
9	Johor	Johor Bahru Kluang Segamat	24 27 20	71 27 34	2,175,034,500.00 1,020,187,000.00 304,817,000.00	20,000.00 20,000.00 20,000.00
10	Pahang	Raub Temerloh	21 13	33 38	124,160,000.00 7,825,000.00	20,000.00 20,000.00
11	Kelantan	Kota Bharu Kuala Krai	16 25	39 39	180,303,703.57 180,757,600.00	20,000.00 20,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>425</b>	<b>1,434</b>	<b>27,455,931,170.00</b>	<b>451,485.60</b>

- Bahagian Perundingan Harta**

Jadual 10 - 5: Pecahan Prestasi Penyemakan Dan Kelulusan Kes Penilaian Bagi Bahagian Perundingan Harta Mengikut Jenis Kes:

Jenis Kes	Jumlah Kes	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)
Pembelian	200	197	98.50	3	1.50
Penjualan	76	75	98.68	1	1.32
Pajakan	28	28	100.00	0	0
Sewaan	23	23	100.00	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>327</b>	<b>323</b>	<b>98.78</b>	<b>4</b>	<b>1.22</b>

- Bahagian Penswastaan dan Pelaburan**

Jadual 10 - 6: Pecahan Prestasi Penyemakan Dan Kelulusan Kes Penilaian Bagi Bahagian Penswastaan Dan Pelaburan Mengikut Jenis Kes:

Jenis Kes	Jumlah Kes	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)
Penswastaan	217	215	99.08	2	0.92
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>217</b>	<b>215</b>	<b>99.08</b>	<b>2</b>	<b>0.92</b>

- Bahagian Pengambilan Tanah**

Jadual 10 - 7: Pecahan Prestasi Penyemakan Dan Kelulusan Kes Penilaian Bagi Bahagian Pengambilan Tanah Mengikut Jenis Kes:

Jenis Kes	Jumlah Kes	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)
Pengambilan Tanah	6	6	100.00	0	0
Penyelesaian Luar Mahkamah (JPPH/T/13B)	3	3	100.00	0	0
Penyelesaian Luar Mahkamah (Analisis) (JPPH/T/13A)	180	180	100.00	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>189</b>	<b>189</b>	<b>100.00</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

- Bahagian Loji dan Jentera**

Jadual 10 - 8: Pecahan prestasi penyemakan dan kelulusan kes penilaian bagi Bahagian Loji dan Jentera mengikut jenis kes seperti yang berikut:

Jenis Kes	Jumlah Kes	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Tiga (3) Hari	Peratus (%)
Loji dan Jentera	10	10	100.00	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>100.00</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

- MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL JPPH**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPPH telah diadakan sebanyak dua (2) kali dalam tahun 2014. Ahli Jawatankuasa Teknikal terdiri daripada semua Pengarah Penilaian Negeri, Penilai Daerah, Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal), Pengarah INSPEN, Pengarah NAPIC dan semua Pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPPH.

Jadual 10 - 9: Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPPH Tahun 2014

Bil.	Tarikh	Bilangan/ Tempat Mesyuarat
1.	4 Jun 2014	Bil. 1/2014 di INSPEN
2.	18 Disember 2014	Bil. 2/2014 di Hyatt Regency Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah

- SISTEM TAKSIRAN PINDAH MILIK HARTA TANAH (STAMPS)**

Jadual berikut menunjukkan Prestasi Penerimaan kes Duti Setem yang diterima melalui STAMPS dan Manual bagi tahun 2014.

Jadual 10 - 10: Prestasi Penerimaan Kes Duti Setem Melalui STAMPS Dan Manual

Perkara	Jumlah Kes
STAMPS	361,935
Manual	15,082

- NILAIAN HARTA TANAH STANDARD (KES DUTI SETEM 1 HARI)**

Pekeling Ikhtisas DS/1/2011 yang berkuat kuasa pada 1 September 2010 telah dikeluarkan bagi menetapkan proses kerja kes standard. Bagi maksud pemantauan dan laporan kepada PEMUDAH, laporan statistik perlu dihantar kepada Ibu Pejabat sebelum 15hb setiap bulan. Jadual 10-11 menunjukkan prestasi nilaiann harta tanah standard (Kes Duti Setem 1 hari) bagi bulan Januari hingga Disember 2014.

Jadual 10 - 11: Prestasi Nilaian Harta Tanah Standard (Kes Duti Setem 1 Hari) Bagi Bulan Januari Hingga Disember 2014

Negeri	Jumlah Unit	Jumlah Kes Siap Dalam Tempoh Satu (1) Hari	Peratus (%)	Jumlah Kes Siap Melebihi Tempoh Satu (1) Hari	Peratus (%)
Perlis	275	274	99.64	1	0.36
Kedah	1,948	1,947	99.95	1	0.05
Pulau Pinang	8,936	8,916	99.78	20	0.22
Perak	5,132	5,126	99.88	6	0.12
Wilayah Persekutuan	10,543	10,457	99.18	86	0.82
Selangor	32,094	32,079	99.95	15	0.05
Negeri Sembilan	2,516	2,515	99.96	1	0.04
Melaka	3,924	3,924	100.00	0	0
Johor	4,687	4,609	98.34	78	1.66
Pahang	1,757	1,757	100.00	0	0
Terengganu	255	255	100.00	0	0
Kelantan	158	156	98.73	2	1.27
Sabah	2,101	2,101	100.00	0	0
Sarawak	1,945	1,939	99.69	6	0.31
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>76,271</b>	<b>76,055</b>	<b>99.72</b>	<b>216</b>	<b>0.28</b>

#### ■ SURAT ARAHAN/ POLISI TEKNIKAL

Surat Penjelasan Pekeliling Baru Bahagian Pinjaman Perumahan - PR 1.1/2014: Syarat dan Tatacara Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia telah dikeluarkan oleh Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Pekeliling ini telah diedarkan kepada semua pejabat Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah pada 28 Februari 2014.

#### ■ PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KERJA PENILAIAN UNTUK HARTA INTELEK

- Penubuhan Jawatankuasa Glosari Penilaian Harta Intelek

Jawatankuasa Glosari Penilaian Harta Intelek telah ditubuhkan pada 20 Disember 2013. Mesyuarat pertama Jawatankuasa telah diadakan pada 20 Januari 2014 bertempat di Ibu Pejabat JPPH.

Objektif penubuhan Jawatankuasa adalah untuk menghasilkan buku Glosari Penilaian Harta Intelek bagi kegunaan Pegawai Penilaian di JPPH dalam menilai Harta Intelek.

Ahli Jawatankuasa Glosari Penilaian Harta Intelek terdiri daripada:

- ▶ YBhg. Dato' Sr Lau Wai Seang, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Penilaian - Pengerusi
- ▶ Pn. Norhayati binti Awang, Ketua Pusat Penilaian dan Perkhidmatan Harta, INSPEK
- ▶ Sr Fung Cheng Loong, Pegawai Penilaian Kanan, JPPH Kuala Lumpur
- ▶ Sr Fardilla binti Mohd Sidek, Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Penilaian, Ibu Pejabat JPPH
- ▶ En. Shahrul Nizam bin Mukhtar, Pegawai Penilaian, JPPH Gombak
- ▶ Pn. Nor Juliana binti Marjuki, Pegawai Penilaian, JPPH Melaka
- ▶ Sr Nadila binti Hamidi, Pegawai Penilaian, JPPH Negeri Selangor
- ▶ Sr Mohd Azhar bin Ab Wahid, Pegawai Penilaian, INSPEK
- ▶ En. Farius bin Maarif, Pegawai Penilaian, JPPH Bandar Baru Bangi
- ▶ Pn. Veda Wayati binti Jumat, Penolong Pegawai Penilaian, Bahagian Perkhidmatan Penilaian, Ibu Pejabat JPPH - Urus setia

Buku Glosari Penilaian Harta Intelek (Glossary of Keywords for Intellectual Property Valuation) telah disiapkan pada 4 Disember 2014 dan diedarkan kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengarah Bahagian, Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH ke-68 yang diadakan pada 16 Disember 2014 bertempat di Hyatt Regency, Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, buku glosari ini telah diedarkan kepada Perpustakaan INSPEK dan beberapa agensi lain seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (LPPEH), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO), Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) dan Malaysian Intellectual Property Association (MIPA).

- **Majlis Penyampaian Sijil Penilai Harta Intelek Siri 2**

Majlis Penyampaian Sijil Penilai Harta Intelek Siri 2 telah disempurnakan pada 28 Januari 2014 oleh YB. Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertempat di MyIPO Bangsar.

Berikut adalah Senarai penerima Sijil Penilai Harta Intelek Siri 2 adalah seperti berikut:

- ▶ Tn. Hj. Faizan bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal)
- ▶ YBhg. Dato' Sr Lau Wai Seang, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Penilaian
- ▶ Sr Fung Cheng Loong, Pegawai Penilaian Kanan, JPPH Kuala Lumpur
- ▶ Sr Nadila binti Hamidi, Pegawai Penilaian, JPPH Negeri Selangor
- ▶ Pn. Nor Juliana binti Marjuki, Pegawai Penilaian, JPPH Melaka

- **“MyIPO IP Teh Tarik Session 2/2014”**

Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah menjemput YBhg. Dato' Sr Lau Wai Seang, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Penilaian untuk memberikan ceramah dalam “MyIPO IP Teh Tarik Session 2/2014” untuk ICT Business bertempat di Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Bangsar, Kuala Lumpur pada 14 April 2014.

- **“IP Enhancement Course” Kali Kedua**

“IP Enhancement Course” kali kedua telah diadakan pada 15 hingga 25 April 2014 bertempat di Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Bangsar, Kuala Lumpur. Seramai empat (4) orang pegawai dari JPPH telah menghadiri kursus lanjutan tersebut iaitu Tn. Hj. Faizan bin Abd Rahman, YBhg. Dato' Sr Lau Wai Seang, Sr Fung Cheng Loong dan Sr Nadila binti Hamidi.

- **Konvensyen “National Intellectual Property Convention (NIPC) 2014”**

*Malaysian Intellectual Property Association (MIPA)* dengan kerjasama MyIPO telah menganjurkan konvensyen “National Intellectual Property Convention (NIPC) 2014” bertempat di Hotel Istana Kuala Lumpur bermula pada 20 Mei 2014. JPPH telah menghantar dua (2) orang pegawai/ staf iaitu Sr Fung Cheng Loong dan Pn. Veda Wayati binti Jumat untuk menghadiri konvensyen tersebut.

- **Majlis Pelancaran “IP Market Place Portal”**

YBhg. Dato' Sr Lau Wai Seang, Sr Fung Cheng Loong dan dua (2) orang pegawai dari INSPEK telah dijemput ke majlis pelancaran “IP Market Place Portal” oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 27 Jun 2014. Majlis pelancaran telah diadakan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

- **Permohonan Penilaian Harta Intelek**

Ibu Pejabat JPPH telah menerima permohonan untuk penilaian Harta Intelek daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) iaitu penilaian Tanda Dagang Syarikat Zaitun Industries Sdn. Bhd. dan Syarikat G.T.S Oil Sdn. Bhd. (Carteco). Kes ini telah pun disempurnakan dan dilapor kepada Mdl pada 5 Disember 2014.

■ **PROGRAM TAILOR MADE EXPERIENCE SHARING PROGRAMME ON LAND ACQUISITION AND NATIONAL PROPERTY INFORMATION CENTRE (NAPIC)**

Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ibu Pejabat telah terlibat di dalam Program *Tailor Made Experience Sharing Programme On Land Acquisition And National Property Information Centre (NAPIC)* yang telah diadakan pada 12 hingga 18 Oktober 2014 bagi memberikan input berbentuk syarahan berkaitan Proses dan Prosedur Pengambilan Tanah di Malaysia kepada para delegasi dari Direktorat Jeneral Kekayaan Negara (DJKN)/ *Directorate General of State Asset Management (DGSAM)*, Kementerian Kewangan Indonesia.

Para delegasi telah dibawa ke JPPH Kuala Lumpur pada 15 Oktober 2014 untuk melihat kes Pengambilan Tanah sebenar yang dibuat oleh pejabat JPPH berkenaan. Kes yang dipilih adalah Projek *Mass Rapid Transit (MRT)* dari Sungai Buloh ke Kajang.

Pada keesokan harinya, para delegasi dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk melihat sendiri Tatacara dan Perbicaraan di Mahkamah Tinggi di dalam mengendalikan kes Pengambilan Tanah.

■ **UNIT GEOINFORMASI (GIS)**

A. Pada tahun 2014, kontrak penambahbaikan GIS Pelukis Pelan telah mula dilaksanakan pada permulaan Januari 2014 oleh HLA Integrated Sdn. Bhd. Skop projek melibatkan penggantian dan pemasangan server dan PC baru di semua pejabat JPPH, peningkatan perisian MapInfo versi 12.0 di semua pejabat JPPH dan peningkatan serta pelaksanaan aplikasi GIS Pelukis Pelan. Mesyuarat keperluan baru sistem melibatkan semua Pelukis Pelan telah diadakan di Ibu Pejabat pada 27 Januari 2014.

Seterusnya, pembangunan sistem dimulakan berdasarkan hasil keperluan tersebut. Pada 7 Ogos 2014, sesi *User Acceptance Test* telah diadakan untuk menguji sistem tersebut yang dihadiri oleh beberapa Pelukis Pelan terpilih dari seluruh Malaysia. Beberapa komen dan maklum balas telah dikumpul dan seterusnya, sistem ditambahbaik berdasarkan komen tersebut. Sesi *Final Acceptance Test* telah dilaksanakan pada 28 Ogos 2014 untuk menguji selanjutnya sistem tersebut.

Pemasangan dan pelaksanaan secara *pilot* di JPPH Bandar Baru Bangi telah dilaksanakan pada 8 hingga 12 September 2014. Pelaksanaan *pilot site* kedua di JPPH Gombak dilaksanakan pada 16 Oktober 2014. Penghantaran peralatan ke semua pejabat telah selesai dilaksanakan pada Oktober 2014. Aktiviti pemasangan peralatan, aplikasi dan data migrasi pula telah dilaksanakan mulai 9 hingga 24 November 2014.

Latihan aplikasi peningkatan GIS kepada Pelukis Pelan telah dijalankan seperti berikut:

- Siri 1: 27 - 28 Oktober 2014
- Siri 2: 29 - 30 Oktober 2014
- Siri 3: 10 - 11 November 2014
- Siri 4: 12 - 13 November 2014

Bagi latihan kepada Pembantu Penilaian (Gred W17) yang akan melaksanakan tugas Pelukis Pelan pula, ia dijadualkan pada Februari tahun 2015 sebanyak dua (2) siri latihan.

Secara umumnya, beberapa kemudahan baru telah diperkenalkan semasa penambahbaikan tersebut seperti berikut:

**1. Proses *Auto Assign***

- Dengan syarat UPI GIS = UPI VIS dan objek lot telah diwujudkan dalam *layer charting*.
- Proses *assign* secara manual masih perlu dilakukan bagi kes yang tidak dapat di *assign* secara automatik.
- Buat permulaan, proses *auto assign* hanya untuk kes Final Title sahaja. Oleh sebab itu, tidak semua kes akan diauto *assign* dan pelukis pelan masih perlu melakukan proses *assign* secara manual.

2. ***Digitize Layer*** Baru
  - Skim Perumahan.
  - Pengambilan Tanah.
3. **Mempercepatkan Proses Pendaftaran**
  - Salin Info Lot - Maklumat lot disalin ke dalam borang pendaftaran secara automatik.
  - Salin Info Kes - Fungsi klon terhadap kes yang melibatkan bilangan lot yang banyak.
4. **Fungsi Arkib**
  - Paparan *default* sistem hanya lima (5) kes terkini sahaja (baki kes bagi lot berkenaan dimasukkan dalam arkib).

Di samping itu, beberapa penambahbaikan sistem turut dilaksanakan seperti berikut:

1. ***Digitize Layer***
  - Fungsi digitizing diperluaskan kepada *layer* lain iaitu:
    - a. TownKg JPPH.
    - b. Jalan JPPH.
    - c. Sungai JPPH.
2. **Zooming Level**
  - Tahap zooming dikurangkan daripada 10,000m kepada 1,500m bagi menghasilkan paparan yang pantas.
  - Paparan saiz tulisan yang dinamik (proportionate mengikut saiz objek).
3. **Pengekstrakan Data**
  - Tambahan medan data baru seperti Kod Status Tanah, Kod Zoning, Pegawai Kendali.
  - Data sulit tidak akan dipaparkan sekiranya kes berkenaan berstatus ‘Sulit’.
4. **Pelan Tapak dan Pelan Lokasi**
  - Pemilihan lebih daripada satu (1) lot subjek.
  - Paparan skala dalam pelan.
  - Penukaran warna lot subjek kepada merah (sebelum ini warna biru).
5. **Modul Carian**
  - Tambahan kriteria carian berdasarkan:
    - a. Tarikh Nilaian.
    - b. Maksud Nilaian.
    - c. Kategori Hartanah.
6. **Modul Strata**
  - Fungsi menambah pelukisan gambarajah pelan tegak secara automatik yang melibatkan bilangan blok, tingkat, unit dan baris.
7. **Laporan Beban Tugas**
  - Tambahan maklumat bagi rekod beban tugas yang melibatkan:
    - a. Bilangan lot yang dilukis.
    - b. Bilangan pelan yang dijana.

## 8. Modul Peta Nilai

- Paparan kes bagi semua maksud nilaian dengan syarat Harga Balasan >= RM10.00
  - Paparan maklumat tambahan iaitu status lot dan no. kait seperti dalam format berikut:
- <status lot> <no. kait> <maksud nilaian> <tarikh nilaian-bulan dan tahun> <harga balasan><bahagian syer yang terlibat> <luas lot> <analisis balasan mengikut syer> <kategori harta tanah>.

Contoh: (M) 02131145 DS03/09 RM77,138 1/60 8599mp RM538.23smp (E).

Ketua pejabat telah dimaklumkan berkenaan perkara ini semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-68 di Kota Kinabalu pada 17 Disember 2014. Ketua pejabat perlu membuat pemantauan sewajarnya untuk mengelakkan *backlog*.

- B. Geospatial World Forum telah diadakan pada 5 hingga 9 Mei 2014 di *Centre International de Conferences Geneva* (CICG) Geneva, Switzerland telah dihadiri oleh En. Salleh bin Mat Ali, Pengarah Penilaian Negeri dan En. Norhisham bin Shafie, Penolong Pengarah, Unit Geoinformasi, Ibu Pejabat JPPH.

### ■ GARIS PANDUAN PENENTUAN PAMPASAN PECAH PISAH, KESAN MUDARAT DAN KEHILANGAN PENDAPATAN

Ibu Pejabat JPPH sedang dalam proses penyediaan Garis Panduan Penentuan Pampasan Pecah Pisah, Kesan Mudarat dan Kehilangan Pendapatan.

Bengkel kali pertama telah diadakan pada 10 hingga 12 Februari 2014 melibatkan pegawai yang dipilih dari Ibu Pejabat dan pejabat JPPH.

Bagaimanapun, setakat ini Ibu Pejabat menumpukan kepada pengeluaran Garis Panduan Pecah Pisah dan Kesan Mudarat sahaja. Pembacaan pertama oleh ahli panel bagi tujuan semakan ke atas garis panduan ini telah dibuat pada 2 Julai hingga 18 Julai 2014 dan semakan kedua pada 10 Disember 2014.

Garis Panduan ini dijangka siap pada pertengahan 2015 dan diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pegawai JPPH dalam menjalankan penilaian bagi maksud Pengambilan Tanah.

### ■ SENARAI ASSESSOR 2015

Senarai Nama dan Penempatan Pegawai Penilaian JPPH berdaftar untuk dilantik sebagai *Assessor Kerajaan* di Mahkamah Tinggi, Semenanjung Malaysia bagi tahun 2015 telah diedarkan pada 17 November 2014.

Senarai Nama dan Penempatan Pegawai Penilaian JPPH (Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah) untuk dilantik sebagai *Assessor* di Mahkamah Tinggi, Negeri Sarawak bagi tahun 2015 telah diedarkan pada 17 November 2014.

Senarai nama Assessor yang dilantik telah dimuatnaik dalam portal myJPPH.

### ■ PENINGKATAN SISTEM PEMANTAUAN KES RUJUKAN MAHKAMAH (SPKRM)

Ibu pejabat JPPH melalui Bahagian Teknologi Maklumat telah membuat peningkatan Sistem SPKRM. Peningkatan sistem ini telah dilaksanakan pada 15 Ogos 2014 di semua pejabat Pengarah Penilaian Negeri di Semenanjung Malaysia.

### ■ HANDBOOK FOR ASSESSORS VERSI BAHARU

Buku *Handbook For Assessors* Versi Baharu telah siap dicetak dan akan diedarkan pada awal tahun 2015 kepada semua pejabat Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah.

#### ■ PENSWASTAAN DAN PELABURAN

*ASEAN Valuers Association (AVA)* telah menganjurkan 18th AVA Congress Meeting pada 24 hingga 27 April 2014 bertempat di Nha Trang, Vietnam. Malaysia telah diwakili oleh Tn. Hj. Faizan bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal), merangkap Bendahari AVA, En. Haizul bin Abdul Hamid, Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Penilaian dan Cik Faridah binti Abdul Rahim, Penolong Pengarah, Bahagian Penswastaan dan Pelaburan.

#### ■ LOJI DAN JENTERA

- a. Makmal Pengurusan Nilai Hiasan Dalaman, Perabot dan Hiasan Dalaman, Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya anjuran JAKIM dan Lembaga Tabung Haji telah dihadiri oleh Pn. Fazliyana binti Alias dari Bahagian Loji Jentera dan En. Shahrizal bin Shaari dari Bahagian Perundingan Harta.
- b. Makmal tersebut telah diadakan pada 4 hingga 7 Februari 2014 bertempat di Dewan Makan Ibn Khaldun, Masjid Putra, Putrajaya.
- c. Seminar Geo Smart Summit 2014 telah diadakan pada 16 hingga 17 Jun 2014 di Langham Place, Mongkok, Hongkong dan telah dihadiri oleh Tn. Hj. Mohd Khairudin bin Abd Halim, Pengarah Bahagian Loji dan Jentera dan Tn. Hj. Md. Badrul Hisham bin Awang, Pengurus Projek Pasukan VIS Baru.
- d. Terlibat secara langsung dalam kursus *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* bagi sesi *Special Property- Kilang Kelapa Sawit*.
- e. Terlibat dengan kursus Profesional Program *Plant Machinery Valuation* untuk Penolong Pegawai Penilaian dari 22 September hingga 7 November 2014.

#### ■ PINDAAN AKTA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH 1981 (AKTA 242)

Dalam proses penyediaan pindaan yang melibatkan Kaedah-Kaedah Penilaian dan Perkhidmatan Harta 1999 - Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242). Cadangan pindaan telah dihantar untuk semakan Kementerian Kewangan pada 5 Julai 2013. Namun begitu, terdapat maklumat lanjut yang diperlukan oleh Kementerian Kewangan untuk menyokong pindaan yang dicadangkan.

Perbincangan lanjut di antara JPPH dengan Bahagian Dasar Saraan dan Khidmat Pengurusan Kementerian Kewangan telah dijalankan pada 8 Mei 2014 untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan pindaan yang telah dicadangkan. Susulan daripada perbincangan tersebut, JPPH telah meneliti semula dokumen yang telah dikemukakan dan membuat pindaan sewajarnya sebagaimana diperlukan. Pindaan telah dibuat dan dihantar ke Bahagian Dasar Saraan dan Khidmat Pengurusan Kementerian Kewangan pada 28 Mei 2014.

#### ■ PINDAAN AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (AKTA 486)

Jabatan Kena Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) sedang mengkaji untuk membuat pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486). JPPH telah memberikan cadangan pindaan kepada JKPTG untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa berkaitan pindaan akta di peringkat JKPTG. Pindaan adalah berkaitan fi ikhtisas, pegangan tempoh pajakan yang hampir tamat dan kehilangan pendapatan.

#### ■ BUKU ARAHAN JPPH EDISI BAHRU (BUKU HIJAU)

Kajian semula buku Arahan JPPH yang dimulakan sejak pertengahan tahun 2012 adalah atas inisiatif YBhg. Datuk Abdul Hamid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Penilaian (Pengurusan) pada masa tersebut.

Ini adalah kerana pihak Pengurusan tertinggi Jabatan merasakan kandungan buku Arahan JPPH edisi 2007 iaitu telah berusia lebih lima (5) tahun perlu dikemaskini supaya selaras dengan pelbagai arahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sama ada melalui pekeliling, surat pekeliling, surat arahan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, satu (1) jawatankuasa telah diwujudkan yang dipengerusikan oleh En. Ahmad Zailan bin Azizuddin yang berperanan untuk mengumpul segala pekeliling, arahan dan

sebagainya yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sejak tahun 2007 dan seterusnya mencadangkan pindaan kepada kandungan buku Arahan JPPH untuk pertimbangan dan kelulusan pihak pengurusan. Draf pertama Buku Hijau telah dibentangkan untuk komen Tn. Hj. Nordin bin Daharom, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) pada 2 Januari 2014 dan penambahbaikan yang sewajarnya sedang diambil tindakan. Pembentangan seterusnya kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan telah dibuat pada 14 Mei 2014 dan draf terakhir telah dipersetujui.

Buku Arahan JPPH Edisi 2014 telah dilancarkan secara rasminya pada 3 Jun 2014 oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH bertempat di INSPEK.

Untuk rujukan segera pegawai dan staf, kandungan buku Arahan JPPH edisi 2014 telah di muatnaik ke dalam portal *myJPPH*.

#### ■ BROSUR PERKHIDMATAN JPPH

Ibu Pejabat kini dalam proses mengemaskini dan menyemak semula brosur perkhidmatan JPPH bagi tujuan cetakan semula.

## AKTIVITI PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

## ■ Beban Kerja JPPH

Pada tahun 2014, JPPH telah menjalankan penilaian ke atas 750,407 unit harta tanah dan jumlah nilai yang dilaporkan adalah RM352.98 bilion. Angka tersebut menunjukkan peningkatan dalam jumlah nilai harta tanah iaitu sebanyak 22.72% dan peningkatan bilangan unit yang dinilai sebanyak 2.79% berbanding tahun 2013.

Carta 10 - 1: Jumlah Bilangan Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Pada Tahun 2010 - 2014



Jadual 10 - 12: Indeks Semua Jenis Nilaian Dari Tahun 2000 - 2014


Tahun	Semua Jenis Nilaian			
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2000	100.00		100.00	
2001	108.27	8.27%	94.64	-5.36%
2002	110.65	2.20%	109.82	16.04%
2003	106.96	-3.33%	107.71	-1.92%
2004	126.05	17.85%	137.58	27.74%
2005	120.26	-4.60%	144.30	4.88%
2006	122.97	2.25%	131.84	-8.64%
2007	137.85	12.11%	169.88	28.86%
2008	141.71	2.80%	182.50	7.43%
2009	140.85	-0.61%	211.77	16.04%
2010	164.95	17.11%	237.06	11.94%
2011	168.51	2.16%	296.68	25.15%
2012	174.79	3.72%	367.18	23.76%
2013	176.71	1.10%	378.13	2.98%
2014	181.64	2.79%	464.02	22.72%

Daripada beban kerja yang diterima, didapati pecahan peratusan % tertinggi menjalankan kerja penilaian mengikut maksud penilaian adalah seperti berikut:

<b>Duti Setem</b>	<b>63.87%</b>
Harta Pusaka Kecil	13.12%
Pinjaman Perumahan	6.83%
Pemberimilikan Tanah	2.46%
Kes - Kes Lain	2.29%
Sumbangan Membantu Kadar	2.23%
Sewaan dan Pajakan	2.05%
Pengambilan Tanah	1.72%
Pengubahan Kategori Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)	1.68%
Nilaian Am	1.36%
Cukai Keuntungan Harta Tanah	1.28%
Pembelian dan Penjualan	0.93%
Penswastaan dan Pengkorporatan	0.18%
Duti Harta Pusaka	0.02%

Pecahan beban kerja mengikut aktiviti adalah seperti mana digambarkan di Carta 10-2.

Carta 10 - 2: Pecahan Beban Kerja Mengikut Aktiviti Pada Tahun 2014



#### ■ PERANAN JPPH DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

JPPH memainkan peranan secara tidak langsung di dalam pembangunan negara. Walaupun begitu, JPPH tetap memberikan nasihat dalam aspek penilaian harta tanah yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional. Maksud nilaian yang memberi impak terhadap pembangunan Negara adalah seperti berikut:

- **Nilaian Untuk Maksud Pengambilan Tanah**


Apabila Pihak Berkuasa Negeri perlu mengambil semula tanah bagi tujuan awam, JPPH diminta memberi khidmat nasihat kepada Pentadbir Tanah dalam menentukan pampasan yang harus dibayar. Perundangan yang berkenaan ialah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) di

Semenanjung Malaysia. Di Negeri Sabah, perundangan berkaitan ialah Ordinan Pengambilan Tanah, 1950 (Bab 69, Undang-Undang Sabah) manakala di Negeri Sarawak ialah Pengambilan Semula Tanah Yang Diberimilik (Bahagian IV, Kanun Tanah, Bab 81, Undang-Undang Sarawak).

Sebagaimana diperuntukkan, JPPH menentukan nilai pasaran harta tanah yang terlibat, pampasan bersabit dengan pecah-pisah (severance), naik nilai (betterment), kesan mudarat (injurious affection) dan kerugian lain yang timbul akibat daripada Pengambilan Tanah.

Pada tahun 2014, JPPH telah menilai 12,892 unit harta tanah berbanding dengan 7,993 unit harta tanah pada tahun 2013 bagi maksud Pengambilan Tanah iaitu berlakunya peningkatan sebanyak 61.28%. Nilaian yang dilaporkan juga meningkat meningkat melebihi 100.00% iaitu dari RM2.83 bilion pada 2013 kepada RM6.90 bilion pada tahun 2014.

**Carta 10 - 3: Jumlah Unit dan Nilaian (RM) Yang Dilaporkan bagi Kes Pengambilan Tanah (2010 - 2014)**



**Jadual 10 - 13: Indeks Pengambilan Tanah dari Tahun 2003 - 2014**


Tahun	Pengambilan Tanah			
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	113.70	13.70%	87.20	-12.80%
2005	70.14	-38.31%	105.48	20.96%
2006	138.36	97.28%	115.12	9.14%
2007	239.29	72.94%	222.67	93.42%
2008	121.81	-49.10%	150.38	32.47%
2009	112.00	-7.66%	151.87	0.99%
2010	105.64	-6.08%	166.67	9.75%
2011	79.15	-25.08%	289.78	73.86%
2012	86.67	9.50%	352.69	21.71%
2013	66.55	-23.21%	146.91	-58.35%
<b>2014</b>	<b>107.33</b>	<b>61.28%</b>	<b>358.26</b>	<b>143.86%</b>

- Nilaian Untuk Maksud Pembelian dan Penjualan**

JPPH membantu Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan menentukan nilai pasaran harta tanah serta bertindak sebagai penasihat dalam runding harga bagi mendapatkan harga terbaik. Jabatan ini juga memberi khidmat nasihat kepada Badan Berkanun atas nilai pasaran harta tanah untuk tujuan pembelian/ penjualan secara perjanjian persendirian.

Pada tahun 2014, JPPH telah melaporkan sebanyak 6,944 unit harta tanah bagi maksud Pembelian dan Penjualan iaitu peningkatan melebihi 100.00% berbanding tahun 2013. Begitu juga dengan jumlah nilai yang dilaporkan meningkat sebanyak 28.24% dari RM16.18 bilion pada tahun 2013 kepada RM20.74 bilion pada tahun 2014.

Carta 10 - 4: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan bagi Kes Pembelian dan Penjualan (2010 - 2014)



Jadual 10 - 14: Indeks Pembelian dan Penjualan dari Tahun 2003 - 2014


Tahun	Pembelian dan Penjualan			
	Unit Dinilai		Nilai Dilapor	
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	66.06	-33.94%	68.89	-31.11%
2005	97.58	47.73%	109.55	59.03%
2006	118.56	21.50%	96.70	-11.73%
2007	187.04	57.75%	228.47	136.28%
2008	154.27	-17.25%	145.63	-36.26%
2009	184.74	19.75%	307.47	111.12%
2010	315.20	70.62%	307.98	0.17%
2011	220.92	-29.91%	285.71	-7.23%
2012	71.77	-67.51%	124.08	-56.57%
2013	131.59	83.35%	589.16	374.82%
<b>2014</b>	<b>409.19</b>	<b>210.96%</b>	<b>755.53</b>	<b>28.24%</b>

- Nilai Untuk Maksud Penswastaan dan Pengkorporatan**

Penswastaan merupakan pemindahan aktiviti dan fungsi sektor awam kepada sektor swasta, manakala Pengkorporatan adalah penukaran taraf agensi Kerajaan kepada syarikat milik penuh Kerajaan. Tujuan utama langkah ini ialah untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan pertumbuhan ekonomi negara. Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1985 telah menetapkan bahawa agensi Kerajaan yang bercadang untuk menswastakan perkhidmatan mereka boleh mendapatkan bantuan daripada JPPH bagi tujuan menilai harta milik agensi berkenaan.

Bilangan kes bagi Penswastaan dan Pengkorporatan telah meningkat hampir 100.00% iaitu dari 641 unit pada tahun 2013 kepada 1,233 unit pada tahun 2014. Begitu juga dengan nilai yang dilaporkan di mana ia meningkat sebanyak 98.67% iaitu dari RM14.28 bilion pada tahun 2013 kepada RM28.37 bilion pada tahun 2014.

Carta 10 - 5: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Penswastaan dan Pengkorporatan (2010 - 2014)



Jadual 10 - 15: Indeks Penswastaan dan Pengkorporatan dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Penswastaan dan Pengkorporatan			
	Unit Dinilai	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Nilai Dilapor
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00			100.00
2004	105.20		5.20%	25.16
2005	345.96		228.84%	20.22
2006	165.89		-52.05%	21.17
2007	65.56		-60.48%	23.96
2008	87.60		33.62%	12.03
2009	522.81		496.84%	200.10
2010	44.30		-91.53%	92.99
2011	134.11		202.73%	109.01
2012	212.85		58.71%	497.74
2013	70.99		-66.65%	196.07
2014	136.54		92.34%	389.63
				98.72%

- Nilaian Untuk Maksud Pemberimilikan Tanah**


Pemberimilikan Tanah adalah pemberian tanah rezab atau tanah kepunyaan Kerajaan Negeri yang dikurniakan kepada orang perseorangan atau agensi Kerajaan Negeri/ Persekutuan dengan dikeluarkan hak milik kekal atau pajakan serta dikenakan syarat atau sekatan yang tertentu berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

Pihak Berkuasa Negeri mengenakan premium ke atas pemberimilikan tanah kerajaan negeri berdasarkan kepada nilai pasaran. Kadar premium yang dikenakan adalah berbeza mengikut kegunaan dan ianya berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

JPPH menentukan nilai pasaran mengikut asas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan berpandukan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.

Pada tahun 2014, JPPH telah menilai 18,481 unit harta tanah bagi maksud Pemberimilikan Tanah iaitu penurunan sebanyak 8.63% berbanding tahun sebelumnya. Dari segi jumlah nilai, ia mencatatkan penurunan sebanyak 13.41% dari RM15.15 bilion kepada RM13.11 bilion.

Carta 10 - 6: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Pemberimilikan Tanah (2010- 2014)



Jadual 10 - 16: Indeks Pemberimilikan Tanah dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Pemberimilikan Tanah			
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	64.83	-35.17%	161.79	61.79%
2005	82.13	26.69%	174.23	7.69%
2006	92.87	13.07%	152.81	-12.29%
2007	146.93	58.21%	239.36	56.64%
2008	111.87	-23.86%	189.12	-20.99%
2009	109.88	-1.78%	153.50	-18.84%
2010	107.96	-1.74%	164.26	7.01%
2011	121.99	13.00%	184.49	12.56%
2012	165.86	35.96%	305.55	65.26%
2013	154.37	-6.93%	522.43	70.98%
2014	141.05	-8.63%	452.35	-13.41%


- **Nilaian Untuk Maksud Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)**

Tukar Syarat adalah proses penukaran kegunaan tanah sedia ada kepada satu kegunaan tanah yang lain mengikut peruntukan Seksyen 124, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). Pihak Berkuasa Negeri mengenakan bayaran premium tambahan terhadap tukar syarat kegunaan tanah. Kadar yang dikenakan adalah berbeza mengikut kegunaan dan ianya berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

JPPH menentukan nilai pasaran mengikut asas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan berpandukan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.

Pada tahun 2014, sejumlah 12,576 unit harta tanah telah dinilai yang mana ia menunjukkan peningkatan sebanyak 1.36% berbanding tahun 2013. Jumlah nilai juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.19% iaitu dari RM19.06 bilion kepada RM19.10 bilion pada 2014.

Carta 10 - 7: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat) (2010 - 2014)



Jadual 10 - 17: Indeks Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat) dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Unit Dinilai		Nilai Dilapor	
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	120.82	20.82%	108.67	8.67%
2005	152.02	25.82%	125.38	15.38%
2006	135.67	-10.75%	136.48	8.85%
2007	137.59	1.42%	140.99	3.30%
2008	164.73	19.73%	154.76	9.77%
2009	177.87	7.97%	184.43	19.72%
2010	138.11	-22.35%	193.20	4.75%
2011	137.78	-0.24%	239.60	24.02%
2012	215.16	56.16%	268.70	12.15%
2013	216.73	0.73%	413.97	54.06%
<b>2014</b>	<b>219.67</b>	<b>1.36%</b>	<b>414.74</b>	<b>0.19%</b>

### ■ NILAIAN UNTUK MAKSDU PERCUKAIAN PERSEKUTUAN


Perkhidmatan penilaian bagi maksud pencukaian persekutuan terbahagi kepada:

- ◆ Duti Setem
- ◆ Cukai Keuntungan Harta Tanah
- ◆ Duti Harta Pusaka
- **Duti Setem**

Duti Setem merupakan duti yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan apabila sesuatu harta tanah dipindah milik. Duti ini diperuntukkan di bawah Akta Setem, 1949 (Akta 378). Permohonan penilaian diterima daripada Pemungut Hasil iaitu Pejabat Duti Setem, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Duti setem dikenakan oleh LHDN berdasarkan nilai pasaran atau balasan yang dinyatakan dalam pindah milik tersebut, mengikut mana yang lebih tinggi. Ini diperuntukkan di bawah Seksyen 12A Akta Setem 1949. JPPH memberikan nasihat tentang nilai pasaran harta tanah di mana asas nilaian adalah nilai pasaran.

Terdapat peningkatan dalam bilangan unit bagi kes duti setem yang dirujuk ke JPPH iaitu sebanyak 0.54% dan peningkatan dalam nilai iaitu sebanyak 6.41% berbanding dengan tahun sebelumnya. Jumlah nilai yang dilaporkan pada 2014 bagi maksud Duti Setem adalah RM182.57 bilion manakala nilai pada tahun 2013 adalah RM171.58 bilion.

Carta 10 - 8: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan bagi Kes Duti Setem (2010 - 2014)



Jadual 10 - 18: Indeks Duti Setem dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Duti Setem		Nilai Dilapor	
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	121.07	21.07%	153.15	53.15%
2005	118.33	-2.26%	143.37	-6.39%
2006	116.80	-1.30%	142.32	-0.73%
2007	129.88	11.20%	177.69	24.85%
2008	141.34	8.82%	206.94	16.46%
2009	140.43	-0.64%	186.25	-10.00%
2010	166.42	18.51%	246.32	32.25%
2011	177.32	6.55%	315.17	27.95%
2012	185.71	4.73%	345.01	9.47%
2013	185.32	-0.21%	392.58	13.79%
<b>2014</b>	<b>186.41</b>	<b>0.54%</b>	<b>417.73</b>	<b>6.41%</b>

- **Cukai Keuntungan Harta Tanah**

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) adalah cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169). Cukai ini dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh melalui penjualan semula harta tanah dalam tempoh lima (5) tahun pembelian. Fungsi JPPH ialah untuk menentukan dan menasihatkan LHDN mengenai nilai pasaran harta tanah pada tarikh perolehan dan tarikh pelupusan.


Kes-kes yang biasa dirujuk ke JPPH termasuk kes seperti berikut:

- ▣ Pemberian
- ▣ Perolehan Sebelum 1970
- ▣ Pertukaran Harta
- ▣ Ketiadaan Balasan Wang dan
- ▣ Maksud Lain

Berdasarkan Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No. 2) 2009 [P.U.(A)486] iaitu mulai 1 Januari 2010, Cukai Keuntungan Harta Tanah dikenakan pada kadar 5% secara efektif atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah yang dibuat dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh perolehan.

Pada tahun 2014, JPPH telah menilai sebanyak 9,593 unit kes. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.98% berbanding dengan tahun 2013. Jumlah nilai turut meningkat melebihi 100.00% iaitu RM3.09 bilion kepada RM6.56 bilion pada 2014.

Carta 10 - 9: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Cukai Keuntungan Harta Tanah (2010 - 2014)



Jadual 10 - 19: Indeks Cukai Keuntungan Harta Tanah dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Cukai Keuntungan Harta Tanah			
	Indeks	Unit Dinilai	Indeks	Nilai Dilapor
				Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	44.75	-55.25%	41.28	-58.72%
2005	57.26	27.97%	33.82	-18.06%
2006	66.59	16.28%	28.99	-14.27%
2007	58.27	-12.48%	42.06	45.07%
2008	27.06	-53.57%	19.13	-54.52%
2009	9.95	-63.24%	8.16	-57.32%
2010	16.28	63.66%	6.41	-21.48%
2011	42.36	160.20%	24.37	280.19%
2012	64.19	51.53%	40.44	65.94%
2013	59.37	-7.51%	40.41	-0.07%
<b>2014</b>	<b>65.14</b>	<b>4.98</b>	<b>85.68</b>	<b>112.03%</b>


- Duti Harta Pusaka**

Duti Harta Pusaka dikenakan ke atas harta alih dan harta tak alih (termasuk harta tanah) yang dipusatkan oleh seseorang. Perundangan yang berkaitan termasuk Enakmen Duti Harta Pusaka, 1941 (FMS No. 7 Tahun 1941); Ordinan Duti Harta Pusaka, 1942 (Bab 42, Undang-Undang Sabah); dan Ordinan Duti Harta Pusaka, 1933 (Bab 29, Undang-Undang Sarawak). Pihak yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perkiraan dan pungutan cukai ialah Pemungut Duti Harta Pusaka Semenanjung Malaysia, Pesuruhjaya Duti Pusaka, Sabah dan Pegawai Probet Sarawak manakala JPPH dipertanggungjawabkan untuk menilai harta tanah yang terlibat.

Perundangan ini telah dimansuhkan mulai daripada 1 November 1991. Walau bagaimanapun, ia masih berkuatkuasa di mana tarikh kematian adalah sebelum 1 November 1991.

Bilangan kes Duti Harta Pesaka pada 2014 adalah menurun sebanyak 4.26% jika dibandingkan dengan 2013. Jumlah nilai menunjukkan peningkatan melebihi 100.00% dari RM8.63 juta pada 2013 kepada RM21.26 juta pada 2014.

Carta 10-10: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Duti Harta Pusaka (2010- 2014)



Jadual 10 - 20: Indeks Duti Harta Pusaka dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Duti Harta Pusaka			
	Unit Dinilai		Nilai Dilapor	
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	68.06	-31.94%	81.45	-18.55%
2005	49.81	-26.81%	64.47	-20.85%
2006	63.95	28.40%	106.66	65.43%
2007	9.41	-85.28%	13.86	-87.01%
2008	1.63	82.68%	2.61	-81.17%
2009	0.78	-52.93%	0.83	-68.30%
2010	0.61	-21.37%	0.58	-29.82%
2011	0.54	-11.48%	1.06	82.76%
2012	0.46	-14.81%	1.04	-1.89%
2013	0.47	2.17%	0.50	-51.92%
<b>2014</b>	<b>0.45</b>	<b>-4.26%</b>	<b>1.23</b>	<b>146.00%</b>


## ■ NILAIAN UNTUK MAKSUM LAIN

### • Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)

Pusaka kecil ialah pusaka yang berupa harta tak alih dan harta alih yang ditinggalkan oleh si mati tanpa membuat wasiat, yang bernilai di bawah RM600,000 dan harta peninggalan si mati itu hendaklah termasuk tanah. Jika harta peninggalan si mati hanya berupa harta alih sahaja iaitu wang, saham dan sebagainya sungguhpun nilainya di bawah RM600,000 maka itu tidak termasuk dalam takrif Pusaka Kecil. Perundangan yang berkenaan ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. JPPH diminta oleh Pegawai Pembahagian Pusaka Kecil yang biasanya terdiri daripada Pentadbir Tanah Daerah/ Jajahan untuk menentukan nilai pasaran harta tanah terlibat.

Pada tahun 2014, bilangan kes harta pusaka kecil (pembahagian) meningkat sebanyak 18.85% iaitu dari 82,820 kes pada tahun 2013 ke 98,430 kes pada tahun 2014. Sejajar dengan bilangan kes tersebut, jumlah nilai bertambah sebanyak 25.16% iaitu daripada RM6.76 bilion pada tahun 2013 ke RM8.46 bilion pada 2014.

Carta 10 - 11: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (2010 - 2014)



Jadual 10 - 21: Indeks Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) dari Tahun 2003 - 2014


Tahun	Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)			
	Indeks	Unit Diniilai	Nilai Dilapor	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	111.11	11.11%	111.87	11.87%
2005	212.11	71.18%	190.90	90.90%
2006	250.69	18.19%	226.03	5.84%
2007	374.90	49.55%	385.07	70.36%
2008	377.11	0.59%	409.61	6.37%
2009	398.81	5.76%	427.56	4.38%
2010	447.91	12.31%	445.64	4.23%
2011	438.85	-2.02%	525.62	17.95%
2012	453.76	3.40%	591.58	12.55%
2013	450.48	-0.72%	668.79	13.05%
<b>2014</b>	<b>535.38</b>	<b>18.85%</b>	<b>837.04</b>	<b>25.16%</b>

- **Penilaian Untuk Maksud Pinjaman Perumahan**

Pegawai Perkhidmatan Awam diberi kemudahan pinjaman untuk membolehkan mereka memiliki harta tanah/ rumah sendiri. Pinjaman perumahan adalah tertakluk kepada Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Perbadanan. Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah bergantung kepada kelayakan pemohon dan nilai harta tanah. Peranan JPPH ialah untuk menjaga kepentingan Kerajaan dengan memberi nasihat kepada Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan mengenai nilai pasaran harta berkenaan untuk maksud cagaran dan insuran kebakaran. JPPH juga memberikan perkhidmatan pengesahan kemajuan kerja untuk maksud bayaran berperingkat pembinaan rumah pemohon. Selain itu, JPPH juga menjalankan nilai bagi Kerja Tambahan, Kerja Ubahsuai dan mengesahkan bayaran berperingkat untuk kerja tambahan/ ubahsuai tersebut.

Pada tahun 2014, bilangan unit harta tanah yang dilapor bagi maksud Pinjaman Perumahan menurun sebanyak 0.52% berbanding tahun 2013. Jumlah nilai menunjukkan peningkatan sebanyak 4.41% iaitu dari RM6.58 bilion pada tahun 2013 ke RM6.87 bilion pada tahun 2014.

Carta 10 - 12: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Pinjaman Perumahan (2010- 2014)



Jadual 10 - 22: Indeks Pinjaman Perumahan dari Tahun 2003 - 2014


Tahun	Pinjaman Perumahan			
	Unit Dinilai		Nilai Dilapor	
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	97.81	-2.19%	201.40	101.40%
2005	107.16	9.56%	219.16	8.82%
2006	120.04	12.01%	272.78	24.47%
2007	139.83	16.49%	339.34	24.40%
2008	159.84	14.31%	393.60	15.99%
2009	138.48	-13.36%	340.98	-13.37%
2010	131.43	-4.28%	322.88	-5.31%
2011	155.46	18.28%	370.12	14.63%
2012	166.96	7.40%	455.81	23.15%
2013	167.62	0.60%	492.51	8.05%
2014	167.09	-0.52%	513.91	4.35%

- Sumbangan Membantu Kadar**

Sumbangan Membantu Kadar merupakan sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi harta tanah yang diduduki bagi maksud awam oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan. Peranan JPPH adalah untuk mengesahkan Senarai Nilaian pegangan yang diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan serta nilai tahunan/ nilai tambah berkenaan. Penilaian adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Bagi maksud penilaian ini, JPPH telah merekodkan sebanyak 16,724 unit harta tanah dengan nilai RM382.12 juta pada tahun 2014. Bilangan unit telah menurun sebanyak 34.68% berbanding dengan bilangan unit yang dinilai pada tahun 2013. Jumlah nilaian pegangan juga menurun sebanyak 47.79% iaitu dari RM731.90 juta pada tahun 2013 ke RM382.12 juta pada tahun 2014.

Carta 10 - 13: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Sumbangan Membantu Kadar (2010 - 2014)



Jadual 10 - 23: Indeks Sumbangan Membantu Kadar dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Sumbangan Membantu Kadar			
	Unit Dinilai		Nilai Dilapor	
Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	
2003	100.00		100.00	
2004	107.51	7.51%	161.55	61.55%
2005	74.54	-30.67%	65.21	-59.63%
2006	57.64	-22.67%	42.94	-34.16%
2007	56.42	-2.11%	90.21	110.11%
2008	69.61	23.37%	171.83	90.47%
2009	57.88	-16.86%	190.71	10.99%
2010	114.49	97.82%	128.31	-32.72%
2011	60.25	-47.38%	132.73	3.44%
2012	22.70	-62.32%	81.71	-38.44%
2013	57.49	153.26%	245.03	199.88%
2014	37.55	-34.68%	127.93	-47.79%


- Sewaan dan Pajakan**

Memandangkan ruang pejabat dalam bangunan kerajaan terhad, banyak Jabatan Kerajaan terpaksa menyewa ruang pejabat dalam bangunan swasta. Penyewaan ruang pejabat bagi bangunan swasta oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan juga oleh pihak Perbendaharaan. JPPH menjalankan penilaian sewa bagi ruang pejabat yang berkenaan dan juga menjalankan perundingan dengan tuanpunya bangunan bagi menetapkan sewa yang berpatutan dan syarat-syarat sewaan.

Selain itu, JPPH juga diminta oleh Kerajaan Persekutuan untuk menentukan sewaan yang berpatutan bagi tanah-tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987. Jabatan ini juga terlibat dalam nilai sewa atau pajakan tanah kosong yang tidak digunakan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ianya diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 dan Seksyen 223, Kanun Tanah Negara 1965.

Pada tahun 2014, bilangan kes yang dirujuk kepada JPPH berjumlah 15,388 unit harta tanah berbanding dengan 17,002 unit harta tanah pada tahun 2013 iaitu penurunan sebanyak 6.73%. Namun begitu, jumlah nilai sewa dan pajakan yang dilaporkan mencatatkan peningkatan melebihi 100.00% ke RM6.90 bilion pada tahun 2014 dari RM666.95 juta pada tahun sebelumnya.

Carta 10 - 14: Jumlah Unit dan Nilaian yang Dilaporkan bagi Kes Sewaan dan Pajakan (2010 - 2014)




Jadual 10 - 24: Indeks Sewaan dan Pajakan dari Tahun 2003 - 2014

Tahun	Sewaan dan Pajakan		Nilai Dilapor	
	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan	Indeks	Peratus Perubahan Tahunan
2003	100.00		100.00	
2004	649.53	549.53%	111.88	11.88%
2005	226.87	-65.07%	99.08	-11.44%
2006	200.40	-11.67%	89.74	-9.43%
2007	154.41	-22.95%	342.29	281.43%
2008	219.79	42.35%	393.60	-25.47%
2009	249.19	7.69%	182.64	-28.41%
2010	201.65	-19.08%	191.03	4.59%
2011	217.78	8.00%	555.87	190.99%
2012	272.15	24.97%	298.41	-46.23%
2013	323.21	20.60%	273.81	-8.24%
<b>2014</b>	<b>306.11</b>	<b>-6.73%</b>	<b>2836.13</b>	<b>935.80%</b>

- **Nilaian Am**

Kes yang dikategorikan Nilaian Am termasuk juga kes Guaman Sivil dan kes Izin Lalu. Pada tahun 2014, jumlah lot yang dilapor bagi maksud Nilaian Am telah menurun sebanyak 8.32% dan jumlah nilaiannya meningkat sebanyak 60.96% berbanding tahun 2013. Sebanyak 10,233 kes dengan jumlah nilai RM25.96 bilion telah dilapor pada tahun 2014.

Carta 10 - 15: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan bagi Kes Nilaian Am (2010 - 2014)




- Kes-Kes Lain**

Klasifikasi Kes-kes Lain termasuk penilaian untuk maksud Cagaran, Urusan Pentadbiran Tanah, Pengurusan Aset, Rujukan Kes Mahkamah, Pendaftaran Hakmilik, Pampasan, Kajian Kemungkinan, Perlanjutan Milikan Tanah, Terbitan Modal/ Pelaburan Asing, Loji dan Jentera, Harta Kerajaan, Pemegang Amanah Raya, Baitulmal, Nilai Aset Syarikat Insurans, Kadaran, Insurans, Sewa Tahunan/ Cukai Tanah dan Lesen Pendudukan Sementara.

Pada tahun 2014, sebanyak 17,149 unit telah dinilai di bawah kategori ini dan jumlah nilai yang dilaporkan adalah RM26.97 bilion yang mana bilangan unit meningkat sebanyak 35.51% berbanding dengan tahun sebelumnya. Begitu juga dengan nilai, ia turut meningkat sebanyak 86.39% iaitu dari RM14.47 bilion pada tahun 2013 kepada RM26.97 bilion pada 2014.

Carta 10 - 16: Jumlah Unit dan Nilaian (RM) yang Dilaporkan bagi Kes-Kes Lain (2010 - 2014)






# **Bab 11**

## **Institut Penilaian Negara (INSPEN)**

## Carta Organisasi Institut Penilaian Negara





Institut Penilaian Negara (INSPEN) diwujudkan untuk mengendalikan aktiviti latihan dan penyelidikan Jabatan. Peranan INSPEN sebagai penggerak utama dalam aktiviti ini adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran modal insan Jabatan khasnya dan industri dalam bidang harta tanah di rantau Asean amnya.

#### OBJKTIF

Ditubuh untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan jabatan dan industri harta tanah melalui latihan, penyelidikan dan pendidikan demi memberi perkhidmatan penilaian dan perkhidmatan harta yang menepati masa, berkesan dan boleh dipercayai.

#### VISI

Untuk menjadi pusat latihan, penyelidikan, dan pendidikan yang terunggul dalam bidang harta tanah.

#### MISI

Melengkapkan tenaga kerja bagi menghadapi cabaran baru dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan menyediakan perkhidmatan penyelidikan yang berwibawa, perkhidmatan perundingan, latihan dan pendidikan bagi memenuhi keperluan dan permintaan industri harta tanah.

#### FUNGSI UTAMA

- Menjalankan latihan dalam perkhidmatan dalam aspek penilaian, perkhidmatan harta, informasi harta tanah, penyelidikan, pengurusan, pentadbiran dan ICT.
- Menjalankan penyelidikan dan menerbitkan hasil penyelidikan yang berkaitan dengan industri harta tanah.
- Menjalankan perkhidmatan perundingan dan pembangunan produk bagi meningkatkan daya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Menjalankan program pendidikan tinggi yang memberikan penekanan kepada kehendak industri harta tanah.
- Menyelaras dana penyelidikan harta tanah Negara.
- Memainkan peranan sebagai pusat sumber rujukan khusus dalam bidang harta tanah.

Aktiviti utama INSPEN adalah menjalankan latihan dalam perkhidmatan, penyelidikan dan penerbitan yang berkaitan dengan industri harta tanah. Aktivitinya juga merangkumi perkhidmatan perundingan dan pembangunan produk, program pendidikan tinggi yang memberi penekanan kepada kehendak industri harta tanah dan penyelaras dana Penyelidikan Harta Tanah Negara. Pencapaian setiap program/ aktiviti adalah seperti berikut:

#### ■ LATIHAN

Pada tahun 2014, INSPEN telah menganjurkan 140 kursus yang meliputi seramai 4,277 orang peserta. Jumlah ini mencatatkan sedikit penurunan dalam jumlah peserta jika dibandingkan pada tahun 2013 iaitu sebanyak 130 kursus dengan bilangan peserta seramai 4,447 peserta. Prestasi aktiviti latihan INSPEN bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

Jadual 11 - 1: Latihan: Kursus/ Bengkel/ OJT/ CPD Bagi Tahun 2014

TAHUN 2014			
KURSUS/ BENGKEL/ CPD	SASARAN	PENCAPAIAN	
Bilangan Kursus/ Bengkel/ OJT/ CPD	126	140	111.00%
Bilangan Peserta	4,000	4,277	106.90%
SEMINAR/ SIMPOSIUM		SASARAN	PENCAPAIAN
Bilangan Seminar/ Simposium	1	1	100.00%
Bilangan Peserta	-	63	

Jadual 11 - 2: Latihan: Kursus Bagi Tahun 2010- 2014

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014
Sasaran	114	116	129	125	126
Pencapaian	115	122	129	130	140

Jadual 11 - 3: Prestasi Bilangan Peserta Kursus Tahun 2010 - 2014

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014
Sasaran	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000
Pencapaian	3,334	3,683	4,143	4,447	4,277

Jadual 11 - 4: Prestasi Bilangan Peserta Seminar/ Simposium Tahun 2010 - 2014

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014
Sasaran	-	-	-	-	-
Pencapaian	82	123	54	56	63

- Pusat Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

Jadual 11 - 5: Pusat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Bagi Tahun 2014

KURSUS	JUMLAH
Bilangan Kursus Dirancang Tahun 2014	59
Kursus Tambahan	4
Kursus Batal	2
Kursus Dilaksana Sehingga 31 Disember 2014	61
Bilangan Peserta	1,354

- Pusat Pengurusan dan Teknologi Maklumat**

Jadual 11 - 6: Pusat Pengurusan dan Teknologi Maklumat Bagi Tahun 2014

KURSUS	JUMLAH
Bilangan Kursus Dirancang Tahun 2014	49
Kursus Tambahan	0
Kursus Batal	12
Kursus Dilaksana Sehingga 31 Disember 2014	61
Bilangan Peserta	2,117

- Pusat Pembangunan Profesional dan Eksekutif**

Jadual 11 - 7: Pusat Pembangunan Profesional dan Eksekutif Bagi Tahun 2014

KURSUS	JUMLAH
Bilangan Kursus Dirancang Tahun 2014	18
Kursus Tambahan	0
Kursus Batal	0
Kursus Dilaksana Sehingga 31 Disember 2014	18
Bilangan Peserta	806

## ■ AKADEMIK

### • Program Akademik

Senarai Program Akademik yang ditawarkan oleh INSPEN adalah seperti di Jadual 11 - 7:

Jadual 11 - 7: Program Akademik Yang Ditawarkan Oleh INSPEN.

Bil.	Program	Syarat Kemasukan	Tempoh Pengajian	Yuran Pengajian
1.	Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT)	Dibuka kepada rakyat Malaysia berumur 17 - 21 tahun, Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kelayakan minimum seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu</li> <li>• Kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Matematik Tambahan</li> <li>• Kepujian dalam mana-mana satu(1) mata pelajaran Sains/ Prinsip Perakaunan/ Perdagangan atau mana-mana pelajaran lain</li> <li>• Lulus dalam dua (2) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Inggeris</li> </ul>	Lima (5) semester dalam tempoh dua (2) tahun	RM365.00 untuk setiap semester
2.	Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT)	Dibuka kepada rakyat Malaysia berumur 17 - 21 tahun, Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kelayakan minimum seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu</li> <li>• Kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Sains atau Perdagangan atau Prinsip Akaun</li> <li>• Satu (1) Kepujian dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran</li> <li>• Dua (2) lulus dalam dua(2) mata pelajaran lain.</li> </ul>	Empat (4) semester (19 bulan)	RM365.00 untuk setiap semester
3.	Sijil Agensi Harta Tanah (CEA) i. Mod Sepenuh Masa	Dibuka kepada rakyat Malaysia berumur 17 - 21 tahun, Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kelayakan minimum seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu;</li> <li>• Kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Sains atau Perdagangan atau Prinsip Akaun</li> <li>• Satu(1) Kepujian dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran</li> <li>• Dua (2) lulus dalam dua (2) mata pelajaran lain.</li> <li>• Atau kelayakan tambahan:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dari INSPEN atau</li> <li>ii. Sijil Pengurusan Harta Tanah (SGPT) dari INSPEN atau</li> <li>iii. Diploma di dalam mana-mana bidang yang diiktiraf JPA atau</li> <li>iv. Ijazah di dalam mana-mana bidang yang diiktiraf JPA.</li> </ol> </li> </ul>	Empat (4) semester (20 bulan)	RM8,745.00 untuk keseluruhan pengajian

- Pengambilan dan Pengesahan Graduan (2004 Hingga 2014)**

Pengambilan pelajar bermula 2004 hingga 2014 untuk ketiga-tiga program adalah berjumlah 1,005 orang pelajar. Jumlah pengambilan secara terperinci mengikut sesi dan program adalah seperti di Jadual 11 - 8.

Jadual 11 - 8: Jumlah Pengambilan Pelajar dan Graduan INSPEN

Tahun/ Sesi	Jumlah Pengambilan Pelajar Bagi Satu Sesi				Bilangan Yang Sedang Mengikuti Pengajian				Bilangan Graduan			
	SPHT	SPGT	CEA FT	CEA PT	SPHT	SPGT	CEA FT	CEA PT	SPHT	SPGT	CEA FT	CEA PT
2004/2005	29	-	-	-	-	-	-	-	26	-	-	-
2005/2006	29	-	-	-	-	-	-	-	22	-	-	-
2006/2007	50	-	-	-	-	-	-	-	29	-	-	-
2007/2008	54	-	-	-	-	-	-	-	32	-	-	-
2008/2009	39	33	-	-	-	-	-	-	34	28	-	-
2009/2010	57	32	-	-	-	-	-	-	37	31	-	-
2010/2011	47	28	-	-	-	-	-	-	36	22	-	-
2011/2012	82	50	47	50	-	-	-	-	69	37	30	44
2012/2013	52	23	31	70	45	17	25	68	44	18	10	55
2013/2014	65	19	48	70	62	18	44	70				
	504	185	126	190	107	35	69	138	329	136	40	99
JUMLAH	1,005				349				604			
					953							

Catatan:

- Pengambilan pelajar program SPHT bermula tahun 2004
- Pengambilan pelajar program SPGT bermula tahun 2008
- Pengambilan pelajar program CEA bermula tahun 2011

- Hala Tuju Graduan INSPEN**

- Program Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT)**

Graduan SPHT dan SPGT berpeluang bekerja sebagai Pembantu Penilaian (W17) di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan beberapa jabatan serta agensi kerajaan yang lain pada tangga gaji permulaan P1T9 atau sektor swasta sebagai Pembantu atau Penolong Eksekutif Penilaian.

Pelajar juga berpeluang menyambung pengajian di peringkat Diploma di universiti tempatan seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Selain itu, mereka turut juga berpeluang menyambung pengajian di peringkat Ijazah di universiti antarabangsa iaitu *Queensland University of Technology* (QUT) dan *University of Western Sydney* (UWS) dengan mendapat pengecualian kredit.

- **Program Sijil Agensi Harta Tanah (CEA)**

Program Agensi Harta Tanah INSPEN merupakan laluan alternatif kepada graduan untuk ditauliahkan sebagai Ejen Harta Tanah Berdaftar oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH). Program yang ditawarkan dalam dua (2) mod (sepenuh masa dan separuh masa) ini telah mendapat pengiktirafan dan pengesahan daripada LPPEH (setaraf dengan Ujian Bertulis Bahagian I dan Bahagian II, Peperiksaan Ejen Harta Tanah).

- **Pengiktirafan Program Akademik**

- **Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)**

Kelulusan pendaftaran INSPEN sebagai Institusi Pendidikan/Latihan di bawah Kementerian selain Kementerian Pendidikan : No Pendaftaran B/IPTK/II (034) - Akta Pendidikan 1996 (Seksyen 79). Kelulusan pendaftaran untuk program SPHT dan SPGT.

- **Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)**

SPHT diiktiraf oleh JPA sebagai setaraf dengan Sijil Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi tujuan kemasukan dalam perkhidmatan awam. Pengiktirafan ini membolehkan graduan berkhidmat di sektor awam sebagai Pembantu Penilaian (W17) pada tangga gaji permulaan P1T9.

Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) juga diiktiraf setaraf dengan Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT).

- **Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (LPPEH)**

Pengesahan kurikulum program bagi Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT).

Untuk program CEA yang dijalankan di INSPEN telah mendapat akreditasi dari Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (LPPEH) pada 11 Julai 2011 (setaraf dengan peperiksaan *Estate Agent* untuk bahagian I dan II di bawah LPPEH).

Berdasarkan pengiktirafan ini, pelajar program CEA melalui modul programnya hanya perlu menduduki peperiksaan untuk 12 subjek utama yang dikendalikan sendiri oleh INSPEN. Setelah lulus semua subjek dan keperluan yang melayakkan pelajar mendapatkan sijil CEA dari INSPEN, pelajar boleh terus mendaftar sebagai ejen hartanah percubaan selama dua (2) tahun. Ini bermakna pelajar tidak perlu lagi menduduki peperiksaan Bahagian I dan Bahagian II yang dikendalikan oleh LPPEH, sebaliknya hanya perlu menjalani tempoh ejen percubaan selama dua (2) tahun dan seterusnya menghadiri *Test of Professional Competence* (TPC).

- **Royal Institution Of Chartered Surveyors (RICS)**

Pengiktirafan bagi program Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT). Pengiktirafan ini melayakkan graduan SPHT dan SPGT mendapat pengecualian dua (2) tahun berbanding empat (4) tahun pengalaman yang diperlukan bagi tujuan *Associate Assessment*.

Pengiktirafan daripada RICS ini bertujuan supaya pelajar lulusan Sijil INSPEN tidak sukar meletakkan diri mereka sebaris di kalangan profesional lain terutamanya daripada luar negara.

- **Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM)**

Pengiktirafan kurikulum program bagi Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT).

Pengiktirafan ini juga membolehkan graduan SPHT menduduki peperiksaan Profesional RISM, *Property Consultancy & Valuation Surveying Division* (PCVS).

- **Universiti Teknologi Mara (UiTM)**

Pengiktirafan kurikulum program bagi Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT).

Pengiktirafan ini melayakkan graduan SPHT dan SPGT meneruskan pengajian ke peringkat Diploma Pengurusan Harta Tanah di UiTM.

- **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**

Pengiktirafan kurikulum program bagi Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan melayakkan graduan SPHT dan SPGT meneruskan pengajian ke peringkat Diploma Pengurusan Harta Tanah di UTM.

Pengesahan kurikulum Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT).

- **University Of Western Sydney (UWS), AUSTRALIA**

Pengiktirafan kurikulum program bagi Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT).

Pengiktirafan kurikulum melayakkan graduan menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Pertama dalam pelajar lepasan Sijil INSPEL mengikuti terus ke peringkat Ijazah Pertama dalam *Bachelor of Business and Commerce (Property)* yang memberi penjimatan tempoh pengajian selama satu (1) tahun berbanding tiga (3) tahun yang sepatutnya.

- **Queensland University Of Technology (QUT), Australia**

Pengiktirafan kurikulum program bagi Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT).

Pengiktirafan kurikulum melayakkan pelajar lepasan graduan INSPEL menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Pertama dalam *Bachelor of Urban Development (Property Economics)* dan *Bachelor of Urban Property Economics* yang memberi penjimatan tempoh pengajian selama satu setengah tahun berbanding empat (4) tahun yang sepatutnya.

- **Latihan Industri**

Latihan industri merupakan salah satu syarat dalam kurikulum program akademik. Melalui latihan industri ini pelajar dapat diberikan pendedahan secara *hands on* dalam semua aktiviti yang terlibat dalam industri harta tanah.

Pelajar SPHT dan SPGT menjalani latihan industri di semester empat (4) untuk tempoh 14 minggu, manakala pelajar CEA latihan industri untuk tempoh selama tiga (3) bulan (mod sepenuh masa) dan pelajar separuh masa pula selama 480 jam dalam tempoh enam (6) bulan.

Pada masa sekarang, pelajar program SPHT menjalani latihan industri di pejabat JPPH di seluruh Malaysia.

Pelajar program SPGT dan CEA latihan industri dilakukan di firma swasta yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (LPPEH). Senarai firma latihan industri bagi program SPGT dan CEA adalah di Jadual 11 - 9.

Jadual 11 - 9: Senarai Agensi Kerajaan Tempatan dan Firma Swasta Pelajar CEA dan SPGT Sesi 2013/2014 Menjalani Latihan Industri

Bil.	Senarai Agensi/ Firma Bagi Pelajar CEA (Mod Sepenuh dan Separuh Masa) Menjalani Latihan Industri	Senarai Agensi/ Firma Bagi Pelajar SPGT Menjalani Latihan Industri
1.	IW Properties	Majlis Perbandaran Taiping
2.	Azilah Properties	Majlis Perbandaran Kuantan
3.	Castle Realty	Majlis Perbandaran Selayang
4.	Readfield Properties	Majlis Perbandaran Kota Bharu
5.	MetroWorld Realty Sdn. Bhd.(Caw. Melaka)	Majlis Perbandaran Johor Baru Tengah
6.	Azmi @ Co (Pahang) Sdn. Bhd.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah
7.	D-Choice Properties	Perbadanan Putrajaya
8.	Burgess Rawson Estate Agent (N.S) Sdn. Bhd.	Pakar Management Technology (M) Sdn. Bhd .
9.	Nilai Harta Consultant Sdn. Bhd.	Allied Group Property Service (KL) Sdn. Bhd.
10.	IM Global Property Consultants Sdn. Bhd.	Raine Horne & Zaki Property Management Sdn. Bhd.
11.	Rahim & Co. Chartered Surveyors (Kedah)	IPC Island Property Consultant Sdn. Bhd.
12.	Rescom Realty	Henry Butcher Real Estate (Johor) Sdn. Bhd.
13.	Ipc Realty Sdn. Bhd.	C H Williams Talhar Wong & Yeo Sdn. Bhd.
14.	Henry Butcher Real Estate (Kluang) Sdn. Bhd.	
15.	Vision Homes Realty	
16.	Knight Frank Sdn. Bhd.	
17.	Readfield Properties Sdn. Bhd.	
18.	D. Henry Valuers Realtor	
19.	Jyms Properties Sdn. Bhd.	

- **Majlis Konvokesyen Ke-9**

Majlis Konvokesyen ke-9 yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian pada 25 November 2014 menyaksikan seramai 133 orang graduan berjaya menamatkan pengajian di dalam SPHT, SPGT dan CEA bagi sesi akademik 2011/2012 & 2012/2013. Bilangan graduan SPHT ialah 44 orang, manakala SPGT 18 orang. Selain itu, seramai 14 graduan (mod sepenuh masa) dan 57 graduan (mod separuh masa) telah dianugerahkan Sijil CEA.

## ■ PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

### • Kertas Penyelidikan

Pada tahun 2014, sebanyak empat (4) Kertas Penyelidikan dan tujuh (7) Kertas Informatif telah dihasilkan. Jadual berikut menunjukkan prestasi kertas kerja penyelidikan bagi tahun 2014:

Jadual 11 - 9: Prestasi Kertas Penyelidikan Bagi Tahun 2014

Kertas Kajian	Tahun 2014	
	Sasaran	Pencapaian
Bilangan Kertas Penyelidikan Gunaan	7	9
Bilangan Kertas Informatif	5	2

Jadual 11 - 10: Kertas Penyelidikan Siap Pada Tahun 2014

Bil.	Tajuk Kertas Penyelidikan Gunaan	Pegawai Penyelidik
1	Penilaian Harta Tanah Berimilik Dengan Bebanan Setinggan	Pn. Faziah binti Abd. Rasid
2	Pampasan Kehilangan Pendapatan Bagi Kes Pengambilan Tanah	Pn. Noraini binti Abdul Hamid
3	Kajian Kos Binaan Bangunan Kediaman Kayu di Malaysia	Pn. Noraini binti Abdul Hamid
4	Kajian Kos Binaan Bangunan Rumah Ibadat	En. Mohd Haris bin Yop En. Samuel Devadasan
5	Penilaian Tanah Warisan	Pn. Norliza binti Nordin
6	Faktor Pemandangan dan Kesannya Pada Nilai Harta Tanah Strata	Pn. Fatimah binti Zulkifli
7	Kajian Atribut Kejiranan (Neighbourhood): Harta Tanah Komersil Jenis Rumah Kedai	Pn. Rohana binti Abdul Rahman Pn. Nur Hafizah binti Zahari Pn. Nor Fadhilah binti Mat Nor
8	Kesan Insentif Jualan Rumah di Pasaran Pertama ke atas Pasaran Kedua	Pn. Mashitoh binti Halim
9	Implikasi Kenaikan Harga Rumah Terhadap Kemampuan Pembeli dan Kawalan Kerajaan	En. Mohd Arif bin Mat Hassan Pn. Faziah binti Abd. Rasid Pn. Noraini binti Abdul Hamid

Jadual 11 - 11: Kertas Informatif Siap Pada Tahun 2014

Bil.	Tajuk Kertas Penyelidikan Informatif	Pegawai Penyelidik
1	Pengurusan Kelab Golf di Malaysia	Pn. Faziah binti Abd. Rasid
2	Tebus Guna Tanah	Pn. Azileina binti Zol

- Pembentangan Kertas Penyelidikan INSPEN**

Kertas penyelidikan yang telah disiapkan akan dibentangkan dalam seminar penyelidikan JPPH. Bagi tahun 2014, Seminar Penyelidikan JPPH Ke-3 telah diadakan pada 9 September 2014 bertempat di Dewan Jubli, INSPEN. Di samping menghebahkan penemuan kajian yang dijalankan dan memupuk budaya penyelidikan di kalangan pegawai JPPH, seminar ini juga bertujuan memberi pendedahan awal kepada para penyelidik muda untuk pembentangan di peringkat yang lebih tinggi. Seminar satu (1) hari tersebut menyaksikan pembentangan lapan (8) kertas penyelidikan. Senarai tajuk kertas yang dibentangkan adalah seperti di Jadual 11 - 12.

Jadual 11 - 12: Pembentangan di Peringkat Jabatan Bagi Tahun 2014

Bil.	Seminar Penyelidikan JPPH Ke 5/ Tajuk Kertas Penyelidikan	Pegawai Penyelidikan INSPEN
1	Isu Penilaian Pecah Pisah, Kesan Mudarat dan Kacau Ganggu dalam Kes Pengambilan Tanah	Pn. Norain binti Abdul Hamid
2	Penilaian Harta Tanah Dengan Bebanan: Setinggan	Pn. Faziah binti Abd Rasid
3	Kelestarian Ekonomi (Daya Saing) Harta Tanah Kediaman dan Komersial di Cyberjaya	Pn. Rohana binti Abdul Rahman
4	Penilaian Tanah Warisan	Pn. Norliza binti Nordin
5	Tanah Wakaf Dari Perspektif Undang-undang Tanah di Semenanjung Malaysia	Pn. Aziliena binti Zol
6	<i>Property Education In Malaysia: The Gap Between Industry Expectation And Working Graduates Readiness And Capabilities In The Property Industry</i>	Pn. Norhayati binti Daud
7	Isu Penentuan Pampasan Kehilangan Pendapatan Dalam Kes Pengambilan Tanah	Pn. Norain binti Abdul Hamid
8	Hakmilik Stratum	Pn. Faziah binti Abd Rasid

- Seminar National Property Research Centre (NAPREC)**

Seminar NAPREC ke-9 telah diadakan pada 10 September 2014 bertempat di INSPEN. Sebanyak tiga (3) projek penyelidikan telah dibentangkan di seminar tersebut iaitu seperti di dalam Jadual 11-13:

Jadual 11 - 13: Pembentangan Kertas Penyelidikan NAPREC

Bil.	Tajuk Kertas Penyelidikan	Pegawai Penyelidik
1	<i>Landscape Design as an Added Value to Real Estate Development in Klang Valley</i>	Asst. Prof. Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain (UIA)
2	<i>An Analysis of Urban Poor and Housing Affordability in Kuala Lumpur, Malaysia</i>	Prof. Madya Dr. Aminah binti Md Yusof (UTM)
3	<i>A Realistic Model to Determine Quantitative Housing Needs In Malaysia</i>	Prof. Dr. Noor Sharipah binti Sultan Sidi (UTM)
4	Klasifikasi Fasiliti Perumahan Berstrata Bagi Pembangunan Model Penentuan Dana Pengurusan (DMFM)	Assoc. Prof. Dr. Norngainy binti Mohd Tawil (UKM)

- Seminar/ Attachment/ Lawatan Kerja/ Persidangan - Luar Negara**

Pada tahun 2014, seramai sembilan (9) orang pegawai telah menghadiri seminar luar negara seperti di Jadual 11 - 14.

Jadual 11 - 14: Seminar/ Attachment/ Lawatan Kerja/ Persidangan Luar Negara

Bil.	Seminar	Tempat	Tarikh	Peserta
1	<i>European Real Estate Society Conference</i>	Bucharest, Romania	25 - 28 Jun 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Gred Utama (Jusa A)</li> <li>YBhg. Datin Faridah binti Mohammed, Gred Utama (Jusa C)</li> <li>En. Mohd Arif bin Mat Hassan, Gred W44</li> </ul>
2	<i>American Real Estate and Urban Economics Association International Conference (AREUEA)</i>	London, United Kingdom	9 - 11 Julai 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pn. Norlinda binti Daim, Gred W48</li> <li>En. Khalid bin Abdul Mutualib, Gred W48</li> <li>Pn. Azlina binti Mohamad Nor, Gred W44</li> </ul>
3	<i>Asian Real Estate Society Annual Conference (AsRES)</i>	Gold Coast, Australia	14 - 16 Julai 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tn. Hj. Rosli bin Yahya, Gred W52</li> <li>En. Che Rusle bin Mat Arop, Gred W48</li> <li>En. Zainal Abidin bin Zakaria, Gred W44</li> </ul>

- International Real Estate Research Symposium (IRERS 2014)**

Majlis Perasmian IRERS ke-7 pada 29 April 2014 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mat Noor bin Nawi, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia. Simposium IRERS 2014 kali ini bertemakan “Unlocking The Potential Of Real Estate”.

Beliau menyatakan bahawa IRERS adalah satu platform yang berkesan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing oleh para pemain dan para akademia dalam industri harta tanah.

YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian telah menyampaikan ucapan aluannya di majlis tersebut. Kolaborator yang turut hadir adalah Professor Dr. Alastair Adair (University of Ulster), Professor Dr. Graeme Newell (University of Western Sydney), Australia, Professor Chris Eves (Queensland University of Technology) dan Professor Peter Bryne (University of Reading).

Forum *Real Estate* pertama kali diadakan di simposium ini dengan barisan ahli forum terdiri daripada Prof. Dr. Graeme Newell dari University of Western Sydney, Dr. Daniele Gambero dari REI Group of Companies, En. Thong Mun Wai dari Agribusiness, Real Estate & Construction Ratings, RAM Rating Services Berhad, En. Elvin Fernandez dari Khong & Jaafar, En. Kamarulzaman bin Hasan dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pn. Maimunah binti Jaafar dari Iskandar Regional Development Authority (IRDA). Pada tahun ini, lebih 290 orang peserta hadir untuk mengikuti IRERS 2014, termasuk 40 orang peserta negara luar.

### ■ PRESTASI KEWANGAN INSPEN 2014

- **Peruntukan INSPEN 2014**

Pada tahun 2014, sejumlah RM29,455,800.00 telah diperuntukkan di bawah Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-off*, manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM25,182,183.74 (95.17%) telah dibelanjakan. Pencapaian prestasi perbelanjaan meningkat pada tahun 2014 dari 88.86% kepada 95.17%.

- **Akaun Belanja Mengurus (ABM)**

Jadual 11 - 15: Akaun Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2014

OBJEK	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
11000	5,832,559.00	6,044,860.00	5,832,402.25	6,044,859.14	100	100
12000	1,723,440.00	1,779,260.00	1,722,693.60	1,740,998.41	99.96	97.85
13000	108,200.00	48,700.00	41,627.00	48,635.00	38.47	99.87
14000	242,500.00	158,800.00	115,331.93	152,102.22	47.56	95.78
15000	49,900.00	26,200.00	21,544.66	26,005.91	43.18	99.26
17000	398,901.00	347,780.00	320,900.71	347,720.36	80.45	99.98
<b>Jumlah</b>	<b>8,355,500.00</b>	<b>8,405,600.00</b>	<b>8,054,500.15</b>	<b>8,360,321.04</b>	<b>96.40</b>	<b>99.46</b>
21000	284,500.00	289,000.00	224,142.17	255,645.76	77.25	88.46
22000	268,400.00	5,600.00	268,369.34	5,552.76	99.99	99.16
23000	2,582,600.00	2,926,880.00	2,413,321.16	2,451,768.48	93.45	83.77
24000	883,000.00	843,600.00	652,432.89	773,472.04	73.89	91.69
25000	13,500.00	60,000.00	13,493.00	59,995.80	99.95	99.99
26000	140,000.00	233,000.00	135,857.01	226,243.11	97.04	97.10
27000	1,107,300.00	1,249,200.00	1,107,192.12	1,166,224.10	99.99	93.36
28000	2,323,200.00	2,827,600.00	2,072,605.06	2,827,356.82	89.21	99.99
29000	6,806,000.00	7,129,300.00	6,501,432.08	6,663,904.50	95.82	93.47
42000	0	40,320.00	0	28,440.00	0	70.54
<b>Jumlah</b>	<b>14,407,500.00</b>	<b>15,564,180.00</b>	<b>13,388,844.83</b>	<b>14,430,163.37</b>	<b>93.03</b>	<b>92.71</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>22,763,000.00</b>	<b>24,010,100.00</b>	<b>21,443,344.97</b>	<b>22,818,924.41</b>	<b>94.20</b>	<b>95.04</b>

- Dasar Baru

Jadual 11 - 16: Dasar Baru

OBJEK	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
28000	930,000.00	0.00	846,268.00	0.00	91.00	0.00
29000	1,000,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
32000	590,000.00	0.00	422,732.00	0.00	71.65	0.00
35000	480,000.00	0.00	476,500.00	0.00	99.27	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>3,000,000.00</b>	<b>0.00</b>	<b>1,745,500.00</b>	<b>0.00</b>	<b>58.18</b>	<b>0.00</b>

- One - Off* (Berkursus/ Bertugas Luar Negara)

Jadual 11 - 17: *One - Off* (Berkursus/ Bertugas Luar Negara)

OBJEK	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
15000	18,000.00	13,500.00	12,152.46	13,335.00	67.51	98.78
21000	172,000.00	156,300.00	158,981.72	156,297.84	92.43	100.00
22000	10,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
29000	0.00	30,084.00	0.00	30,083.91	0.00	100.00
<b>Jumlah</b>	<b>200,000.00</b>	<b>186,384.00</b>	<b>171,134.158</b>	<b>186,381.75</b>	<b>85.57</b>	<b>100.00</b>

- One - Off* (Emolumen & Kakitangan Kontrak)

Jadual 11 - 18: *One - Off* (Emolumen & Kakitangan Kontrak)

OBJEK	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
29000	800,000.00	749,608.00	778,267.73	682,765.88	97.28	91.08
<b>Jumlah</b>	<b>800,000.00</b>	<b>749,608.00</b>	<b>778,268.73</b>	<b>682,765.88</b>	<b>97.28</b>	<b>91.08</b>

- One - Off* (Aset)

Jadual 11 - 19: *One - Off* (Aset)

OBJEK	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
32000	1,978,800.00	1,000,000.00	1,322,107.00	980,878.70	66.81	98.09
34000	213,00.00	0.00	203,913.71	0.00	95.73	0.00
35000	500,000.00	500,000.00	494,131.41	499,898.00	98.83	99.98
<b>Jumlah</b>	<b>2,691,000.00</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>2,020,152.12</b>	<b>1,480,776.70</b>	<b>75.07</b>	<b>98.72</b>

- Kutipan Hasil**

Jadual 11 - 20: Kutipan Hasil

BIL.	SUMBER HASIL	KOD AKAUN	KUTIPAN (RM)	
			2013	2014
1	Asrama	74205	118,260.90	222,683.00
2	Dewan/ makmal	74299	8,795.00	35,671.64
3	Kemudahan Sukan	74999	270,907.28	92,638.50
4	Peperiksaan	72499	9,353.00	7,000.00
5	Perabot/ kelengkapan	74502	1,257.50	1,205.50
6	Hasil Tahun Lepas	81101	87,757.28	45,407.32
7	Jualan Penerbitan	73199	0.00	1,965.00
8	Borang Tender	73105	0.00	2,640.00
9	Jualan yang lain-lain *	73999	0.00	4,340.30
10	Denda	76106	0.00	193.82
<b>Jumlah</b>			<b>499,445.96</b>	<b>413,745.08</b>

Catatan: (\*) Hasil jualan seperti surat khabar lama, toner terpakai, photostat (di perpustakaan)

- Kutipan Hasil Akaun Amanah INSPEK**

Jadual 11 - 21: Kutipan Hasil Akaun Amanah INSPEK

BIL.	SUMBER HASIL	KOD AKAUN	KUTIPAN (RM)	
			2013	2014
1.	Yuran Pendaftaran Kursus	885502	83,505.00	89,284.80
2.	Yuran CPD		37,880.00	240,682.04
3.	Derma/ Sumbangan/ Sewa		-	25,620.00
<b>Jumlah</b>			<b>121,385.00</b>	<b>355,586.84</b>

Baki Wang Amanah Seksyen 9 INSPEK pada 31 Disember 2014 adalah RM1,016,398.87

- Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan (KWAPPP)**

Jadual 11 - 22: Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan (KWAPPP)

BIL.	SUMBER HASIL	KOD AKAUN	KUTIPAN (RM)	
			2013	2014
1.	Yuran CEA PT	857601	489,750.00	700,145.00
2.	Bayaran Khidmat Runding		12,198.00	19,200.00
3.	Rebet Etiqa Takaful Bagi Insuran Pelajar		2,957.91	0
4.	Yuran Semester/ Daftar SPHT/ SPGT/ CEA 2012/ 2013 & 2013/ 2014		145,460.00	165,590.00
5.	Bayaran Yuran Ulangan Peperiksaan		4,140.00	9,380.00
6.	Wang Proses Kemasukan Pelajar		1,680.00	1,380.00
7.	Sumbangan		400.00	0
8.	Sewaan Jubah Konvokesyen		4,850.00	5,700.00
<b>Jumlah</b>			<b>661,435.91</b>	<b>901,395.00</b>

Baki Wang Amanah Seksyen 10 INSPEL pada 31 Disember 2014 adalah RM2,525,200.16

- Projek Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke -10 (RMK-10)**

Pembesaran/ Menaiktaraf INSPEL

Jadual 11 - 23: Pembesaran/ Menaiktaraf INSPEL


VOT PEMBANGUNAN (1 JANUARI 2014 - 31 DISEMBER 2014)							
Projek diluluskan RMK10	Peruntukan Diluluskan (RM)		Waran yang diterima	Perbelanjaan/ Sub - Waran JKR (RM)	Baki (RM)		Perbelanjaan (%)
Pembesaran dan Naiktaraf - INSPEL			Tarikh & No. Waran: 29.1.2014 (W005) 15.4.2014 (W0008) 17.7.2014 (W0016) 12.9.2014 (W0020) 23.10.2014 (W00493) 23.12.2014 (W00631)		Waran	Siling	Waran Siling
ICT	Diluluskan	300,000.00	1,903,000.00	250,340.00	0.00	0.00	100.00 100.00
	Diperlukan	250,340.00					
	Dipulangkan	49,660.00					
Dana Penyelidikan (NAPREC)	Diluluskan	1,652,660.00		1,652,660.00	0.00	0.00	100.00 100.00
	Diperlukan	1,652,660.00					
	Dipulangkan	0.00					
<b>Jumlah</b>	<b>1,903,000.00</b>			<b>1,903,000.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>100.00 100.00</b>



# Bab 12

## Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

### Carta Organisasi Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC)



Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) ditubuhkan dengan matlamat sebagai pengumpul dan pengedar maklumat harta tanah utama negara. Semenjak 9 September 1999, NAPIC telah beroperasi dari Ibu Pejabat NAPIC di Putrajaya serta 14 cawangan NAPIC Negeri yang disokong 39 cawangan NAPIC Daerah. Bagi tahun 2014, bilangan pegawai dan staf NAPIC di seluruh negara adalah seramai 172 orang yang terdiri daripada 28 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 144 orang dari Kumpulan Sokongan.

NAPIC memainkan peranan penting dalam memberikan input mengenai keadaan pasaran harta tanah kepada pihak kerajaan dan swasta, dalam dan luar negara. Data yang diterbitkan oleh NAPIC digunakan dalam pelbagai analisis pasaran dan digunakan sebagai indikator pembangunan negara. Maklumat yang disalurkan NAPIC digunakan dalam penetapan polisi dan dasar yang merangkumi bukan sahaja sektor harta tanah tetapi untuk sektor berkaitan seperti kewangan, pembinaan dan perindustrian. Maklumat dari NAPIC digunakan oleh pelbagai pihak dalam menyediakan analisis kepada ekonomi negara dan berhubung kait secara langsung dengan sektor harta tanah.

Isu semasa seperti kenaikan harga rumah dan keadaan pasaran harta tanah serantau meletakkan NAPIC dan JPPH sebagai pembekal maklumat utama harta tanah negara. Ini membawa kepada pelbagai kerjasama dengan lain-lain pihak industri harta tanah dari segi perkongsian maklumat. Pegawai NAPIC terus aktif memberi penjelasan tentang data NAPIC di forum dalaman (di JPPH) dan luaran (luar JPPH). Langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan agensi kerajaan seperti Bank Negara Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga merujuk kepada data NAPIC dalam membuat keputusan.

Tahun 2014 juga menyaksikan pelbagai pertemuan dan perbincangan dijalankan bersama pihak swasta, kerajaan dan NAPIC ke arah kerjasama perkongsian maklumat bagi faedah bersama. Antara organisasi yang terlibat adalah Bank Negara Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain. Kerjasama dan perbincangan dengan pelbagai pihak dari luar negara yang menjalankan analisis pasaran serantau juga dilaksanakan seperti Urbis (Australia), Sekisui Chemical (Jepun), Direktorat Jeneral Kekayaan Negara (Indonesia) dan Saudi Authority For Accredited Valuers/ TAQEEM



(Arab Saudi) menempatkan NAPIC dalam kelas tersendiri sebagai pengumpul dan penyebar data harta utama negara.

## FUNGSI UTAMA

Fungsi penubuhan NAPIC ialah untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:

- Mengumpul data tentang penawaran dan permintaan harta daripada pelbagai pihak.
- Membangun dan menyenggara pangkalan data stok harta tanah negara.
- Membekal data yang tepat, komprehensif dan menepati masa kepada pihak kerajaan dan pihak yang terlibat dalam industri harta tanah.
- Mengeluarkan pelbagai produk informasi harta tanah negara.
- Menasihati Kerajaan tentang pembangunan harta tanah negara.
- Meningkatkan tahap kefahaman orang awam tentang kepentingan data harta tanah kepada pembangunan industri harta tanah negara.

## AKTIVITI UTAMA

Tugas utama NAPIC ialah mengumpul, menganalisis dan menyebar maklumat harta tanah kepada orang ramai di dalam laporan yang diterbitkan secara berkala. Laporan penerbitan adalah seperti berikut:

### ■ Penerbitan Laporan

#### • Laporan Pasaran Harta

Laporan Pasaran Harta dikeluarkan dua (2) kali setahun iaitu Laporan Pasaran Harta Separuh Tahun 2014 dan Laporan Pasaran Harta Tahun 2013. Ia mengandungi maklumat berkenaan pindahmilik harta kediaman, perdagangan, perindustrian, pertanian, tanah pembangunan dan lain-lain. Laporan kajian merangkumi kedudukan ekonomi, kewangan, polisi kerajaan serta trend pasaran harta tanah.

Laporan Pasaran Harta Tahun 2013 dijual dengan harga RM100.00 sebuah, manakala Laporan Pasaran Harta Separuh Tahun 2014 boleh didapati secara percuma dari Laman Sesawang JPPH.

#### • Indeks Harga Rumah Malaysia

Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) merupakan indikator mengenai paras harga rumah di Malaysia. Ia dikeluarkan empat (4) kali setahun iaitu bagi suku pertama (Q1), suku pertama dan kedua(Q1-Q2), suku ketiga (Q3) serta suku ketiga dan keempat (Q3-Q4). Laporan ini memberi angka indeks untuk lima (5) jenis harta kediaman di seluruh Malaysia iaitu teres, berkembar, sesebuah, unit bertingkat tinggi dan semua jenis rumah. Semenjak keluaran Indeks Q3 2010, orang ramai boleh mendapatkan Laporan Indeks ini dari Laman Sesawang JPPH secara percuma.

#### • Laporan Stok Harta Tanah

Laporan Stok Harta Tanah merupakan inventori ke atas data pembangunan harta tanah. Laporan ini memantau pembangunan harta tanah bermula dari sesuatu projek diluluskan sehingga ianya siap dibina.

Laporan ini mengandungi maklumat mengenai:

- ♦ Bilangan stok sedia ada mengikut sektor harta tanah iaitu kediaman, perniagaan, industri dan riadah.
- ♦ Prestasi harta tanah perniagaan berdasarkan kadar penghunian pada suku kajian.
- ♦ Penawaran akan datang yang terdiri daripada data penawaran akan datang, mula pembinaan dan penawaran yang dirancang.

Laporan ini diterbitkan pada setiap suku tahun dan boleh didapati secara percuma dari Laman Sesawang JPPH.

- **Laporan Status Pasaran Harta Tanah**

Laporan ini memantau pasaran utama harta tanah pada setiap suku tahun. Laporan ini mengandungi penulisan ringkas dan analisa data perumahan unit baru dilancarkan. Ia memberi gambaran mengenai prestasi jualan unit rumah dalam tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh pelancaran untuk jualan. Laporan ini mengandungi unit tidak terjual mengikut peringkat pembinaan iaitu siap dibina (overhang), dalam pembinaan dan belum dibina. Laporan ini boleh didapati secara percuma dari Laman Sesawang JPPH.

- **Pindah Milik Harta RM10 Juta**

Laporan ini adalah mengenai pindah milik harta yang bernilai lebih daripada RM10 juta di Malaysia mengikut negeri dan sub sektor. Pada tahun 2014, dua (2) penerbitan Pindah Milik RM10 Juta telah diterbitkan iaitu Jilid 4 dan 5. Laporan ini boleh didapati secara percuma dari Laman Sesawang JPPH.

- **Jual Beli Tanah Ladang**

Penerbitan Laporan Jual beli Tanah Ladang adalah tertakluk kepada maklumat yang diperolehi. Pada tahun 2014, hanya satu (1) penerbitan telah dikeluarkan iaitu Jilid 20. Laporan ini menyenaraikan butiran jual beli tanah ladang mengikut negeri di Malaysia. Laporan ini boleh didapati secara percuma dari Laman Sesawang JPPH.

- **Laporan Penawaran Pra Perancangan**

Laporan Penawaran Pra Perancangan ini diterbitkan secara bersama dengan Laporan Stok Harta Tanah suku pertama (Q1). Laporan ini memberi maklumat mengenai harta tanah yang memperolehi kelulusan Tukar Syarat, Tukar Kegunaan Tanah, Pecah Sempadan, Penyatuan dan Serah Balik Kurnia Semula. Laporan ini boleh didapati secara percuma dari Laman Sesawang JPPH.


■ **Pencapaian Penerbitan NAPIC 2014**

Berikut adalah senarai penerbitan NAPIC bagi tahun 2014 dan pencapaianya.


Jadual 12-1: Prestasi Pencapaian Penyediaan Laporan Berkala Tahun 2014

Jenis Laporan	Edisi	Tarikh Siap Laporan
Laporan Pasaran Harta	Tahun 2013	3 Mac 2014
	Separuh Tahun 2014	10 Oktober 2014
	Q3 - Q4 2013	21 Februari 2014
	Q1 2014	12 Mei 2014
Indeks Harga Rumah Malaysia	Q1 - Q2 2014	11 September 2014
	Q3 2014	2 Disember 2014
	Q4 2013	5 Februari 2014
	Q1 2014	15 Mei 2014
Laporan Stok Harta Tanah	Q2 2014	12 September 2014
	Q3 2014	23 Disember 2014
	Q4 2013	10 Mac 2014
	Q1 2014	1 Julai 2014
Laporan Status Pasaran Harta Tanah	Q2 2014	8 Disember 2014
	Q3 2014	12 Januari 2015
	Q1 2014	7 Julai 2014
	Q2 2014	30 Oktober 2014
Penawaran Pra Perancangan	Tahun 2014	19 April 2014
Pindah Milik RM10 Juta	Jilid 4	6 April 2014
	Jilid 5	18 September 2014
Laporan Jual Beli Tanah Ladang	Jilid 20	8 April 2014

Carta 12-1: Bilangan Penerbitan Laporan NAPIC (2005-2014)



Carta 12-2: Pecahan Penerbitan Laporan NAPIC 2014




#### ■ Permohonan Data NAPIC

Selain daripada menerbitkan laporan berkala, NAPIC turut menyediakan data atas permintaan (customised data) oleh agensi kerajaan, agensi swasta, penyelidik dan pelajar universiti. Jumlah permohonan data yang diterima adalah sebanyak 90 permohonan bagi tahun 2014 dengan pecahan seperti berikut:


Jadual 12-2: Bilangan Permohonan Data oleh Pihak Luar Tahun 2014

Data yang Dipohon/ Agensi	Inventori Harta Tanah	Pasaran Harta Tanah	Indeks Harta Tanah	Jumlah
Agensi Kerajaan	25	24	1	50
Agensi Swasta	10	14	1	25
Penyelidikan dan Pelajar Universiti	6	9	-	15
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>41</b>	<b>47</b>	<b>2</b>	<b>90</b>

Carta 12-3: Pecahan Pemohon Data NAPIC mengikut Kategori



Carta 12-4: Pecahan Jenis Data NAPIC Yang Dipohon



■ Mesyuarat/ Bengkel/ Perbincangan *Inter-Agenzi* 2014

Sepanjang tahun 2014, terdapat sebanyak 17 mesyuarat/ bengkel/ perbincangan yang melibatkan pelbagai agensi. Senarai mesyuarat/ bengkel/ perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 12-3: Senarai Mesyuarat/ Bengkel/ Perbincangan Inter-Agenzi 2014

Bil.	Mesyuarat/ Bengkel/ Perbincangan	Agenzi Terlibat	Tarikh
1.	Perbincangan bersama Jabatan Perangkaan Malaysia untuk perkongsian data dan memahami penerbitan NAPIC.	Jabatan Perangkaan Malaysia	29 Januari 2014
2.	Perbincangan bersama <i>Malaysian Hotel Owner Association</i> bagi membincangkan mengenai perlaksanaan pengumpulan data hotel melalui Modul Hotel menggunakan Sistem PRISM.	<i>Malaysian Hotel Owner Association</i>	17 Februari 2014
3.	Bengkel <i>Corporate Outlook 2014: Navigating Challenges and Cross-Border Investment Opportunities</i> .	<i>Malaysia Property Incorporated (MPI)</i>	20 Februari 2014
4.	Perbincangan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan penggunaan data inventori NAPIC oleh KPkt.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	4 Mac 2014
5.	Bengkel untuk penyediaan kertas strategi di bawah Kumpulan Fokus Pemilikan Ekuiti dan Aset Bukan Kewangan bagi Bab 9: Memperkuatkannya Pembangunan Inklusif, Teras 5, Rancangan Malaysia Ke Sebelas.	Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)	21 Mac 2014
6.	Bengkel Statistik Perkhidmatan (Indeks Perkhidmatan) kepada Pengguna Utama/ Agenzi Kerajaan.	Jabatan Perangkaan Malaysia	14 Mei 2014
7.	Perbincangan bersama PNB Research Division berhubung data inventori dan transaksi harta tanah di Malaysia.	PNB Research Division	6 Jun 2014
8.	Mesyuarat perkongsian data transaksi harta tanah kediaman bersama Telekom Malaysia.	Telekom Malaysia	24 Julai 2014
9.	Bengkel perkhidmatan perundingan untuk TAQEEM, Arab Saudi dan Indonesia.	INSPEN	6-8 Ogos 2014
10.	Projek Perundingan TAQEEM di Saudi Authority For Accredited Valuers, Modon Headquarters, Al Takhassusi Street, Riyadh, Saudi Arabia.	<i>Saudi Authority For Accredited Valuers</i>	8-11 September 2014
11.	Perbincangan bersama En. Jack Backen dari Urbis Australia berkenaan data inventori NAPIC.	Urbis Australia	19 September 2014
12.	Perbincangan bersama Jabatan Statistik, Bank Negara Malaysia mengenai perkongsian data antara kedua belah pihak.	Jabatan Statistik, Bank Negara Malaysia	24 September 2014
13.	Perbincangan bersama Lend Lease Projects (M) Sdn. Bhd. berhubung data harta tanah.	<i>Lend Lease Projects (M) Sdn. Bhd.</i>	9 Oktober 2014
14.	Lawatan Kerja dan Program Latihan Directorate of Valuation, DGSAM, Ministry of Finance Indonesia berhubung fungsi, kaedah pengumpulan dan penyebaran data NAPIC.	<i>Directorate of Valuation, DGSAM, Ministry of Finance Indonesia</i>	14 Oktober 2014

Bil.	Mesyuarat/ Bengkel/ Perbincangan	Agenzi Terlibat	Tarikh
15.	<i>Focus Group Meeting: Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas - (Purpose-Built Office Rental Index) untuk Selangor, Johor Bahru dan George Town.</i>	Wakil dari Bank Negara Malaysia, pensyarah universiti dan wakil dari industri harta tanah Malaysia	17 November 2014
16.	Perbincangan bersama Prof. Chris Eves dari <i>Queensland University of Technology (QUT)</i> , Brisbane, Australia berhubung penambahbaikan kepada penerbitan NAPIC.	<i>Queensland University of Technology (QUT)</i>	10 Disember 2014
17.	Perbincangan bersama Sekisui Chemical, Jepun mengenai data inventori NAPIC.	Sekisui Chemical, Jepun	19 Disember 2014

#### ■ Pembentangan dan Penyertaan NAPIC Dengan Pihak Luar

Bagi tahun 2014, NAPIC telah memberi sumbangan dalam memberi input dan menyertai program anjuran pihak luar seperti berikut:

Jadual 12-4: Program Luar Yang Dihadiri Pegawai dan Staf NAPIC 2014

Bil.	Program	Agenzi Pengajur	Tarikh
1.	Bengkel bagi Makmal Kos Sara Hidup susulan arahan kabinet dihadiri oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah.	PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri	20 Januari 2014
2.	'7th Malaysian Property Summit 2014' dihadiri oleh Pn.Khuzaimah binti Abdullah, En. Mohamad Azlan bin Abdul Kadir, Pn. Surini binti Ab. Kalis @ Abdul, En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir dan Pn. Amy anak Pirah.	Persatuan Penilaian, Pengurus Harta & Perunding Harta Swasta Malaysia	25 Februari 2014
3.	<i>The 2nd Sabah International Surveyors Congress</i> . Pembentangan kertas kerja bertajuk 'The Malaysia Residential Property Market' oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah.	RISM Cawangan Sabah	11-12 Mac 2014
4.	Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan Ke-6 (NGIS) dihadiri oleh En. Khazani bin Ismail dan En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	17-18 Mac 2014
5.	<i>Focus Group Meeting on Equity</i> dihadiri oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah.	Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)	18 Mac 2014
6.	<i>BNM Governor's Address on The Malaysian Economy &amp; Panel Discussion</i> dihadiri oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pn. Surini binti Ab. Kalis @ Abdul, En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir dan Pn. Siti Rafidah binti Kasmori.	Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA)	20 Mac 2014
7.	<i>Greater KL &amp; Smart City Conference 2014</i> dihadiri oleh En. Khazani bin Ismail, Pn. Amy anak Pirah dan Pn. Nurzalina binti Luso.	Asian Strategy & Leadership Institut (ASLI)	20 Mac 2014
8.	Seminar Modul Perhotelan - <i>Property Information System</i> kepada Penggiat Industri Perhotelan (Pulau Pinang dan Langkawi) dihadiri oleh Pn. Ong Chwee Hoon.	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	14-15 April 2014

Bil.	Program	Agenzi Pengajur	Tarikh
9.	<i>International Real Estate Research Symposium 2014 (IRERS).</i> Pembentangan dua kertas kajian bertajuk: (i) 'The Insights of Purpose Built Office Rental Index (PBO-RI) WPKL' oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah (ii)'The Practical Review of International Standards on Plant and Machinery Valuation' oleh En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir.	INSPEN	28-29 April 2014
10.	16th <i>International Surveyors Congress (ISC)</i> dihadiri oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pn. Ong Chwee Hoon, En. Mohamad Azlan bin Abdul Kadir dan Pn. Siti Rafidah binti Kasmori.	RISM	19-20 Jun 2014
11.	Seminar Modul Perhotelan - <i>Property Information System</i> Kepada Penggiat Industri Perhotelan (Sarawak) dihadiri oleh Pn. Amy anak Pirah.	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	24-25 Jun 2014
12.	Taklimat mengenai <i>Hadoop, Big Data and Analytics</i> dihadiri oleh Pn. Rosni Nawati binti Ngah dan Pn. Amy anak Pirah.	SAS Malaysia	12 Ogos 2014
13.	<i>The 17th National Housing &amp; Property Summit 2014</i> dihadiri oleh Pn. Rosni Nawati binti Ngah dan Pn. Aina Edayu binti Ahmad.	Asian Strategy & Leadership Institut (ASLI)	25-26 Ogos 2014
14.	<i>Summit: Invest and Succeed in Mixed Used Development</i> dihadiri oleh Pn. Amy anak Pirah dan En. Zulhisyam bin Abdul.	Malaysia Property Incorporated	28 Ogos 2014
15.	Majlis Penerangan Perdana GST (Goods & Services Tax) dihadiri oleh Pn. Aina Edayu binti Ahmad dan Pn. Nurzalina binti Luso.	Pejabat Timbalan Menteri Kewangan	10 September 2014
16.	2015 - <i>Post Budget Dialogue</i> dihadiri oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pn. Ong Chwee Hoon, Pn. Rosni Nawati binti Ngah, Pn. Aina Edayu binti Ahmad, En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir, Pn. Siti Rafidah binti Kasmori dan Pn. Amy anak Pirah.	Persatuan Ekonomi Malaysia	13 Oktober 2014
17.	18th <i>ESRI Malaysia User Conference 2014</i> dihadiri oleh Pn. Ong Chwee Hoon dan En. Shahril Azam bin Amzah	ESRI Malaysia	14-15 Oktober 2014
18.	24th <i>National Real Estate Convention: Real Estate in 2014: Issues, Perceptions and Review</i> dihadiri oleh En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir dan Pn. Nurzalina binti Luso.	Persatuan Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta & Perunding Harta Swasta Malaysia (PEPS)	21 Oktober 2014

### ■ Projek Peningkatan PRISM

PRISM telah digunakan dalam pengumpulan data dan juga penerbitan laporan berkala NAPIC. Tahun 2014 menyaksikan perlaksanaan PRISM di semua peringkat iaitu pembekal maklumat dan pengguna maklumat. Bagi memantapkan perlaksanaan aplikasi PRISM, sejumlah 64 aktiviti telah dijalankan merangkumi aktiviti berikut:

Jadual 12-5: Aktiviti Pembangunan PRISM Bagi Tahun 2014

Bil.	Aktiviti	Frekuensi	Tempoh/ Jam
1.	Mesyuarat <i>Progress Status Report</i>	6	20
2.	Sesi Latihan Modul PRISM	5	22
3.	Sesi <i>User Session</i> untuk Pembangunan Modul PRISM	19	46
4.	Sesi <i>User Acceptance Test</i>	24	109
5.	Mesyuarat/ Taklimat berkaitan pembangunan modul PRISM	10	27
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>64</b>	<b>224</b>

Berikut adalah peristiwa penting dalam pembangunan Modul PRISM:

- Pembangunan PRISM telah siap sepenuhnya pada 31 Ogos 2011.
- Sistem PRISM adalah dalam tempoh waranti selama setahun bermula 1 September 2011 hingga 31 Ogos 2012.
- Projek PRISM *Hardware Support Maintenance and Software Renewal* diluluskan Kementerian Kewangan pada 13 Ogos 2012 untuk tempoh dua (2) tahun bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2014.
- Projek Peningkatan PRISM (PRISM Enhancement) telah bermula pada 22 Jun 2013 untuk tempoh selama dua (2) tahun. Peningkatan ini meliputi penambahbaikan Modul PRISM sedia ada, pengkomputeran Modul PBORI WPKL, *Rebase Indeks Harga Rumah Malaysia* dan Projek M.I.C.E.
- Modul PBORI WPKL telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada Jun 2014, manakala *Rebase Indeks Harga Rumah Malaysia* dan Projek M.I.C.E. dijangka siap pada tahun 2015.

### ■ Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2013 dan Laporan-Laporan Lain

Majlis ini telah berlangsung pada 22 April 2014 bertempat di Dewan Jubli, INSPEL. Ia telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Maslan, Timbalan Menteri Kewangan.

Kehadiran seramai 400 tetamu adalah terdiri daripada pihak yang terlibat dengan sektor harta tanah seperti bank-bank perdagangan, pemaju perumahan, penilai dan ejen harta tanah serta agensi kerajaan seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Statistik Malaysia dan lain-lain.

### ■ Pembentangan di *International Real Estate Research Symposium 2014* (IRERS 2014)

Sempena IRERS 2014 yang berlangsung pada 29 hingga 30 April 2014 di INSPEL, sebanyak dua (2) kertas pembentangan oleh pegawai NAPIC Ibu Pejabat telah dipilih oleh pihak Jabatan untuk dibentangkan di simposium tersebut. Kertas pertama telah dibentangkan oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pengarah NAPIC bertajuk *The Insights of Purpose Built Office Rental Index (PBO-RI) WPKL* di bawah tema *Industry Network*. Kertas kedua dibentangkan oleh En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir bertajuk *The Practical Review of International Standards on Plant and Machinery Valuation* di bawah tema *Valuation and Pricing*. Kertas-kertas yang di bentangkan telah mendapat maklum balas yang baik dari pendengar dan mencapai objektifnya sebagai perkongsian ilmu dan penyampaian maklumat kepada orang awam.

■ **Pembentangan Model Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas (PBO-RI) Negeri Selangor, Johor Bahru dan George Town**

Tiga (3) sesi pembentangan ini telah berlangsung untuk menerangkan model indeks sewaan bangunan pejabat binaan khas di Negeri Selangor, Johor Bahru dan George Town. Bagi Negeri Selangor, pembentangan dilaksanakan pada 5 Mac 2014 di Bilik Mesyuarat, JPPH Negeri Selangor. Di Johor Bahru, pembentangan dilaksanakan pada 21 Mac 2014 di Bilik Mesyuarat, JPPH Johor Bahru, manakala bagi George Town, sesi taklimat dilaksanakan pada 14 Mei 2014. Taklimat telah disampaikan oleh En. Khazani bin Ismail, Timbalan Pengarah NAPIC (Bahagian Indeks Harta Tanah). Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pengarah NAPIC dan Staf Bahagian Indeks Harta Tanah, NAPIC Ibu Pejabat turut sama menghadiri sesi taklimat ini. Bagi JPPH Negeri Selangor, Negeri Johor dan Negeri Pulau Pinang, ianya telah dihadiri oleh Pengarah Penilaian Negeri, Penilai Daerah, Pegawai Penilaian dan staf NAPIC Shah Alam.

Di dalam sesi berkenaan, model Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas (PBO-RI) bagi kawasan-kawasan terlibat dibentangkan untuk mendapatkan maklum balas hadirin. Ia merangkumi analisis bangunan PBO terlibat, analisis klasifikasi bangunan PBO, pembangunan model, analisis sewa dan cadangan laporan PBO-RI untuk Negeri Selangor. Interaksi dengan pihak JPPH cawangan adalah penting terutamanya bagi mendapatkan gambaran keadaan sebenar pasaran PBO terutamanya berkaitan analisa sewa di kawasan-kawasan terlibat.

■ **Lawatan dari Urbis, Australia ke NAPIC**

Satu lawatan oleh Mr. Jack Backen, Pengarah, *International Property Economics*, Urbis Australia telah berlangsung pada 19 September 2014. Lawatan ini adalah bagi mendapatkan pemahaman lanjut tentang kaedah pengumpulan data dan laporan stok dan status harta tanah yang dikeluarkan oleh NAPIC. Sesi perbincangan dan perkongsian maklumat tersebut menjurus kepada penggunaan data NAPIC oleh pihak Urbis Australia dalam membuat analisa *trend* pasaran dan lain-lain kajian pasaran harta tanah.

■ **Lawatan daripada Jabatan Statistik, Bank Negara Malaysia (BNM) ke NAPIC Ibu Pejabat**

Pada 24 September 2014, pegawai daripada Jabatan Statistik, Bank Negara Malaysia membuat kunjungan ke NAPIC. Kunjungan ini adalah berkaitan dengan permohonan data. Delegasi BNM diketuai oleh Pengarah Jabatan Statistik, En. Azizan bin Khamis bersama dua (2) orang pegawai.

Penerangan dan perbincangan mengenai kepentingan data NAPIC kepada pelbagai bahagian di BNM turut diselitkan dalam sesi lawatan ini. Di akhir sesi, pihak NAPIC telah menyerahkan data historikal sebagaimana yang dipohon oleh BNM.

■ **Lawatan Kerja dan Program Latihan Direktorat Jeneral Kekayaan Negara, Kementerian Kewangan Indonesia ke NAPIC**

Lawatan ini telah berlangsung pada 14 Oktober 2014. Taklimat daripada NAPIC disampaikan oleh Pn. Khuzaimah binti Abdullah, Pengarah NAPIC dan Pn. Rosni Nawati binti Ngah, Timbalan Pengarah Bahagian Inventori Harta Tanah. Sesi separuh hari ini bermula dengan penerangan mengenai objektif penubuhan, peranan dan bidang tugas NAPIC. Selain itu, kaedah pengumpulan data dan jenis data yang dikumpul juga dipersembahkan kepada delegasi lawatan.

Jenis penerbitan NAPIC dan bagaimana kaedah pengedaran maklumat NAPIC turut dikongsi bersama dengan para delegasi. Bagi memberikan gambaran bagaimana kaedah pengisian data menggunakan PRISM dilaksanakan, sesi bersama Pejabat JPPH Putrajaya dijalankan. Ini memberikan impak yang besar dalam memahami kaedah pengumpulan dan penstoran data NAPIC yang dilaksanakan di peringkat cawangan NAPIC.

■ **Kursus Pengukuhan Pasukan: NAPIC Ibu Pejabat**

Kursus ini telah dilaksanakan pada 31 Oktober hingga 2 November 2014 bertempat di Felda Residence Trolak, Sungai, Perak. Ia dihadiri oleh hampir kesemua staf NAPIC Ibu Pejabat. Objektif kursus ini adalah untuk mengukuhkan semangat kerja berpasukan, memupuk semangat bantu-membantu dan menjelaskan misi, peranan dan peranan setiap staf kepada kejayaan keseluruhan NAPIC. Banyak aktiviti berpasukan dijalankan seperti berakit, *Paint-Ball*, *Blind Warrior*, *Explorace* dan lain-lain yang berjaya mengukuhkan semangat bekerjasama sesama staf NAPIC.

■ ***Focus Group Meeting (FGM) bagi Penerbitan Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas (PBO-RI) Negeri Selangor, Johor Bahru dan George Town***

FGM ini telah diadakan pada 17 November 2014 di INSPEL. Objektif FGM adalah untuk memperkenalkan penerbitan baru iaitu Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas Negeri Selangor, Johor Bahru dan George Town serta untuk mendapatkan maklum balas dan komen daripada pakar industri harta tanah. Ia telah dihadiri oleh pakar di dalam industri harta tanah dan pihak akademik seramai 15 orang. Perbincangan ini diadakan secara berkumpulan bagi mengkaji Metodologi Kajian yang digunakan dan hasil kajian/*output*. Rumusan dari FGM, Jabatan masih belum bersedia untuk menerbitkan PBO-RI Selangor, Johor Bahru dan George Town; dan akan melaksanakan penerbitan ini semula pada tahun 2016.

■ ***Mesyuarat Ketua NAPIC Negeri (KNN) dan Ketua NAPIC Daerah (KND) Bilangan 2/ 2014***

Mesyuarat ini telah berlangsung pada 23-26 November 2014 bertempat di Hotel Avillion Legacy, Melaka. Ia telah dihadiri hampir kesemua KNN dan KND bagi membincangkan isu-isu berkaitan kerja-kerja NAPIC di peringkat Ibu Pejabat dan cawangan. Agenda mesyuarat ini adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti kelemahan dan permasalahan berkaitan PRISM-JPPH dalam penyampaian perkhidmatan informasi harta tanah;
- Membincangkan pencapaian prestasi pemasukan data di peringkat NAPIC cawangan oleh KNN dan KND;
- Memantau dan menyelaras aktiviti kewangan dan pentadbiran NAPIC Ibu Pejabat dan cawangan.

Resolusi yang dicapai hasil daripada mesyuarat ini adalah NAPIC cawangan perlu sentiasa peka dan mengemukakan semua permasalahan berkaitan PRISM kepada NAPIC Ibu Pejabat supaya aplikasi sistem lebih mantap bagi tujuan penambahbaikan dan bantuan. Selain itu, NAPIC cawangan perlu merencana kerja supaya prestasi untuk KNN, KND dan Pemungut Data untuk tahun 2015 dapat dipertingkatkan. Sesi bersama YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian (KPP) telah dijalankan pada 25 November 2014 bagi mendengar harapan dan KPP berkaitan kerja NAPIC. Sukaneka dan majlis makan malam juga diadakan sempena mesyuarat pada kali ini.

■ ***Lawatan Kerja Profesor Chris Eves daripada Queensland University of Technology (QUT), Brisbane, Australia ke NAPIC***

Satu (1) lawatan kerja oleh Profesor Chris Eves dari QUT, Australia telah berlangsung pada 3 Disember 2014. Lawatan beliau adalah bagi mendapatkan pemahaman berkenaan penerbitan NAPIC dan kaedah pengumpulan data yang diamalkan di Malaysia. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pn. Ong Chwee Hoon dan taklimat mengenai NAPIC telah disampaikan oleh En. Abdul Rahman bin Mohd Nasir.

■ ***Lawatan dari Sekusui Chemical, Jepun***

Lawatan kerja oleh Pn. Nariko Shiroma dan dua (2) penterjemah ke NAPIC Ibu Pejabat telah berlangsung pada 19 Disember 2014. Tujuan lawatan beliau adalah untuk mendapatkan maklumat inventori harta tanah berkaitan rumah sesebuah di Malaysia dan meninjau prospek bagi mengembangkan sayap perniagaan syarikatnya ke Malaysia. Konsep yang cuba diperkenalkan syarikat ini adalah ‘Integrated Building System’ untuk rumah sesebuah kelas tinggi.

### PRESTASI KEWANGAN NAPIC 2014

Pada tahun 2014, sejumlah RM9,190,000.00 telah diperuntukkan dan sejumlah RM9,090,343.29 telah dibelanjakan. Perbelanjaan keseluruhan bagi NAPIC telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2% iaitu 98.92% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu 97.72%. Jadual di bawah memperincikan mengenai Akaun Belanja Mengurus (ABM) bagi tahun 2014:

- Akaun Belanja Mengurus (ABM)

Jadual 12-6: Akaun Belanja Mengurus (ABM) Bagi Tahun 2014

OBJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
Jumlah Besar	9,198,000.00	9,190,000.00	8,983,909.25	9,090,343.29	97.72%	98.92%

- One - Off* (Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti)

Jadual 12-7: *One - Off* (Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti)

OBJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
29000	450,000.00	65,000.00	353,801.00	48,838.00	78.62%	75.14%

- One - Off* (Harta Modal)

Jadual 12-8: *One - Off* (Harta Modal)

OBJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
35000	100,000.00	120,000.00	99,970.00	119,642.00	99.97%	99.70%

- Kutipan Hasil

Berbanding tahun 2013, kutipan hasil daripada jualan penerbitan NAPIC meningkat sebanyak 19.7%, iaitu sebanyak RM133,500.00 pada tahun 2014 berbanding RM111,500.00 pada tahun 2013 seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 12-9: Kutipan Hasil Jualan Penerbitan Tahun 2014

SUMBER HASIL	KOD AKAUN	KUTIPAN (RM)	
		2013	2014
Jualan Penerbitan	73199	111,500.00	133,500.00

Selain itu tahun 2014 juga menyaksikan kutipan hasil penjualan data sebanyak RM408,118.60.



# **Bab 13**

## **Bahagian Teknologi Maklumat**

**FUNGSI UTAMA**

- Merancang dan mengesyorkan dasar, piawaian dan pelan strategik teknologi maklumat Jabatan.
- Menguruskan pelaksanaan, pemantauan dan penyelenggaraan dasar, metodologi, piawaian serta pelan strategik teknologi maklumat Jabatan.
- Merancang serta menguruskan pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan sistem maklumat Jabatan.
- Merancang serta menguruskan perolehan, penyelenggaraan dan pelupusan bagi peralatan, perisian dan infrastruktur teknologi maklumat Jabatan.
- Merancang dan menyediakan serta mengurus anggaran belanjawan bagi keperluan sistem teknologi maklumat Jabatan.
- Merancang dan memantau pemberian khidmat sokongan teknikal kepada pengguna sistem teknologi maklumat Jabatan.
- Merancang serta memastikan penyediaan dan pengemaskinian dokumentasi sistem.
- Merancang serta memastikan keselamatan sistem teknologi maklumat dan data Jabatan.
- Mengkaji dan mengesyorkan keperluan latihan teknologi maklumat bagi Jabatan.
- Pembangunan sistem:
  - Membangunkan sistem aplikasi komputer untuk kegunaan Ibu Pejabat dan semua pejabat JPPH di seluruh negara.
- Operasi dan penyenggaraan sistem:
  - Memberi khidmat sokongan teknikal perkakasan (Help-desk).
  - Memberi khidmat sokongan teknikal perisian.
  - Mengawasi operasi sistem aplikasi.
- Pengurusan rangkaian:
  - Mentadbir pangkalan data.
  - Mengurus sistem rangkaian komputer.
  - Menyelaras penghantaran data dan penyebaran maklumat antara Ibu Pejabat, NAPIC, INSPEK dan pejabat JPPH.
  - Memberi input dalam kursus teknologi maklumat.

## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Bahagian Teknologi Maklumat di Ibu Pejabat JPPH dipertanggungjawabkan untuk merancang dan menguruskan pengaplikasian serta penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information Technology and Communication (ICT)) di JPPH demi peningkatan penyampaian perkhidmatan JPPH khasnya bagi dua (2) aktiviti utama Jabatan. Aktiviti tersebut adalah aktiviti Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan aktiviti Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Center (NAPIC)).

Pelbagai inisiatif dan usaha telah diambil oleh JPPH secara berterusan sepanjang tahun 2014 bagi memenuhi aspirasi peningkatan penyampaian perkhidmatan teras untuk memuaskan hati dan ekspektasi pelanggan serta *stakeholders* JPPH. Sehubungan itu, banyak pelaksanaan yang berdasarkan ICT telah diguna sebagai *enabler* dan pemangkin utama dalam mencapai objektif serta aspirasi ini.

JPPH telah merangka pelbagai program yang *leverage on ICT* untuk memberi *empowerment* kepada seluruh warga JPPH dalam penyampaian perkhidmatan teras Jabatan dengan cemerlang. Untuk mempastikan aktiviti ICT adalah terancang dan tersusun, satu ICT *blueprint* JPPH telah didokumenkan sebagai Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) JPPH 2010 - 2015 (ICT Strategic Plan) yang mengandungi pelbagai program ICT bersepada bagi pelaksanaan pada 2010 hingga 2015. Projek ICT dalam PSTM JPPH 2010 - 2015 ini adalah menjurus (*aligned*) kepada visi JPPH untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan penilaian harta tanah dan maklumat harta tanah menjelang tahun 2015.

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JPPH telah melaksanakan pelbagai aktiviti serta inovasi ICT berdasarkan PSTM JPPH.

### TADBIR URUS PENGURUSAN ICT

Untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan *outcome* dan *output* pelaksanaan Program ICT Jabatan, tadbir urus (*governance*) pengurusan ICT menerusi beberapa Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pihak Pengurusan Tertinggi telah bermesyuarat secara berkala pada 2014 bagi melulus serta memantau kemajuan Projek ICT JPPH.

- **Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPH**

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPH dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian untuk mempertimbang dan meluluskan cadangan perolehan baru atau peningkatan perkakasan dan perisian sistem; pembangunan, peningkatan dan penyenggaraan aplikasi. JPICT JPPH telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2014 iaitu pada 13 Februari 2014, 16 Jun 2014 dan 30 Oktober 2014, manakala kelulusan secara edaran telah dibuat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 28 Januari 2014, 1 Oktober 2014 dan 19 November 2014. Pada tahun 2014, sebanyak 23 kertas cadangan perolehan ICT telah diluluskan oleh JPICT JPPH seperti berikut:

**A. Kertas Cadangan oleh Ibu Pejabat JPPH**

- Perolehan Perisian Anti-virus Kaspersky Bagi PC, Notebook dan Server.
- Sewaan Peralatan ICT (PC dan Notebook) Secara Berfasa (2014 -2017).
- Penggantian Server Sistem Pengurusan Aset (SPA).
- Perolehan Perisian Adobe ColdFusion bagi Server Pengurusan Aset.
- Perolehan Perkakasan bagi Perluasan Sistem Pengurusan Aset.
- Perolehan Internet Access Management (IAM) Tool.
- Penyenggaraan Perkakasan, Perisian dan Aplikasi *Property Information System Malaysia* (PRISM).
- Pembaharuan Perisian IBM SPSS untuk Kegunaan NAPIC Ibu Pejabat.
- Penyenggaraan Pangkalan Data ORACLE bagi Server Baru VIS.
- Perolehan Peralatan ICT untuk Kegunaan Ibu Pejabat.
- Perolehan *Uninterrupted Power Supply* (UPS) bagi Server VIS.

- Perkhidmatan Penyenggaraan *Server* dan Peralatan ICT
- Perolehan Perisian *Adobe Creative Suite 6* untuk Kegunaan Penerbitan

**B. Kertas Cadangan oleh INSPEKSI**

- Penyenggaraan Sistem Maklumat Kehadiran (Kakitangan, Peserta Kursus dan Pelajar).
- Sewaan PC dan Pencetak untuk Kegunaan di Makmal Komputer.
- Penyelenggaraan Perisian Sistem ILMU.
- Pelaksanaan *Electronic Library Management System - Radio Frequency Identification (RFID)*.
- Pembaharuan Perisian ZIMBRA bagi Sistem E-Mel.
- Penyenggaraan PC, Notebook Dan Pencetak.
- Pembaharuan dan Pembelian Tambahan Perisian Anti-virus *eScan*.
- Penyenggaraan Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi.
- Perolehan Pencetak *Smart Card*.
- Perolehan Aplikasi Mudah Alih (Mobile).

**C. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) JPPH**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) JPPH telah diadakan sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2014 dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Pengurusan. Selain dari memantau pengurusan projek ICT sebelum ianya dibentangkan untuk kelulusan JPICT JPPH selanjutnya.

**PROJEK PENINGKATAN/ PENAMBAHBAIKAN SISTEM SEDIA ADA**

**D. Peningkatan *Valuation Information System* (VIS)**

Sementara menunggu pelaksanaan VIS Baru kelak, usaha berterusan diambil untuk meningkatkan keupayaan VIS sedia ada (setakat mana yang boleh dengankekangan/ konstrain teknologi lama sedia ada) mengikut keperluan semasa yang diminta oleh pengguna dan pengurusan. Pada tahun 2014, sebanyak dua (2) pakej peningkatan VIS seperti berikut telah dilaksanakan di 38 pejabat Penilai Daerah dan Pengarah Penilaian Negeri Perlis. Pakej peningkatan tersebut telah dilaksanakan secara *nation-wide* selepas sesi *User Acceptance Test* bersama *Business Owner* dan wakil pengguna, pelaksanaan pilot serta *post mortem pilot* berjaya diadakan di pejabat JPPH tertentu.

Jawatankuasa VIS telah bersetuju dengan beberapa peningkatan VIS menerusi Pakej Peningkatan VIS Bil. 1/2014 yang telah dilaksanakan di seluruh pejabat JPPH pada 3 Julai 2014. Berikut adalah beberapa peningkatan utama dalam Pakej Peningkatan VIS Bil. 1/2014.

- a. Penambahbaikan pada modul menghapuskan Rekod Fail Kes dan menghapuskan Rekod Lot Berkaitan.
  - Semua kes yang dihapuskan dalam VIS akan *dilog*.
  - Mewujudkan kod sebab kes dihapuskan untuk pilihan pengguna.
  - Mewujudkan laporan baru senarai kes yang telah dihapuskan.
- b. Penambahbaikan pada Modul Penyenggaraan Data Kod
  - Hanya kod bagi Nama Penilai/ Syarikat sahaja yang boleh disenggarakan oleh Pentadbir VIS (DBA) di pejabat JPPH.
  - Semua jenis kod lain akan disenggarakan oleh Ibu Pejabat JPPH untuk memastikan penyelarasian.

- c. Penambahbaikan medan Nombor RSS.
  - Medan No.RSS dipanjangkan kepada 15 aksara.
  - Label ‘No.RSS’ dipindah kepada ‘No.RSS/ Pelan’ dan ‘Peta/ No.Syit’ kepada ‘No.RSS/ Pelan + (Grid)’ pada skrin dan laporan.
- d. Penambahbaikan Sijil Nilaian Am, Duti Harta Pusaka, Tukar Syarat dan Cukai Keuntungan Harta Tanah.
- e. Kemudahan baru capaian COVATA (Computerized Valuation Tables) pada Skrin Utama VIS.

Dengan persetujuan Jawatankuasa VIS, Pakej Peningkatan VIS Bil. 2/2014 juga telah dilaksanakan di seluruh pejabat JPPH pada 12 Disember 2014 dengan beberapa peningkatan utama berikut:

- a. Penambahbaikan pada Modul Harta Alih Kenderaan.
  - Capaian modul Harta Alih Kenderaan juga dibenarkan bagi ID peranan *CLERK\_ROLE*.
  - Penambahan faktor pelarasan nilai pada Skrin Nilaian.
  - *Hyperlink* kepada empat (4) *used car websites* untuk carian kes perbandingan.
- b. Penambahbaikan Skrin Penilaian Insuran Api.
  - Kawalan sistem supaya Jumlah Nilai Yang Patut Diinsurankan mestilah melebihi RM0.00.
- c. Kelulusan terus bagi kes Duti Setem yang mana Jenis Bayaran adalah BUKAN NILAIAN JPPH (7), PENGECUALIAN DS/ WAIVER (8), NILAIAN PEJABAT TANAH (A) dan LELONG (B) memandangkan JPPH tidak membuat nilai bagi kes tersebut.
- d. Penambahbaikan bagi kes Duti Setem.
- e. Nominal *Value* ditambah pada senarai kod Jenis Bayaran.
  - Pengisian Medan Balasan adalah mandatori, sistem akan *default* medan pada RM10 dan ia boleh dipinda oleh pengguna.
  - Kes Nominal *Value* tidak akan dijual melalui Modul Jualan Maklumat Transaksi.
- f. Penambahbaikan medan Bil. Bilik Tidur pada Skrin T3.
  - Medan Bil. Bilik Tidur akan *didefault* kepada ‘0’ jika Kegunaan Bangunan Sebenar adalah kod 106 (Plot Teres), 107 (Plot Kembar), 108 (Plot Sesebuah) dan Tanah Kosong (165) dan ia boleh dipinda oleh pengguna.

- **Peningkatan Sistem Pengurusan Dokumen Duti Setem (SPDDS)**

SPDDS yang bertujuan untuk menggantikan fail fizikal sedia ada dengan penyimpanan/ penyenggaraan fail secara maya (virtual) dalam bentuk *softcopy* bagi semua kes Duti Setem telah diperintiskan di JPPH Shah Alam pada Ogos 2011. Semua pejabat Penilai Daerah dan Pengarah Penilaian Negeri Perlis telah melaksanakan SPDDS pada awal 2012.

Jawatankuasa VIS telah meluluskan Pakej Peningkatan SPDDS Bil.1/2014 dilaksanakan kepada semua pejabat pada 28 April 2014. Pakej ini melibatkan peningkatan utama berikut:

- a. Kemudahan Baru Bagi Pendaftaran Kes Bantahan Duti Setem

Sebelum ini, kes bantahan Duti Setem tidak boleh didaftarkan dalam sistem SPDDS kerana mempunyai nombor adjudikasi yang sama dengan kes Duti Setem asal (kawalan sistem tidak membenarkan duplikasi nombor adjudikasi yang merupakan *key identifier* SPDDS). Dengan peningkatan sistem ini, satu nombor suffix yang unik (iaitu nombor siri yang berturutan) telah ditambahkan kepada nombor adjudikasi kes bantahan.

- b. Modul Baru Bagi Penyenggaraan Pegawai Kendali VIS

Modul ini membolehkan penyimpanan dan pengemaskinian maklumat Pegawai Kendali VIS dalam SPDDS. Dengan ini, SPDDS dapat memantau serta menyelaraskan status kesiapan kes dalam VIS dan SPDDS oleh Pegawai Kendali VIS.

Peningkatan seterusnya telah dilaksanakan di seluruh pejabat JPPH pada 11 Disember 2014 menerusi Pakej Peningkatan SPDDS Bil. 2/2014 pula. Peningkatan utama dalam Pakej Peningkatan SPDDS Bil. 2/2014 adalah seperti berikut:

- a. Penambahbaikan Tatacara Pembatalan Kes Bantahan

Bagi kes bantahan yang telah dihapuskan, ia masih akan dipaparkan tetapi diberi status ‘Telah Batal’ pada Skrin Carian dan Skrin Butiran Kes.

- b. Penambahbaikan Pengurusan ID Pengguna SPDDS

ID bagi pengguna yang berhenti menggunakan SPDDS tidak perlu dihapuskan, hanya perlu dijadikan sebagai ‘Tidak Aktif’. Pentadbir Sistem hanya perlu aktifkan semula ID dan reset katalaluan sekiranya pengguna tersebut diberi kebenaran penggunaan semula SPDDS.

- **Peningkatan *Geographic Information System (GIS)* Bagi Pelukis Pelan**

Sistem GIS Pelukis Pelan telah mula dilaksanakan di semua pejabat JPPH pada 2009. Selepas pelaksanaan perintis ini selama hampir enam (6) tahun yang telah berjaya menghasilkan *output* dan *outcome* yang sangat memberangsangkan, JPPH telah meneruskan dengan pembangunan projek Peningkatan GIS pada awal 2014. Peningkatan GIS ini telah dilaksanakan secara *pilot* di JPPH Bandar Baru Bangi pada 8 Oktober 2014 dan di JPPH Gombak pada 16 Oktober 2014. Pelaksanaan GIS sepenuhnya di 41 pejabat JPPH (38 pejabat Penilai Daerah, Pengarah Penilaian Negeri Perlis, Ibu Pejabat dan INSPEN) telah siap pada 5 Disember 2014.

Skop peningkatan GIS dengan kos sebanyak RM3.57 juta merangkumi komponen berikut:

- Penggantian perkakasan
  - a. 30 unit *server* GIS baru dan 11 unit *server* gunaan semula (dengan peningkatan kapasiti)
  - b. 112 unit PC baru untuk semua Pelukis Pelan
- Peningkatan perisian *MapInfo* daripada versi 9.5 kepada versi terkini 12.0
- Peningkatan aplikasi
- Migrasi data sedia ada

Berikut adalah antara peningkatan utama aplikasi GIS yang telah dilaksanakan berdasarkan keperluan pengguna serta *Business Owner GIS*.

- Kemudahan baru

- a. Fungsi *auto assign*
    - Sistem GIS akan *automatically assign* kes VIS yang telah siap ke dalam GIS jika terdapat *match* antara kes VIS dan GIS. (Sebelum ini, Pelukis Pelan perlu buat manual assign bagi setiap kes GIS).
    - Walau bagaimanapun, Pelukis Pelan masih perlu lakukan *manual assign* bagi kes GIS yang tidak *match* dengan kes VIS.

- b. Pewujudan dua (2) layer baru JPPH
    - Layer Skim Perumahan untuk pelukisan/ pengemaskinian sempadan pentadbiran skim perumahan.
    - Layer Pengambilan Tanah untuk pelukisan sempadan/ pengemaskinian projek Pengambilan Tanah.

- c. Fungsi baru untuk mempercepatkan pendaftaran kes GIS
    - Salin *Info Lot* dan Salin *Info Kes*.

- Penambahbaikan
  - a. *Digitise* (pelukisan/pengemaskinian) pada layer JPPH sedia ada
    - Layer Town Kampung, Layer Jalan dan Layer Sungai.
  - b. Pengekstraktan data VIS ke dalam GIS
    - Tambahan tujuh (7) medan data kes VIS yang telah siap (termasuk nama pegawai kendali VIS, zoning, status lot dan lain-lain) dimasukkan ke dalam pangkalan data GIS untuk memudahkan rujukan.
  - c. Penjanaan Pelan Tapak dan Pelan Lokasi
    - Paparan lebih daripada satu (1) *subject* lot pada Pelan
  - d. Tambahan kriteria baru dalam Modul Carian mengikut
    - Tarikh nilai, maksud nilai dan kategori harta tanah
  - e. Tambahan maklumat pada Laporan Statistik Beban Kerja
    - Bilangan lot yang dilukis pada Layer *Charting* dan bilangan pelan yang dijana

Untuk memastikan semua Pelukis Pelan JPPH di seluruh negara mahir dalam penggunaan peningkatan GIS ini dan perisian MapInfo versi 12.0, latihan secara *hands-on* (selama 2 hari) telah diadakan di INSPEN menerusi empat (4) siri kursus pada bulan Oktober dan November 2014.

- **Peningkatan Aplikasi *Property Information System Malaysia* (PRISM)**

PRISM adalah aplikasi utama bagi kegunaan NAPIC yang merupakan data *warehouse* yang menyimpan dan menyenggarakan maklumat yang komprehensif mengenai industri harta tanah. Pelancaran PRISM dirasmikan pada 1 April 2012. Pada Disember 2012, maklumat industri hotel telah ditambahbaik dalam PRISM. PRISM sedia ada mengandungi lapan (8) modul berikut:

- a. *Enterprise Portal System* (EPS)
- b. *Property Information Management System* (PIMS)
- c. *Property Data Warehousing System* (PDWS)
- d. *Executive Information and Reporting System* (EIRS)
- e. *Business Intelligence and Analytical System* (BIAS)
- f. *Document Management and Publication System* (DMPS)
- g. *Geographical Information System* (GIS)
- h. *eCommerce Management System* (ECMS)

Projek Peningkatan PRISM telah dioutsource pada 22 Jun 2013 dengan kos sebanyak RM7.3 juta dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 22 Jun 2015. Skop peningkatan aplikasi PRISM ini merangkumi komponen utama dengan kemajuan terkini pada akhir Disember 2014 seperti berikut:

- a. Peningkatan enam (6) modul sedia ada
 

*Provisional User Acceptance Test* dan *Final User Acceptance Test* bersama NAPIC telah siap pada Ogos 2014.
- b. *Rebase* untuk *Malaysia House Price Index* (MHPI)
 

*Provisional User Acceptance Test* dan *Final User Acceptance Test* bersama NAPIC telah siap pada Ogos 2014.
- c. *Purpose Built Rental Index* (PBO-RI)
 

*Provisional User Acceptance Test* dan *Final User Acceptance Test* bersama NAPIC telah siap pada Ogos 2014.

d. Modul baru *Matching, Imputing, Cleansing and Editing* (MICE)

*User Requirement Study* telah dimuktamadkan pada Jun 2014 dan pembangunan sedang diusahakan.

Perkakasan sedia ada bagi PRISM telah berusia hampir sembilan (9) tahun pada 2014 (yang dibeli pada 2005) dan hampir kesemuanya telah berstatus *End of Life* yang mana tiada lagi pengeluaran baru (termasuk alat ganti baru) serta tiada lagi perkhidmatan sokongan/ penyenggaraan oleh pihak pengeluar. Projek Penggantian Perkakasan serta Perisian Sistem PRISM (termasuk pembangunan semula Portal PRISM dan migrasi data serta aplikasi PRISM sedia ada) juga telah dioutsource pada bulan Februari 2014 dengan kos sebanyak RM5.6 juta. Penggantian peralatan yang telah *obsolete* dengan peralatan yang berkapasiti lebih tinggi dan berteknologi terkini adalah untuk memastikan PRISM dapat berjalan lancar dan dapat menampung penambahan beban kerja, tambahan produk baru dan peningkatan kompleksiti keperluan produk NAPIC. Sistem PRISM telah mula beroperasi menggunakan sepenuhnya perkakasan dan perisian baru mulai 24 November 2014.

Untuk memantau pengurusan dan mempastikan kedua-dua kontrak PRISM tersebut berjalan lancar, Jawatankuasa Pemandu PRISM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali dalam tahun 2014 iaitu pada 30 Mei 2014 dan 29 Ogos 2014.

- **Peningkatan Sistem Pemantauan Kes Rujukan Mahkamah (SPKRM)**

Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan sistem secara berterusan untuk memenuhi keperluan pengguna dan pihak pengurusan, Jawatankuasa SPKRM telah bersetuju dengan beberapa peningkatan SPKRM menerusi Pakej Peningkatan SPKRM Bil. 1/2014 yang telah dilaksanakan pada 15 Ogos 2014 di seluruh pejabat Pengarah Penilaian Negeri (kecuali di Sabah dan Sarawak). Antara peningkatan utama dalam Pakej Peningkatan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Penambahbaikan fungsi carian pada Skrin Senarai Kes
- b. Penambahbaikan bagi medan Nilaian JPPH pada Tab Penyelesaian
- c. Penambahan medan Jenis Lot pada Tab Maklumat Lot
- d. Penambahbaikan Borang T13/A dengan paparan maklumat bagi Jenis Lot dan Jenis Hakmilik
- e. Penambahbaikan Laporan Status Kes Rujukan Mahkamah JPPH

- **Peningkatan Laman Sesawang JPPH dan Portal Intranet myJPPH**

Kandungan pada Laman Sesawang JPPH untuk capaian orang awam dan Portal Intranet myJPPH khusus untuk capaian warga JPPH sentiasa dikemas kini dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa sepanjang 2014.

Timbalan Pengarah Penilaian (Teknikal) mempengerusikan Jawatankuasa Induk Laman Web yang bertanggungjawab menetapkan dasar/ arah tuju Laman Sesawang Jabatan supaya selari dengan dasar yang telah ditetapkan oleh pihak MAMPU.

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Sesawang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penilaian adalah bertanggungjawab mengurus dan memastikan kandungan Laman Sesawang Jabatan adalah tepat dan terkini mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Pada tahun 2014, mesyuarat telah diadakan sekali pada 11 Februari 2014.

Manakala, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat yang mempengerusikan Jawatankuasa Teknikal Laman Web akan memastikan pelaksanaan teknikal adalah *timely* dan berkesan serta memenuhi keperluan pihak pengurusan. Pada 2014, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 5 Februari 2014 dan 30 Oktober 2014.

## PROJEK ICT BARU

- **Sistem myLatihan JPPH**

Pembangunan Sistem myLatihan adalah berdasarkan sistem *myKursus* (kepunyaan INSPEN) untuk kegunaan khas di INSPEN. Pengubahsuaian dan peningkatan sistem telah dilakukan supaya sistem *myLatihan* dapat dilaksanakan di semua pejabat JPPH. Sistem *myLatihan* bertujuan untuk merekod, mengurus dan memantau latihan semua pegawai di JPPH selaras dengan Polisi Latihan Jabatan iaitu kehadiran latihan sekurang-kurangnya dua (2) kali dan tujuh (7) hari setahun oleh setiap warga JPPH. Pelaksanaan sistem *myLatihan* telah dilaksanakan secara *pilot* di Ibu Pejabat JPPH dan JPPH Putrajaya pada 12 Februari 2014. Manakala, pelaksanaan secara *nation-wide* telah bermula pada 12 Mac 2014. Pelaksanaan *myLatihan* telah diperluaskan kepada INSPEN bermula 16 Jun 2014.

Ekoran dari maklum balas pengguna, Pakej Peningkatan *myLatihan* Bil. 1/2014 telah dilaksanakan pada 11 Julai 2014 dengan beberapa peningkatan utama berikut:

- a. Penambahbaikan bagi semua *Role ID* (Pegawai, Ketua Pejabat, Pentadbir Pejabat dan Pentadbir Ibu Pejabat).

Kemudahan *drop-down* kalender untuk medan Tarikh Mula dan Tarikh Tamat pada Skrin Daftar Kehadiran Latihan.

- Paparan petunjuk pemprosesan pada Skrin Daftar Kehadiran Latihan
- Mewujudkan fungsi Penghapusan Rekod Latihan
- Kemudahan baru cetakan pada semua skrin paparan

- b. Penambahbaikan bagi *Role ID* Ketua Pejabat, Pentadbir Pejabat dan Pentadbir Ibu Pejabat sahaja (kecuali *Role Pegawai*).

Penambahbaikan paparan pada Skrin Status KPI Pejabat, Skrin Senarai Jawatan dan paparan Carta Pie pada Skrin Laporan Statistik.

Susulan permintaan baru oleh *Business Owner*, penambahbaikan sistem telah dilakukan menerusi Pakej Peningkatan Bil. 2/2014. Sesi *User Acceptance Test* Pakej tersebut bersama *Business Owner* telah berjaya dijalankan pada 4 November 2014. Berikut adalah peningkatan utama dalam Pakej Peningkatan *myLatihan* Bil. 2/2014 yang telah dilaksanakan *nation-wide* pada 5 Disember 2014.

- Pewujudan *Level Capaian* baru PPN khas bagi kegunaan Pengarah Penilaian Negeri. Sebelum ini, PPN hanya diberi *Level Capaian* Ketua Pejabat di mana PPN hanya dapat akses *online* kehadiran latihan kakitangan dalam pejabatnya sahaja (tidak boleh akses *online* maklumat bagi semua pejabat JPPH dibawah seliaannya). Melalui *Level Capaian* baru PPN, Pengarah Penilaian Negeri boleh akses *online* maklumat kehadiran latihan semua kakitangan di semua pejabat JPPH di bawah seliaannya bagi tujuan pemantauan.
- Penjanaan laporan baru iaitu Laporan Status KPI Mengikut Pejabat JPPH yang membolehkan Pentadbir Ibu Pejabat memantau pencapaian KPI kehadiran latihan secara keseluruhan.
- Notis Tunjuk Sebab Ketidakcapaian KPI Latihan boleh dijana daripada sistem oleh Ketua Pejabat kepada kakitangannya yang tidak mencapai polisi latihan Jabatan bagi tahun semasa dan satu tahun sebelumnya.

- **MyUSSD JPPH**

Gerbang *myUSSD* merupakan perkhidmatan yang ditawarkan di bawah projek *myGov Mobile* yang diuruskan oleh pihak MAMPU. *myUSSD* menggunakan teknologi untuk membolehkan carian maklumat menerusi teks secara *menu driven* pada telefon bimbit. Perkhidmatan *myUSSD* boleh diakses melalui kod ringkas USSD \*158#.

Pembangunan *myUSSD JPPH* ini dibiayai oleh MAMPU yang telah dilaksanakan pada 15 September 2014 bagi perkhidmatan semakan status kes penilaian berikut:

- a. Kes Penilaian Pinjaman Perumahan
- b. Kes Penilaian Duti Setem

Berikut adalah langkah penggunaan *myUSSD JPPH*:



Dengan perkhidmatan *myUSSD JPPH* ini, JPPH telah menambah saluran interaksi *mobile* bagi penyampaian maklumat secara mudah dan pantas kepada pelanggannya. Terdapat kelebihan pada *myUSSD* jika dibandingkan dengan kaedah *mobile mySMS* yang sedia ada di JPPH. Antaranya adalah penjimatan kos yang dikenakan kepada pelanggan dan tahap *user friendliness* kerana hanya perlu memilih menu yang telah disediakan (tanpa perlu mengingati format SMS tertentu).

- Kontrak Penyenggaraan Peralatan ICT**

Mulai 27 Januari 2014, JPPH telah menambah item pada kontrak penyenggaraan server dan peralatan ICT JPPH yang sedia ada. Dengan penambahan item ini, semua peralatan ICT yang dibeli pada tahun 2010 (yang mana tempoh warantinya telah tamat) dan masih digunakan di semua pejabat JPPH akan turut disenggara. Kontrak penyenggaraan tersebut akan tamat pada 30 April 2015 melibatkan peralatan ICT di jadual 13 - 1.

Jadual 13 - 1: Kontrak Penyenggaraan Peralatan ICT.

Bil.	Jenis Peralatan	Unit
1	PC	1,177
2	Notebook	79
3	Black & White Printer (Local)	168
4	Black & White Printer (Network)	108
5	Color Printer (Network)	35
6	Scanner	15
7	Network Switch	80
8	UPS for Server	25
9	Server GIS	3
10	Workstation GIS	3
11	UPS for Workstation	3

Menerusi kontrak tersebut penyenggaraan pencegahan ke atas peralatan ICT telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali bagi tahun 2014 iaitu pada bulan Mac, Julai dan Disember 2014 untuk memastikan peralatan ICT sentiasa dapat beroperasi dengan baik dalam menyokong penyampaian perkhidmatan teras JPPH.

- Penyewaan Peralatan ICT**

Selama ini, peralatan ICT diperoleh menerusi kaedah pembelian. Mulai 2014, JPPH telah melaksanakan strategi baru menerusi kaedah penyewaan bagi menggantikan peralatan lama (khususnya PC dan Notebook) di semua Pejabat JPPH. Pada keseluruhannya, penyewaan tersebut dengan kos RM7.63 juta melibatkan sewaan sebanyak 1,787 unit PC dan 168 unit Notebook bagi tempoh tiga (3) tahun (2014 - 2017). Sewaan akan dilaksana mengikut fasa berikut:

- Fasa 1 yang telah siap pada 3 Disember 2014 melibatkan sewaan sebanyak 610 unit PC dan 86 unit Notebook (untuk menggantikan peralatan sedia ada yang diperoleh sebelum tahun 2010).
- Fasa 2 yang akan bermula pada September 2015 pula akan melibatkan sewaan tambahan 1,177 unit PC dan 82 unit Notebook (untuk menggantikan peralatan sedia ada yang diperoleh pada tahun 2010).

PC dan Notebook yang disewa ini siap dipasang dengan perisian Windows 8 dan Microsoft Office 365 ProPlus. Syarikat juga bertanggungjawab melakukan preventive maintenance sebanyak dua (2) kali setahun dan corrective maintenance (pembaikan) terhadap kerosakan yang dilaporkan.

Terdapat banyak kelebihan daripada pelaksanaan kaedah sewaan peralatan ICT yang mana antaranya adalah seperti berikut:

- Tidak perlu mendaftar peralatan dalam Sistem Pengurusan Aset kerana ia bukan aset hak milik Kerajaan.
- Pelupusan peralatan tidak perlu dilaksanakan terhadap peralatan sewaan.

- c. Pertukaran peralatan baru setiap tiga (3) tahun.
- d. Tidak perlu ada kontrak penyenggaraan berasingan.
- e. Pengurusan kewangan yang lebih berkesan (tiada upfront capital cost payment dan perbelanjaan dibuat secara bulanan menggunakan Belanja Mengurus).
- f. Penyeragaman penggunaan jenis dan versi peralatan serta perisian di seluruh pejabat JPPH.

- **Perolehan dan Pemasangan Perisian Anti-virus Kaspersky**

Bagi melindungi dan menjamin keselamatan data dan sistem Jabatan daripada diceroboh serta ancaman/ *Malware*, sebanyak 2,472 lesen perisian anti-virus Kaspersky *Endpoint Security* telah dibeli dan dipasang pada setiap PC, *notebook* dan *server* di semua pejabat JPPH. Pemasangan perisian anti-virus ke seluruh pejabat JPPH telah selesai sepenuhnya pada Ogos 2014.

- **Perolehan dan Pemasangan Dual WAN Router**

Peralatan *router* yang digunakan di seluruh pejabat JPPH telah usang dan kurang sesuai. Sebanyak 38 unit *dual WAN router* termasuk langganan perkhidmatan *web filtering* selama dua (2) tahun telah diperolehi untuk menggantikan *router* lama sedia ada. Penghantaran dan pemasangan 38 unit *router* baru tersebut telah pun diselesaikan pada 4 November 2014 di semua pejabat Penilai Daerah (kecuali JPPH Putrajaya yang menggunakan Putrajaya Campus Network) dan pejabat Pengarah Penilaian Negeri Perlis.

- **Pengagihan Semula Perisian SPSS**

Pada tahun 2008, sebanyak 15 unit lesen SPSS 16.0 (versi standalone) telah dibeli untuk kegunaan NAPIC di beberapa pejabat Penilai Daerah tertentu. Walau bagaimanapun, pada Disember 2014 pihak NAPIC Ibu Pejabat telah minta supaya lesen tersebut diagihkan semula kepada semua Ketua NAPIC Negeri untuk melakukan kerja berikut:

- a. Membuat padanan di antara data manual dan data PRISM bagi tujuan pembersihan data.
- b. Memudahkan penyediaan Jadual Harga bagi Laporan Pasaran Harta.
- c. Menjalankan analisis data yang diperlukan dari semasa ke semasa.



# **Bab 14**

## **Bahagian Khidmat Pengurusan**

**FUNGSI UTAMA****A) SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN****■ PENTADBIRAN**

- Menyelaraskan dengan pejabat JPPH mengenai perkara pentadbiran.
- Membantu menguruskan penyewaan ruang pejabat bagi Ibu Pejabat dan pejabat JPPH.
- Mengurus dan menyelaraskan dokumen dan rekod Jabatan untuk pelupusan.
- Menguruskan aset Jabatan termasuk pelupusan atau hapus kira.
- Menguruskan permohonan telefon bimbit dan kenderaan Jabatan.
- Bertanggungjawab berhubung dengan aspek dan peraturan keselamatan Jabatan.
- Bertanggungjawab berhubung Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan, Jawatankuasa Keselamatan dan Jawatankuasa Pengurusan Ibu Pejabat.

**■ KEWANGAN**

- Bertanggungjawab ke atas penyediaan anggaran belanjawan tahunan Jabatan.
- Mengesyorkan belanja mengurus bagi pejabat JPPH diagihkan dengan sewajarnya.
- Membantu menilai dan mengawal perbelanjaan oleh pejabat JPPH dan mengesyorkan tindakan sewajarnya.
- Mengurus pembelian pelbagai pembekalan bagi Jabatan.
- Menguruskan hal berkaitan dengan permohonan pinjaman perumahan dan kenderaan oleh pegawai dan staf.
- Bertanggungjawab menguruskan pemindahan peruntukan dan mendapatkan kelulusan Perbendaharaan.
- Bertanggungjawab berhubung Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.

**■ PEMBANGUNAN**

- Bertanggungjawab terhadap urusan perancangan, pengurusan dan pemantauan bajet pembangunan.
- Bertanggungjawab dalam urusan perancangan, pengurusan dan pemantauan perlaksanaan projek pembangunan fizikal.
- Bertanggungjawab berhubung Jawatankuasa Pembangunan.

**B) SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA****■ PERKHIDMATAN**

- Bertanggungjawab memastikan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai dan staf sentiasa dikemaskini selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa dan ia disimpan dengan selamat
- Memproses permohonan seperti yang berikut:
  - i. Pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan, pemberian taraf berpencen, penetapan gaji permulaan dan pergerakan gaji tahunan;
  - ii. Urusan berkaitan Persaraan Wajib, Persaraan Pilihan dan Pencen Terbitan Pegawai;
  - iii. Urusan pelepasan/ peletakan jawatan;

- iv. Urusan penanggungan kerja dan kelulusan lawatan luar Negara;
  - v. Pelbagai jenis cuti seperti Cuti Separuh Gaji, Cuti Tanpa Gaji, Cuti Sakit Lanjutan, Cuti Barah, Cuti Haji, Cuti Tanpa Rekod, Cuti Bersalin, Cuti Menjaga Anak dan Cuti Kursus Sambilan;
  - vi. Pelbagai jenis elaun dan kemudahan seperti Sara Ubat, Tambang Mengunjungi Wilayah Asal, Elaun Perumahan Wilayah, BITK/BITPS, Elaun Pakaian Panas, Subsidi Yuran TASKA, Alat Telekomunikasi, Elaun Tanggung Jawab Khas Pemandu dan Lain-lain; dan
  - vii. Urusan perisytiharan harta, permohonan pemilikan tanah Kerajaan, permohonan pegawai awam mengambil bahagian dalam politik.
  - Menguruskan prosedur dan tindakan tatatertib terhadap pegawai yang melanggar peraturan dan tatakelakuan yang telah ditetapkan.
  - Memproses permohonan menjawat jawatan lain daripada kakitangan pejabat JPPH
  - Menyelaras dan memantau urusan AKRAB JPPH
- **PERANCANGAN SUMBER MANUSIA**
- Mengurus, memantau dan melaksanakan tindakan yang berkaitan dengan Waran Perjawatan JPPH.
- Mengurus, menyelaras dan melaksanakan tindakan yang berkaitan dengan pengambilan/ pelantikan/ pengisian/ kekosongan jawatan bagi Teknikal dan Gunasama:
    - a. Jawatan Skim Penilaian;
    - b. Jawatan Skim Gunasama;
    - c. Jawatan Kader;
    - d. Perkhidmatan Secara Kontrak;
    - e. Pegawai Pinjaman/Pertukaran Sementara;
    - f. Pekerja Sambilan Harian; dan
    - g. Jawatan Kumpulan.
  - Mengurus semua jenis pertukaran termasuk pertukaran dalaman, pertukaran keluar dan pertukaran perkhidmatan untuk pegawai teknikal dan gunasama.
  - Mengurus dan mengambil tindakan yang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat pegawai Teknikal dan Gunasama.
  - Bertanggungjawab menyelaras mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (Kumpulan Sokongan Skim Penilaian).
  - Merancang dan menganalisis keperluan sumber manusia seperti:
    - Kajian penyusunan semula dan pengukuhan jawatan.
    - Pelan Penggantian (Succession Planning).
  - Mengurus, memantau dan melaksanakan tindakan sebagai Pentadbir HRMIS Jabatan dalam urusan:
    - a. Penyelenggaraan sistem dan modul/sub-modul HRMIS;
    - b. Penyelenggaraan data perjawatan;
    - c. Penyelenggaraan data perkhidmatan dan cuti; dan
    - d. Penyelenggaraan sandangan pegawai.
  - Urus setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

### ■ PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

- Menganalisa, memantau dan menyelaras latihan kakitangan JPPH.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan program latihan dalaman bagi pegawai Gunasama.
- Mengurus serta memantau penggunaan Sistem *MyLatihan*.
- Mengurus dan memproses permohonan pegawai mengikuti Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Kursus JICA, Kursus COTI, Program *Attachment*, Pinjaman boleh Ubah (PBU), Cuti Belajar Tanpa Gaji, Cuti Belajar Separuh Gaji dan program latihan khas/ *Road Map*.
- Merancang, melaksana dan menyelaras Peperiksaan Jabatan.
- Merancang dan menguruskan pencalonan pegawai bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan negeri.
- Menguruskan Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

### ■ SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

#### ■ PENTADBIRAN

- **Perolehan Kenderaan Jabatan**

Pada tahun 2014, tiada sebarang perolehan kenderaan Jabatan dibuat.

- **Mesyuarat Jabatan**

#### **Mesyuarat Pengurusan Ibu Pejabat**

Mesyuarat ini telah diadakan sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2014 iaitu Bilangan 1 Tahun 2014 pada 24 Mac 2014 dan Bilangan 2 Tahun 2014 pada 21 Julai 2014. Melalui mesyuarat ini, banyak isu pentadbiran dan pengurusan jabatan dapat diselesaikan dengan mengambil kira pendapat semua ahli mesyuarat.

#### **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak empat (4) kali mesyuarat JKPAK telah diadakan bagi membincangkan dan melaporkan kedudukan aset alih Jabatan mengikut suku tahun. Melalui mesyuarat ini, segala maklumat berkenaan pengurusan aset alih Jabatan dapat dikongsi untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan aset alih bagi setiap pejabat JPPH.

#### **Mesyuarat Keselamatan Jabatan**

Mesyuarat Keselamatan Jabatan Bilangan 1 Tahun 2014 telah diadakan di Bilik Persidangan Aras 2, INSPEK pada 4 Jun 2014, manakala Bilangan 2 Tahun 2014 telah diadakan di Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu, Sabah pada 18 Disember 2014. Mesyuarat ini melibatkan semua Pengarah Penilai Negeri dan Penilai Daerah bagi semua pejabat JPPH. Mesyuarat ini membincangkan isu berkaitan keselamatan pejabat serta tindakan yang perlu dan boleh dibuat bagi memastikan tahap keselamatan pejabat berada di tahap yang optimum.

## ■ KEWANGAN

### • Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Jawatankuasa ini membantu Jabatan mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan agar berjalan lancar dan menepati peraturan kewangan yang ditetapkan. Jawatankuasa ini juga ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat, INSPEKSI, NAPIC dan Pejabat Pengarah Penilaian Negeri serta Pejabat Penilai Daerah. Mesyuarat bagi jawatankuasa ini perlulah dijalankan setiap empat (4) kali setahun iaitu sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali selepas tamat tempoh sesuatu suku tahun (P.P Bil.10 2008).

Di peringkat Jabatan, antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun ialah:

- Laporan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan
- Laporan Penyelesaian Bil Dalam Tempoh 14 hari
- Pembayaran di Bawah AP 58(a)
- Kedudukan Kumpulan Wang Amanah
- Kedudukan Baki Pendahuluan Diri/ Pelbagai
- Kedudukan Pungutan dan Tunggakan Hasil
- Pengurusan Perolehan (Tender/ Sebut Harga/ Kontrak Pusat Sistem Panel)
- Pengurusan Aset dan Stor
- Tindakan Susulan terhadap Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara
- Latihan Untuk Pegawai dan Staf yang Mengurus Hal Kewangan dan Akaun

Pemantauan pengurusan peruntukan dan perbelanjaan juga dibuat melalui laporan bulanan semasa Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri.


### • Peruntukan JPPH 2014

Pada tahun 2014, sejumlah RM138,531,700.00 telah diperuntukkan bagi ketiga-tiga program yang mana 76.03% adalah di bawah aktiviti Penilaian dan Perkhidmatan Harta, 17.33% di bawah aktiviti Latihan dan Penyelidikan, manakala 6.63% adalah di bawah aktiviti Informasi Harta Tanah. Pecahan peruntukan tersebut seperti di carta yang berikut:

Jadual 14 - 1: Peruntukan Dasar Sedia Ada JPPH 2014

AKTIVITI	JUMLAH (RM)
Penilaian dan Perkhidmatan Harta	105,331,600.00
Latihan dan Penyelidikan	24,010,100.00
Informasi Harta Tanah	9,190,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>138,531,700.00</b>

Carta 14 - 1: Peruntukan JPPH 2014



Sekiranya dibandingkan dengan tahun sebelumnya, jumlah peruntukan bagi ketiga-tiga program telah meningkat sebanyak 9.78% iaitu daripada RM126,192,000.00 pada tahun 2013 ke RM138,531,700.00 pada tahun 2014.

- Prestasi Pengurusan Kewangan JPPH 2010 - 2014**

Pada keseluruhannya, purata bagi prestasi perbelanjaan peruntukan bagi Dasar Sedia Ada JPPH bagi tahun 2010 - 2014 adalah melebihi 95.00%. Prestasi yang terbaik adalah pada tahun 2010 yang mana perbelanjaan peruntukan telah mencapai 99.08%.

Jadual 14 - 2: Belanja Mengurus (Dasar Sedia Ada) - Peruntukan dan Perbelanjaan JPPH 2010 -2014

Program/ Aktiviti	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Penilaian & Perkhidmatan Harta	80,894,900.00	85,944,099.00	89,808,200.00	94,230,000.00	105,331,600.00
Latihan & Penyelidikan	13,671,800.00	14,693,500.00	19,562,100.00	22,764,000.00	24,010,100.00
Maklumat Harta Tanah	7,791,900.00	8,880,200.00	8,685,400.00	9,198,000.00	9,190,000.00
Jumlah Peruntukan	102,358,600.00	109,517,799.00	118,055,700.00	126,192,000.00	138,531,700.00
Jumlah Perbelanjaan	101,416,051.52	108,242,522.67	114,938,075.89	123,315,594.37	132,533,151.97
% Perbelanjaan	99.08%	98.84%	97.36%	97.72%	95.67%
% Perubahan Peruntukan Dari Tahun ke Tahun	0.49%	6.99%	7.80%	6.89%	9.78%

Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut Dasar Sedia-Ada, One-Off, Dasar Baru dan Pembangunan adalah seperti Jadual 14 - 3.

Jadual 14 - 3: Kewangan - Pecahan Peruntukan &amp; Perbelanjaan Mengikut Program Bagi Tahun 2010 - 2014

Peruntukan	Program/ Aktiviti	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Sedia Ada	Penilaian & Perkhidmatan Harta	80,894,900.00	85,944,099.00	89,808,200.00	94,230,000.00	105,331,600.00
	Latihan & Penyelidikan	13,671,800.00	14,693,500.00	19,562,100.00	22,764,000.00	24,010,100.00
	Maklumat Harta Tanah	7,791,900.00	8,880,200.00	8,685,400.00	9,198,000.00	9,190,000.00
	Jumlah Peruntukan	102,358,600.00	109,517,799.00	118,055,700.00	126,192,000.00	138,531,700.00
	Jumlah Perbelanjaan	101,416,051.52	108,242,522.67	114,938,075.89	123,315,594.37	132,533,151.97
	% Perbelanjaan	99.08%	98.84%	97.36%	97.72%	95.67%
One Off	Penilaian & Perkhidmatan Harta	703,350.00	2,216,200.00	4,035,435.00	14,034,427.00	8,452,392.00
	Latihan & Penyelidikan	1,043,935.00	1,388,366.00	2,253,398.00	3,673,800.00	3,625,442.00
	Maklumat Harta Tanah	236,000.00	130,000.00	577,000.00	550,000.00	860,000.00
	Jumlah Peruntukan	1,983,285.00	3,734,566.00	6,865,833.00	18,258,227.00	12,937,834.00
	Jumlah Perbelanjaan	1,731,735.81	3,654,844.72	6,729,339.50	9,032,094.74	12,610,456.73
	% Perbelanjaan	87.32%	97.87%	98.01%	49.47%	97.47%
Dasar Baru	Penilaian & Perkhidmatan Harta	2,500,000.00	2,010,000.00	10,068,438.00	9,320,036.00	6,700,000.00
	Latihan & Penyelidikan	-	1,057,000.00	-	3,000,000.00	-
	Maklumat Harta Tanah	-	-	2,126.00	430,000.00	-
	Jumlah Peruntukan	2,500,000.00	3,067,000.00	10,070,564.00	12,750,036.00	6,700,000.00
	Jumlah Perbelanjaan	2,315,626.40	2,679,329.49	10,018,376.97	11,494,473.04	6,618,234.64
	% Perbelanjaan	92.63%	87.36%	99.48%	90.15%	98.78%
Pembangunan	Penilaian & Perkhidmatan Harta	8,187,000.00	750,000.00	-	2,675,000.00	2,862,866.0
	Latihan & Penyelidikan	7,268,562.00	6,640,220.00	2,070,000.00	1,800,000.00	1,903,000.00
	Maklumat Harta Tanah	3,222,500.00	2,200,000.00	1,106,703.00	3,600,000.00	2,054,864.00
	Jumlah Peruntukan	18,678,062.00	9,590,220.00	3,176,703.00	8,075,000.00	6,820,730.00
	Jumlah Perbelanjaan	18,578,329.96	9,239,604.84	1,764,150.00	5,719,667.98	6,787,360.38
	% Perbelanjaan	99.47%	96.34%	55.53%	70.83%	99.51%

- Prestasi Bayaran Bil**

Pada tahun 2014, prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari di seluruh pejabat JPPH mencapai 99.70%. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 24,560 bil telah dibuat bayaran dalam tempoh 14 hari. Maklumat lanjut adalah seperti ditunjukkan di dalam jadual berikut:

Jadual 14 - 4: Maklumat Bayaran Bil Di Pejabat JPPH Pada Tahun 2010 - 2014

Tahun	Bilangan PTJ	Jumlah Bil Diterima Untuk Bayaran	Bilangan Bil Yang Dibayar Dalam Tempoh 14 Hari	Bilangan Bil Dibayar Melebihi Tempoh 14 Hari	Prestasi Pembayaran Bil Dalam Tempoh 14 Hari
2010	55	17,062	17,041	21	99.88%
2011	55	17,824	17,818	6	99.97%
2012	55	22,579	22,546	33	99.85%
2013	55	21,824	21,774	50	99.77%
2014	41	24,633	24,560	73	99.70%

- Maklumat Hasil JPPH**

Sebahagian besar hasil Jabatan adalah terdiri daripada fi ikhtisas bagi kerja penilaian yang dijalankan untuk Badan-badan Berkanun serta Pihak Berkua Tempatan dan juga dari penjualan butiran harta tanah kepada Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia.

Pada tahun 2014, hasil Jabatan berjumlah RM5,885,434.82, yang mana telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM1,130,437.06 iaitu 23.77% berbanding dari tahun sebelumnya seperti Jadual 14-5.

Jadual 14 - 5: Hasil JPPH Pada Tahun 2010 - 2014

Sumber	HASIL (RM)				
	2010	2011	2012	2013	2014
Penjualan Butiran Harta Tanah (SPBH)	875,099.60	981,666.84	1,041,232.18	*TB	*TB
Laporan Pasaran Harta & Laporan Lain	101,340.00	63,280.90	140,900.00	111,500.00	1,965.00
Borang Kemasukan Ke Kursus Persijilan INSPEK	*TB	67,065.00	1,530.00	1,080.00	1,380.00
Fi Ikhtisas	2,130,967.08	3,431,176.55	3,328,980.89	3,651,131.26	4,264,649.34
Sewa Kemudahan INSPEK	73,363.75	120,586.70	454,657.50	477,377.68	352,198.64
Urusan Peperiksaan	25,840.70	11,435.00	8,657.37	9,498.00	7,000.00
Penjualan Dokumen Tender	12,010.00	1,140.00	1,250.00	3,180.00	2,640.00
Akaun Amanah	455,391.57	1,584,784.81	819,022.00	825,446.91	1,255,601.84
Jumlah	3,674,012.70	6,261,135.80	5,796,229.94	5,079,213.85	5,885,434.82

\*TB - Tidak Berkaitan

- Penyumbang Hasil**

Penyumbang yang terbesar bagi hasil Jabatan ialah Fi Ikhtisas (72.46%), diikuti dengan Akaun Amanah (21.33%) dan Sewa Kemudahan INSPEK (5.98%).

- Hasil Yang Dikutip**

Hasil yang dapat dikutip oleh Jabatan pada tahun 2014 ialah sebanyak RM8,995,805.83. Angka ini menggambarkan peratus (%) prestasi pengutipan hasil menurun sebanyak 1.2% berbanding tahun sebelumnya. Ini menunjukkan jumlah tunggakan hasil pada tahun 2014 telah meningkat sebanyak RM213,309.03 iaitu 17.39% berbanding tahun 2013.

Jadual 14 - 6: Hasil Yang Dikutip Bagi Tahun 2010 - 2014

Tahun	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Jumlah Hasil Yang Perlu DiKutip	6,758,478.27	8,799,275.00	8,656,667.14	9,742,992.10	10,435,362.71
Jumlah hasil Yang Dikutip	5,255,025.34	7,202,411.74	7,460,370.40	8,516,744.25	8,995,805.83
% Kutipan Pada Tahun Semasa	77.75%	81.85%	86.18%	87.41%	86.21%
Jumlah Tunggakan	1,503,452.93	1,596,863.26	1,196,296.74	1,226,247.85	1,439,556.88

- Tunggakan Hasil**

Jumlah tunggakan hasil pada tahun 2014 adalah sebanyak RM1,439,556.88.

- Pelaksanaan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB)**

Sistem eSPKB telah dilaksanakan dan digunakan sepenuhnya oleh semua PTJ di Jabatan yang mana sistem telah membantu mempercepatkan pemprosesan kerja.

- Pelaksanaan ePerolehan**

Perlaksanaan ePerolehan ini telah dapat dilaksanakan oleh kesemua PTJ. Jumlah nilai transaksi telah meningkat sebanyak RM2,559,109.88 iaitu 8.62% berbanding pada tahun 2013.

Jadual 14 - 7: Maklumat Pelaksanaan ePerolehan di JPPH Pada 2010 - 2014

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Jumlah PTJ Di JPPH	55	55	55	55	41
Bilangan PTJ Yang Menggunakan ePerolehan	55	55	55	55	41
Peratus Penggunaan ePerolehan	100%	100%	100%	100%	100%
Bilangan Transaksi Menggunakan ePerolehan	3,457	4,066	4,256	4,271	4,222
Jumlah Nilai Transaksi Menggunakan ePerolehan	RM21,643,386.73	RM15,832,352.94	RM16,664,422.79	RM29,689,387.10	RM32,248,496.98

## SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### PERKHIDMATAN

#### ■ Persaraan Pegawai

Pada tahun 2014, sebanyak 23 pegawai dan staf telah bersara wajib, 49 orang bersara pilihan, tujuh (7) pencen terbitan seperti Jadual 14 - 8 yang berikut:

Jadual 14 - 8: Persaraan Pegawai

	Bilangan Pegawai/ Staf Bersara Wajib	Bilangan Pegawai/ Staf Bersara Pilihan	Bilangan Pencen Terbitan
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	1	5	2
Kumpulan Pelaksana	22	44	5
<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>49</b>	<b>7</b>

Pegawai yang bersara pada tahun 2014 seperti di dalam Jadual 14-9 dan 14-10 yang berikut:

#### ■ Persaraan Wajib

Jadual 14-9: Persaraan Wajib 2014

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan/ Gred	Pejabat JPPH	Tarikh Bersara
1.	Pn. Bibi Khaton binti Akbar Khan	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	JPPH Sungai Petani	3.1.2014 (56 Tahun)
2.	Pn. Kamariah binti Jusoh	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Kota Bharu	9.1.2014 (58 Tahun)
3.	Pn. Shapiyah binti Ahmad	Pembantu Penilaian Gred W22	JPPH Alor Setar	4.2.2014 (56 Tahun)
4.	Pn. Rosnah binti Elias	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22(KUP)	JPPH Shah Alam	12.2.2014 (55 Tahun)
5.	Pn. Hamidah binti Abdul Hamid	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 (KUP)	JPPH Alor Setar	12.2.2014 (56 Tahun)
6.	Pn. Toh Siew Kee	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 (KUP)	JPPH Kuala Lumpur	22.2.2014 (56 Tahun)
7.	En. Ahmad bin Md. Dros	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 (KUP)	JPPH Seremban	28.3.2014 (60 Tahun)
8.	En. Hamli bin Chuang	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22	JPPH Klang	21.4.2014 (56 Tahun)
9.	En. Abd Aziz bin Ismail	Pegawai Penilaian Gred W52	JPPH Kuala Terengganu	21.4.2014 (60 Tahun)
10.	Pn. Hasimah binti Hj. Abdul Rahman	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	JPPH Raub	5.5.2014 (56 Tahun)
11.	En. Zulkupli bin Tamin	Pemandu Kenderaan Gred H11	JPPH Kuantan	11.5.2014 (60 Tahun)
12.	En. Ag. Abdullah bin Pg. Ahmad	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Kota Kinabalu	14.5.2014 (55 Tahun)

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan/ Gred	Pejabat JPPH	Tarikh Bersara
13.	Pn. Noryati binti Mohd Ayob	Pembantu Awam Gred H11	INSPEN	30.5.2014 (58 Tahun)
14.	En. Redhuan Chew bin Abdullah	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 (KUP)	JPPH Melaka	8.6.2014 (60 Tahun)
15.	Pn. Jalilah binti Othman	Pelukis Pelan Gred JA22 (KUP)	JPPH Shah Alam	12.6.2014 (55 Tahun)
16.	Pn. Hafdzoh binti Ahmad	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	JPPH Alor Setar	6.7.2014 (56 Tahun)
17.	Pn. Saadiah binti Mohamad	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Ipoh	20.7.2014 (60 Tahun)
18.	Pn. Norsiah binti Yahaya	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	JPPH Batu Pahat	22.8.2014 (60 Tahun)
19.	Pn. Fatimoh binti Che Seman	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	JPPH Kuala Lumpur	26.9.2014 (60 Tahun)
20.	Pn. Norhainie binti Ahmat	Pembantu Tadbir (Kew) Gred W22 (KUP)	JPPH Kota Kinabalu	22.10.2014 (55 Tahun)
21.	Pn. Badariah binti Abdullah	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Shah Alam	1.11.2014 (58 Tahun)
22.	En. Tan Kok Chang	Penolong Pegawai Penilaian W32	JPPH George Town	10.11.2014 (60 Tahun)
23.	En. Abd Rahman bin Ahmad	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 (TBK)	JPPH Batu Pahat	17.12.2014 (60 Tahun)

■ Persaraan Pilihan

Jadual 14 - 10: Persaraan Pilihan 2014

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan/ Gred	Pejabat JPPH	Tarikh Bersara
1.	Pn. Zaharah binti Abu Bakar	Setiausaha Pejabat Gred N32	JPPH Negeri Perak	1.1.2014 (57 Tahun)
2.	En. Rosli bin Lebai Shaari	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26	JPPH Johor Bahru	1.1.2014 (58 Tahun)
3.	Pn. Wan Zarida binti Wan Omar	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 (KUP)	JPPH Alor Setar	1.1.2014 (53 Tahun)
4.	Pn. Noorlida binti Shaari	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 (TBK)	JPPH Alor Setar	1.1.2014 (54 Tahun)
5.	En. Daud bin Wahab	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	JPPH Alor Setar	1.1.2014 (55 Tahun)
6.	Pn. Muzyiah binti Ismail	Penolong Pegawai Penilaian Gred W36	JPPH Seremban	2.1.2014 (54 Tahun)
7.	En. Hasamuddin bin Mohamad	Pembantu Penilaian Gred W22	JPPH Labuan	2.1.2014 (54 Tahun)

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan/ Gred	Pejabat JPPH	Tarikh Bersara
8.	Pn. Shamsiah binti Ajmain	Pegawai Penilaian Gred W52	INSPEN	2.1.2014 (53 Tahun)
9.	En. Noor Azimi bin Mohamed	Pembantu Penilaian Gred W26	JPPH Muar	8.1.2014 (53 Tahun)
10.	Pn. Renjit Kaur a/p Karam Singh	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Ipoh	10.1.2014 (59 Tahun)
11.	En. Mohd Yusoff bin Osman	Pembantu Penilaian Gred W26	JPPH Kota Kinabalu	15.1.2014 (58 Tahun)
12.	En. Amir Rusli bin Abdul Aziz	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Bandar Baru Bangi	1.2.2014 (58 Tahun)
13.	Pn. Zamrudah binti Mohd Idris	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	JPPH Klang	1.2.2014 (50 Tahun)
14.	Pn. Hashimah binti Salleh	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	JPPH Sungai Petani	1.2.2014 (52 Tahun)
15.	Pn. Maznah binti Othman	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	JPPH Bandar Baru Bangi	1.2.2014 (57 Tahun)
16.	Pn. Mazian binti Abu Hassan	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 (KUP)	JPPH Taiping	3.2.2014 (54 Tahun)
17.	Pn. Zanaidah binti Ag. Omar	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	INSPEN	3.2.2014 (48 Tahun)
18.	En. Azman bin Jamaludin	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	JPPH Kuantan	8.2.2014 (58 Tahun)
19.	Pn. Marhamah binti Abdullah	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 (KUP)	JPPH Seremban	28.2.2014 (57 Tahun)
20.	Pn. Aziyah binti Ariffin	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	JPPH Alor Setar	1.3.2014 (53 Tahun)
21.	Pn. Noor Lida binti Bahar	Pegawai Penilaian Gred W52	JPPH Ipoh	1.3.2014 (54 Tahun)
22.	Pn. Norma binti Kassim	Pegawai Penilaian Gred W54	JPPH Pahang	1.4.2014 (54 Tahun)
23.	Pn. Asmah binti Mohd Nasir	Pegawai Penilaian Gred W48	JPPH Wilayah Persekutuan	1.4.2014 (53 Tahun)
24.	Y.M. Raja Azhal bin Raja Shah	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	INSPEN	14.4.2014 (59 Tahun)
25.	En. Khamis bin Pardi	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	JPPH Seberang Perai	17.4.2014 (54 Tahun)
26.	En. Mat Isa bin Ismail	Pembantu Penilaian Gred W22 (KUP)	JPPH Kuala Krai	30.4.2014 (53 Tahun)
27.	En. Mohamad bin Abdul	Pembantu Operasi Gred N11	JPPH Melaka	1.5.2014 (60 Tahun)

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan/ Gred	Pejabat JPPH	Tarikh Bersara
28.	En. Arizmi bin Abu	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	JPPH Raub	1.5.2014 (54 Tahun)
29.	Pn. Rohani binti Idris	Pegawai Penilaian Gred W52	Ibu Pejabat JPPH	1.5.2014 (53 Tahun)
30.	Cik Chooi Poh Peng	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	JPPH Tawau	5.5.2014 (54 Tahun)
31.	Pn. Hanisah binti Ab Ghani	Pembantu Tadbir (Kew) Gred W22 (KUP)	JPPH Pahang	1.6.2014 (56 Tahun)
32.	Pn. Laili binti Isa	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	JPPH Klang	2.6.2014 (48 Tahun)
33.	Pn. Zainura binti Abd Rahman	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	NAPIC Ibu Pejabat	1.7.2014 (52 Tahun)
34.	En. Azizan bin Yahaya	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	JPPH Seberang Perai	2.7.2014 (52 Tahun)
35.	Pn. Che Jam binti Ali	Pembantu Penilaian Gred W22	JPPH Klang	2.7.2014 (52 Tahun)
36.	Pn. Latifah binti Mat Nasib	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	Ibu Pejabat JPPH	2.7.2014 (56 Tahun)
37.	En. Adnan bin Mohd Radzi	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Raub	1.8.2014 (54 Tahun)
38.	Pn. Mariammah binti Ismail	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	JPPH Kuantan	1.8.2014 (57 Tahun)
39.	En. Zahri bin Mustapa	Pembantu Penilaian Gred W22	JPPH Kuantan	1.8.2014 (57 Tahun)
40.	Pn. Paridah binti Wanik	Penolong Pegawai Penilaian Gred W36	JPPH Shah Alam	1.8.2014 (53 Tahun)
41.	En. Jamaludin bin Jaafar	Pembantu Operasi Gred N11	JPPH Gombak	4.8.2014 (57 Tahun)
42.	Pn. Rosnah binti Saidi	Penolong Pegawai Tadbir Gred N36	JPPH Johor Bahru	1.9.2014 (59 Tahun)
43.	En. Che Aziz bin Che Haron	Pembantu Operasi Gred N11	JPPH Kuala Krai	1.9.2014 (54 Tahun)
44.	Pn. Nor Asiah binti Misro	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32	Ibu Pejabat JPPH	3.9.2014 (51 Tahun)
45.	En. Badrol Hisham bin Mohd Wazir	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22	INSPEN	8.10.2014 (56 Tahun)
46.	En. Azam bin Mohamad	Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 (KUP)	JPPH Kuala Terengganu	1.11.2014 (52 Tahun)
47.	En. Yusri bin Hamzah	Pegawai Penilaian Gred W41	INSPEN	10.11.2014 (45 Tahun)
48.	Pn. Sarina binti Abdul Rahman	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	JPPH Jempol	21.12.2014 (50 Tahun)
49.	En. Jekek Jumi	Pembantu Operasi Gred N11	JPPH Labuan	31.12.2014 (50 Tahun)

■ **Pencen Terbitan**

Jadual 14 - 11: Pencen Terbitan 2014

Bil.	Nama Pegawai/ Jawatan/ Gred	Jenis Persaraan	Pejabat JPPH	Tarikh Meninggal Dunia
1.	"Gemulah En. Abdul Aziz bin Ab Rashid Pembantu Penilaian Gred W22"	<i>Cardiac Event</i>	JPPH Temerloh	10.1.2014 (55 Tahun)
2.	"Gemulah Pn. Azlina binti Nasruddin Pembantu Penilaian Gred W22"	Barah Payudara	JPPH Kuala Lumpur	19.1.2014 (40 Tahun)
3.	"Gemulah En. Mohamad Sazali bin Mohd Yaacob Pegawai Penilaian Gred W41"	Kemalangan	JPPH Shah Alam	12.7.2014 (49 Tahun)
4.	"Gemulah En. Mohd Yusof bin Mardi Pustakawan Gred S41"	"Septicaemic Shock Secondary Tro Meciodosis"	INSPEN	18.9.2014 (50 Tahun)
5.	"Gemulah En. Mohamed Noor Hafiza bin Mohamed Noordin Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22"	Leukemia	Ibu Pejabat JPPH (Teknikal)	13.10.2014 (39 Tahun)
6.	"Gemulah En. Mohd Zahir bin Mohd Salleh Penolong Pegawai Penilaian Gred W32"	<i>Stroke</i>	JPPH Kuching	20.10.2014 (52 Tahun)
7.	"Gemulah En. Gobi a/l Chellappan Pillai Pembantu Operasi Gred N11"	<i>Urosepsis</i>	JPPH Johor Bahru	01.11.2014 (53 Tahun)

■ **Pengurusan Tatatertib**

Pada tahun 2014, terdapat tiga (3) kes baru bagi tindakan tatatertib pegawai dan staf. Sehingga Disember 2014, ketiga-tiga kes tersebut sedang dalam proses hukuman.

■ **PERANCANGAN SUMBER MANUSIA**

Aset yang paling berharga bagi sesebuah organisasi adalah warganya yang mana setiap seorang mempunyai peranan masing-masing dan saling melengkapi antara satu sama lain ke arah organisasi berwibawa. Tenaga kerja yang produktif, berpengetahuan, berkebolehan dan berdaya saing adalah penting bagi memastikan Jabatan terus kekal relevan dalam memberikan perkhidmatan penilaian yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional. Dengan itu, Jabatan sentiasa berusaha membangunkan modal insan yang berilmu, berkeyakinan, berwibawa, berintegriti, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif dan cekal bagi penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkesan. Pihak pengurusan Jabatan yakin bahawa perancangan dan pembangunan modal insan yang sistematis dan teratur akan memantapkan lagi guna tenaga yang terlatih selari dengan hala tuju Jabatan pada masa hadapan. Oleh itu, pihak pengurusan mengambil berat dan memainkan peranan penting dalam pengurusan, perancangan dan pembangunan sumber manusia di Jabatan.

■ **Perjawatan**

Jumlah perjawatan yang diluluskan di Jabatan sehingga 31 Disember 2014 ialah sebanyak 2,159 jawatan yang mana sebanyak 2,080 jawatan telah diisi dengan peratusan sebanyak 96.34%. Bagi tahun 2014, terdapat pertambahan waran seperti berikut:

Jadual 14 - 12: Pertambahan Waran 2014

Perjawatan	Bilangan Jawatan Yang Diluluskan	Catatan
Waran Baru telah dikeluarkan iaitu Waran Zero Based A 186 Tahun 2014 diluluskan pada 1 Januari 2014	2,159	Diluluskan pada 1 Januari 2014
Waran Fleksi Pelukis Pelan/ Pembantu Penilaian Waran A 230 Tahun 2014 berkuatkuasa pada 15 Februari 2014	115 (J26/W26, J22/W22, J17/W17) (TBK 13 Tahun)	Berkuatkuasa pada 15 Februari 2014
Perjawatan Fleksi bagi Pegawai Gred 41/44 mulai 1 April 2014	16	1 April 2014

Status tenaga kerja bagi keseluruhan Jabatan mengikut kategori pegawai adalah seperti Jadual 14 - 13 berikut:

Jadual 14 - 13: Jumlah Perjawatan di JPPH Sehingga 31 Disember 2014

Perjawatan	Bilangan Jawatan Yang Diluluskan	Bilangan Jawatan Yang Diisi	Peratus Pengisian
Pengurusan Tertinggi (JUSA)	7	7	100%
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 54)	295	287	97.29%
Kumpulan Pelaksana (Gred 17 - 40)	1,646	1,583	96.17%
Kumpulan Pelaksana (Gred 1 - 16)	211	203	96.21%
<b>Jumlah</b>	<b>2,159</b>	<b>2,080</b>	<b>96.34%</b>

#### ■ Kekosongan Sehingga 31 Disember 2014

Perincian kekosongan yang berlaku serta bilangan jawatan yang terlibat adalah seperti jadual 14 - 14 berikut:

Sebab Kekosongan	Bilangan Jawatan
Pelukis Pelan: i. JA26 ii. JA22 iii. JA17	2 2 1
Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44	1
Pegawai Teknologi Maklumat F44	1
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32	1
Juruteknik Komputer	3
Pembantu Tadbir N22	3
	18
Pembantu Tadbir N17	(termasuk 6 jawatan yang perlu pengisian secara serentak kesan dari waran re-deployment yang telah diluluskan)
Pegawai Khidmat Pelanggan N17	1
Pembantu Operasi N11	5
Pemandu Kenderaan H11	1

#### ■ Urusan Penempatan

Pada tahun 2014, beberapa urusan penempatan telah dilaksanakan selepas urusan pelantikan dibuat oleh pihak SPA/ JPA/ JPPH seperti jadual 14-15 berikut:

Jadual 14-15: Urusan Penempatan

Lantikan	Jawatan	Gred Jawatan	Bilangan Pegawai/ Staf Lapor Diri
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Pegawai Penilaian	W41	17
	Penolong Pegawai Penilaian	W27	37
	Pembantu Penilaian	W17	28
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	Pembantu Am Pejabat	N1	4

#### ■ Urusan Pertukaran

Pada tahun 2014, urusan pertukaran turut dilaksanakan atas prinsip pusingan kerja, kenaikan pangkat pegawai dan permohonan pegawai. Statistik pertukaran pegawai adalah seperti berikut:

Jadual 14-16: Urusan Pertukaran

Kumpulan Pegawai	Gred Jawatan	Bilangan Pertukaran
Teknikal	Gred W41-W54/ Pegawai Penilaian	72
	Gred W27-W36/ Penolong Pegawai Penilaian	76
	Gred W17-W26/ Pembantu Penilaian	67
Gunasama	Gred 41-48	19
	Gred 27-36	13
	Gred 3-26	68

#### ■ Urusan Peminjaman

Urusan peminjaman kader ke Kementerian/ Jabatan lain juga diteruskan pada tahun 2014 seperti berikut:

Jadual 14-17: Urusan Pertukaran

Agensi	Gred Jawatan	Bilangan Peminjaman
1. Majlis Perbandaran Shah Alam 2. Majlis Perbandaran Subang Jaya 3. Majlis Perbandaran Seremban 4. Perbandaran Putrajaya 5. Unit Audit Dalaman, Perbadanan Malaysia	Gred W41-W44	5
Lanjutan Tempoh Peminjaman Kementerian Pengangkutan	Gred W41-W44	2
Majlis Daerah Cameron Highlands	Gred W32	1

■ **Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat**

Pada tahun 2014, dua (2) mesyuarat telah diadakan untuk tujuan membincangkan kertas pemangkuhan dan kenaikan pangkat di JPPH. Senarai mesyuarat dan kertas yang dibincangkan seperti Jadual 14 - 18 berikut:

Jadual 14 - 18: Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat

Mesyuarat	Tarikh	Kertas yang Dipertimbangkan	Perjawatan
Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan Bilangan 1/ 2014	28 April 2014	• Kertas Kenaikan Pangkat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 ke Gred W32</li> <li>• Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26</li> </ul>
		• Kertas Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 ke Gred W32</li> <li>• Pembantu Penilaian Gred W17 ke Gred W22</li> <li>• Pembantu Am Pejabat Gred N1 ke Gred N4</li> </ul>
Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan Bilangan 2/2014	5 November 2014	• Kertas Kenaikan Pangkat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 ke Gred W36</li> <li>• Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26</li> </ul>
		• Kertas Pemangkuhan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 ke Gred W36</li> </ul>
		• Kertas Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 ke Gred W32</li> <li>• Pembantu Penilaian Gred W17 ke Gred W22</li> <li>• Pembantu Am Pejabat Gred N1 ke Gred N4</li> <li>• Pemandu Kenderaan Gred R3 ke Gred R6</li> </ul>

■ Pelaksanaan HRMIS

Laporan Kemaskini Rekod Peribadi mengikut pejabat JPPH bagi tahun 2014 adalah seperti jadual 14 - 19 berikut:

Jadual 14 - 19: Laporan Kemaskini Rekod Peribadi Mengikut Pejabat JPPH

Bil.	Tarikh Pengisian Pejabat JPPH	31 Disember 2014	
		Bil. CO	%
1.	Institut Penilaian Negara (INSPEN)	187	100.00
2.	JPPH Negeri Johor	213	99.18
3.	JPPH Negeri Pulau Pinang	110	99.47
4.	JPPH Wilayah Persekutuan	134	98.95
5.	JPPH Negeri Kedah	129	99.63
6.	JPPH Negeri Kelantan	79	99.40
7.	JPPH Negeri Melaka	64	99.46
8.	JPPH Negeri Sembilan	83	99.71
9.	JPPH Negeri Pahang	108	99.07
10.	JPPH Negeri Perak	176	99.63
11.	JPPH Negeri Sabah	89	99.02
12.	JPPH Negeri Sarawak	93	98.50
13.	JPPH Negeri Selangor	264	98.82
14.	JPPH Negeri Terengganu	113	99.95
15.	JPPH Negeri Perlis	32	100.00
16.	Pejabat Ketua Pengarah Penilaian	24	100.00
17.	Ibu Pejabat JPPH (Pengurusan)	113	100.00
18.	Ibu Pejabat JPPH (Teknikal)	75	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>2,086</b>	<b>99.41</b>

Catatan:

Bilangan pemilik kompetensi (CO) adalah berdasarkan jawatan tetap sahaja berdasarkan waran perjawatan.

Laporan Pengisytiharan Harta mengikut pejabat JPPH bagi tahun 2014 adalah seperti jadual 14 - 20 berikut:

Jadual 14 - 20: Laporan Pengisytiharan Harta Mengikut Pejabat JPPH

Bil.	Pejabat JPPH	31 Disember 2014		
		Bil. CO	Isytihar Harta Telah Diambil Maklum	% Isytihar Harta Telah Diambil Maklum
1.	Institut Penilaian Negara (INSPEN)	187	182	97.33
2.	JPPH Negeri Johor	213	201	94.37
3.	JPPH Negeri Pulau Pinang	110	102	92.73
4.	JPPH Wilayah Persekutuan	134	125	93.28
5.	JPPH Negeri Kedah	129	127	98.45
6.	JPPH Negeri Kelantan	79	75	94.94
7.	JPPH Negeri Melaka	64	62	96.88
8.	JPPH Negeri Sembilan	83	78	93.98
9.	JPPH Negeri Pahang	108	99	91.67
10.	JPPH Negeri Perak	176	169	96.02
11.	JPPH Negeri Sabah	89	83	93.26
12.	JPPH Negeri Sarawak	93	79	84.95
13.	JPPH Negeri Selangor	264	244	92.42
14.	JPPH Negeri Terengganu	113	113	100.00
15.	JPPH Negeri Perlis	32	31	96.88
16.	Pejabat Ketua Pengarah Penilaian	24	23	95.83
17.	Ibu Pejabat JPPH (Pengurusan)	113	111	98.23
18.	Ibu Pejabat JPPH (Teknikal)	75	74	98.67
<b>JUMLAH</b>		<b>2,086</b>	<b>1,978</b>	<b>94.82</b>

## Catatan:

Bilangan pemilik kompetensi (CO) adalah berdasarkan jawatan tetap sahaja berdasarkan waran perjawatan.

■ **Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

Pada tahun 2014, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah melaksanakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak empat (4) kali setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 3/2002. Laporan status pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan bagi tahun 2014 adalah seperti jadual 14-21 berikut:

Jadual 14 - 21: Laporan Status Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

Bil.	Program (Mesyuarat/Aktiviti)	Tarikh	Tempat	Bilangan Kehadiran
1.	MBJ Bilangan 1 Tahun 2014	26 Februari 2014	Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat JPPH	13 Orang
2.	MBJ Bilangan 2 Tahun 2014	23 Jun 2014	Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Terengganu	11 Orang
3.	MBJ Bilangan 3 Tahun 2014	19 September 2014	Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Tawau	15 Orang
4.	MBJ Bilangan 4 Tahun 2014	23 Disember 2014	Bilik Mesyuarat Kenanga, JPPH Bandar Baru Bangi	12 Orang

Keahlian Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti jadual 14 - 22 berikut:

Jadual 14 - 22: Keahlian Majlis Bersama Jabatan

Bil.	Nama	Jawatan
<b>Pihak Pegawai</b>		
1.	YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar Tn. Hj. Nordin bin Daharom	Ketua Pengarah Penilaian Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) Pengerusi Majlis Bersama Jabatan
2.	YBhg. Datin Faridah binti Mohammed	Pengarah INSPEK Ahli Pihak Pengurusan
3.	En. Khalid bin Ibrahim	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Ahli Pihak Pengurusan
4.	Pn. Farhana binti Mohd Razali Pn. Khoo Su Voon	Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Setiausaha Bersama
<b>Pihak Pekerja</b>		
1.	En. Mohd Zamri bin Awang	Pengerusi Pihak Pekerja Wakil Penilai Sama Wakil Pegawai Penilaian
2.	Pn. Asma Laily binti Abdullah Sani	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Wakil Pekerja Bahagian Teknologi Maklumat
3.	En. Mohd Noor Hamizi bin Abdul Hadi	Penolong Pegawai Penilaian Wakil KEPAK
4.	En. Samuel Devadasan	Penolong Pegawai Penilaian Wakil MTSU
5.	En. Redwan bin Adnan	Penolong Pegawai Penilaian Wakil MTSU
6.	Pn. Mariyam binti Jantan	Pelukis Pelan Wakil MTSU
7.	Pn. Zarina binti Mohamed	Pembantu Penilaian Wakil MTSU
8.	Pn. Noorazilah binti Azahar	Pembantu Penilaian Wakil MTSU
9.	Tn. Hj. Sulaiman bin Saparin	Pembantu Operasi Wakil Kesatuan Pembantu Operasi Setiausaha Pihak Pekerja
10.	Tn. Hj. Sazali bin Sohar	Pembantu Operasi Wakil Kesatuan Pembantu Operasi
11.	En. Muhammad Adha bin Norzabri	Tukang Masak Wakil Pekerja Rendah Awam

## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### ■ Dasar Latihan JPPH

Jabatan telah lama menyedari tentang kepentingan latihan yang berterusan dan pihak pengurusan telah menetapkan melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 1997 bahawa setiap pegawai dan staf hendaklah menepati sasaran menghadiri sekurang-kurangnya dua (2) kursus atau tujuh (7) hari program latihan pada setiap tahun.

Jabatan melalui INSPEKSI menjalankan analisa keperluan latihan dari semasa ke semasa untuk setiap kategori pegawai dan staf serta merangka program latihan, aspek kerja dan kompetensi yang sesuai untuk semua pegawai dan staf JPPH. Oleh itu, semua pegawai dan staf dapat menambahbaik prestasi perkhidmatan, meningkatkan kemahiran serta melengkapkan diri dengan pengetahuan terkini. Di samping itu, latihan melalui *On the Job Training* akan diteruskan di peringkat pejabat.

Selain itu, Jabatan berusaha membentuk pegawai dan staf yang serba boleh dan kompeten dengan memberi pendedahan kepada semua jenis kerja dan tugas, melibatkan diri dalam semua program dan aktiviti Jabatan dan juga agensi lain dan seterusnya mewujudkan budaya kerja cemerlang di kalangan pegawai dan staf JPPH.

Selain itu, pelan pembangunan modal insan memberi penekanan terhadap *multi-skilling* dan juga merangkumi aspek *learn, unlearn* dan *relearn*. Beberapa bengkel teknikal diadakan bagi tujuan ini dan ianya memfokuskan kepada perkhidmatan teras Jabatan dan juga sejajar dengan Pelan Strategik JPPH. Bagi pegawai dan staf baru, kursus induksi menjadi asas yang mana pegawai dan staf berkenaan diberikan pendedahan dan pengenalan mengenai JPPH, budaya kerja, nilai dan etika serta sebagainya. Seterusnya, Jabatan juga mewujudkan mekanisme melalui soal selidik untuk menilai keberkesanannya pelaksanaan program latihan dengan menilai pengetahuan dan hasil kerja pegawai serta staf sebelum dan selepas menghadiri kursus.

### ■ Jawatankuasa Latihan Jabatan

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian yang bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program latihan jangka panjang dan pendek di dalam dan luar Negara. Pada tahun 2014, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 25 April 2014 dan 3 Oktober 2014. Timbalan Pengarah INSPEKSI (Latihan & Akademik) adalah Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

### ■ Jawatankuasa Carian Jabatan

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian bertanggungjawab ke atas pemilihan pegawai untuk mengikuti program jangka panjang dan jangka pendek di luar Negara. Pada tahun 2014, jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak satu (1) kali iaitu pada 6 Februari 2014.

### ■ Panel Pembangunan Sumber Manusia

Panel Pembangunan Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian bermesyuarat untuk membincangkan dan membuat keputusan mengenai anjakan gaji dan juga untuk memilih pegawai dan staf daripada setiap kategori bagi tujuan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Pada tahun 2013, panel ini telah bermesyuarat seperti berikut:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kumpulan Pelaksana pada 30 April 2014.
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional pada 7 Mei 2014.

### ■ Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam

Ketetapan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005, semua Kementerian/ Jabatan perlu menyedia dan menyelenggara rekod latihan yang meliputi perancangan, perbelanjaan, laporan kursus dan aktiviti latihan termasuk Pelan Operasi Latihan (POL).

Jadual 14 - 23: Prestasi Pegawai/Staf JPPH Menepati Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) Tahun 2014

Negeri	Jumlah	Kehadiran Kursus (Jumlah Hari)				Pencapaian 7 Hari dan Lebih (%)	Bilangan Kursus Dihadiri		Pencapaian 2 Kursus dan Lebih (%)
		0	1-3	4-6	7 & Lebih		1	2 dan Lebih	
JUSA	10	0	0	0	10	100%	0	10	100%
Pengurusan & Profesional	278	1	5	6	266	96%	5	272	98%
Sokongan I (Gred 17 - 36)	1568	18	27	61	1,462	94%	23	1,527	97%
Sokongan II (Gred 1 - 16)	200	9	10	15	166	83%	5	186	93%
JUMLAH	2,056	28	42	85	1,904	93%	33	1995	97%

#### ■ Latihan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2014, hanya terdapat seorang pegawai sahaja yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana. Bilangan pegawai yang tamat pengajian pada 2010 hingga 2013 adalah seperti Jadual 14 - 24 berikut:

Jadual 14 - 24: Latihan Dalam Perkhidmatan

Jenis Pengajian	2010		2011		2012		2013		2014
	Tamat Pengajian	Sedang Berkursus	Sedang Berkursus						
PhD	0		1		0		1		0
Sarjana	0		1		3		10		2
Diploma Lepasan Ijazah	0		0		0		0		0

#### ■ Latihan/ Kursus/ Simposium/ Seminar/ Program CPD

Kebanyakan kursus bagi pegawai dan staf JPPH adalah dianjurkan oleh INSPEL. Walau bagaimanapun, terdapat pegawai dan staf JPPH menghadiri kursus anjuran INTAN, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara dan juga pihak swasta.

Jabatan ini juga turut membenarkan serta menghantar pegawai dan staf Jabatan untuk menghadiri kursus, seminar dan sebagainya anjuran agensi swasta. Kelulusan daripada Pihak Pengurusan Tertinggi Ibu Pejabat perlu diperoleh bagi program latihan seumpama ini kerana ianya melibatkan kos.

■ Persidangan/ Kursus/ Lawatan Kerja/ Latihan/ Mesyuarat/ Seminar Luar Negara

Jabatan prihatin terhadap pembangunan berterusan pegawai dari aspek profesionalisme dan pendedahan kepada pembaharuan dan isu semasa, berkongsi pengalaman serta mewujudkan jaringan kerja atau *networking* dengan rakan sekerja di lapangan antarabangsa. Justeru, beberapa pegawai yang dikenalpasti oleh pihak pengurusan dan Jawatankuasa Carian Jabatan dihantar untuk mengikuti kursus jangka pendek/ seminar/ persidangan/ mesyuarat dan lawatan kerja ke luar negara pada tahun 2014 seperti berikut:

» **22 - 24 Januari 2014**

En. Rashib bin Nang, Pengarah Bahagian Penswastaan dan Pelaburan Gred W52 telah menghadiri Program *Task Force* (Lawat Periksa dan Mesyuarat) Harta Tanah Kementerian Luar Negeri di Jakarta, Indonesia.

» **9 - 11 Mac 2014**

Pn. Mazlina binti Awang Kechik, Penilai Daerah JPPH Jempol Gred W44 dan Pn. Aishah binti Zakaria, Penilai Daerah JPPH Kuala Krai Gred W44 telah menghadiri 3rd *Vertical Cities Forum* di Dubai, UAE.

» **24 - 27 April 2014**

Tn. Hj. Faizan bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) Gred Utama Jusa B, En. Haizul bin Abdul Hamid, Penolong Pengarah Gred W44 dan Cik Faridah binti Abdul Rahim, Penolong Pengarah Gred W44 telah menghadiri 18th AVA Congress di Nha Trang, Vietnam.

» **5 - 9 Mei 2014**

En. Salleh bin Mat Ali, Pengarah Penilaian Negeri Gred W54 dan En. Norhisham bin Shafie, Penolong Pengarah Gred W44 telah menghadiri *Geospatial World Forum* 2014 di Geneva, Switzerland.

» **16 Mei -13 Jun 2014**

En. Kevin anak Nyait, Pegawai Penilaian Gred W41 telah menghadiri *Training Course on Land Taxation and Valuation* di International Centre for Land Policy Studies and Training (ICLPST), Taipei, Taiwan.

» **16 - 17 Jun 2014**

Tn. Hj. Mohd Khairudin bin Abd Halim, Pengarah Bahagian Loji dan Jentera Gred W52 dan Tn. Hj. Md. Badrul Hisham bin Awang, Pengurus Projek VIS Baru Gred W52 telah menghadiri GEOSMART Summit 2014 di Langham Place, Hong Kong.

» **1 - 28 Jun 2014**

YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian Gred Utama Jusa A, YBhg. Datin Faridah binti Mohammed, Pengarah INSPEN Gred Utama Jusa C (KUP) dan En. Mohd Arif bin Mat Hassan, Pegawai Penilaian Gred W44 telah menghadiri European Real Estate Society 21st Annual Conference di Bucharest University of Economics Studies (ASE) Bucharest, Romania.

» **9 - 11 Julai 2014**

Pn. Norlinda binti Daim, Pengarah Bahagian Perancangan Korporat Gred W48, En. Khalid bin Abdul Mutalib, Penilai Daerah JPPH Teluk Intan Gred W48 dan Pn. Azlina binti Mohamad Nor, Ketua Pusat Pembangunan Profesional & Eksekutif, INSPEN Gred W44 telah menghadiri American Real Estate & Urban Economic Association (AREUEA) International Conference di Reading, United Kingdom.

» **14 - 16 Julai 2014**

Tn. Hj. Rosli bin Yahya, Pengarah Penilaian Negeri Melaka Gred W54, En. Che Rusle bin Mat Arop, Penilai Daerah JPPH Kulim Gred W48 dan En. Zainal Abidin bin Zakaria, Pegawai Penilaian Kanan Gred W44 telah menghadiri *Asian Real Estate Society (AsRES): 19th International Conference* di Gold Coast, Australia.

» **18 - 23 Ogos 2014**

En. A'zmi bin Abdul Latif, Pengarah Penilaian Negeri Sembilan Gred W52 telah menghadiri *Strategic Leadership Course* anjuran Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia di Perth, Australia.

» **6 - 12 September 2014**

Tn. Hj. Faizan bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) Gred Utama Jusa B, Tn. Hj. Nordin bin Daharom, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) Gred Utama C; YBhg. Datin Faridah binti Mohammed, Pengarah INSPEL Gred Utama Jusa C (KUP), En. Huan Cheng Kee, Penolong Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) Gred Utama Jusa C, Cik Lim Yin Yee, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat Gred F54, Pn. Khuzaimeh binti Abdullah, Pengarah NAPIC Gred W54 dan Pn. Mashitoh binti Halim, Ketua Pusat Pengurusan dan Teknologi Maklumat, INSPEL Gred W44 telah menghadiri Program Khidmat Perundingan Dalam Bidang Harta Tanah anjuran *Saudi Authority for Accredited Valuers (TAQEEM)* di Riyadh, Arab Saudi.

» **13 Oktober-7 November 2014**

En. Fung Cheng Loong, Pegawai Penilaian Kanan, Gred W44 dan Pn. Nadila binti Hamidi, Pegawai Penilaian Gred W41 telah menghadiri *Attachment in Intellectual Property Valuation* di *Intangible Business Limited* London.

» **20 - 24 Oktober 2014**

Tn. Hj. Nordin bin Daharom, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) Gred Utama Jusa C telah menghadiri *Inspiration Leadership and Change* di London, United Kingdom.

» **25 - 31 Oktober 2014**

Tn. Hj. Rosli bin Yahya, Penilai Daerah JPPH Kuala Lumpur Gred W54 telah menghadiri *Market and Feasibility Study to Determine The Highest and Best for The Best Identified Government Land Under River of Life (ROL) Beutification* (Ditaja sepenuhnya oleh DBKL) di Brisbane, Melbourne, Australia.

» **13 - 14 November 2014**

En. Rakawi bin Buyong, Penilai Daerah JPPH Jerteh Gred W44 dan Pn. Fadzilah binti Abd Hamid, Penilai Daerah JPPH Langkawi Gred W44 telah menghadiri *The Opportunities & Challenges for Local Govern Funding: The Way Forward* di Sydney, Australia.

» **17 - 21 November 2014**

Pn. Rohani binti Mohamad, Penilai Daerah JPPH Gombak Gred W52 telah menghadiri *The Leadership Development Programme: Leading with Integrity to Align People & Implement Strategy* di Istanbul, Turkey.

» **9 - 13 Disember 2014**

Tn. Hj. Nordin bin Daharom, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Pengurusan) Gred Utama C; Pn. Khuzaimeh binti Abdullah, Pengarah NAPIC Gred W54, Pn. Rosni Nawati binti Ngah, Timbalan Pengarah NAPIC Gred W52, En. Mohd Zamri bin Awang, Penilai Daerah JPPH Melaka Gred W48, Pn. Norhayati binti Awang, Ketua Pusat Penilaian dan Perkhidmatan Harta INSPEL Gred W48 dan En. Mohd Arif bin Mat Hassan, Pegawai Penilaian Gred W44 telah menghadiri Program *Tailor Made Experience Sharing Programme on Land Acquisition and National Property Information Centre (NAPIC)* di Jakarta, Indonesia.

**» 15 - 19 Disember 2014**

En. Rashib bin Nang, Pengarah Bahagian Penswastaan dan Pelaburan Gred W52 telah menghadiri *Project Evaluation and Impact Assessment: Tools and Techniques* di Sutton, Surrey, United Kingdom.

**» 22 - 25 Disember 2014**

YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian Gred Utama Jusa A, YBhg. Datin Faridah binti Mohammed, Pengarah INSPEN Gred Utama Jusa C (KUP), En. Mohd Nazri bin Ahmad Zahari, Timbalan Pengarah Latihan dan Akademik INSPEN Gred W52 dan Pn. Mashitoh binti Halim, Ketua Pusat Perundingan dan Pembangunan Produk INSPEN Gred W44 telah menghadiri Program Khidmat Perundingan Luar Negeri untuk Saudi Authority untuk *Accredited Valuers (TAQEEM)* di Riyadh, Arab Saudi.

**■ Pendaftaran Dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia**

Pihak Pengurusan mengambil berat mengenai pembangunan kerjaya Pegawai Penilaian di Jabatan. Mengikut Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981, tiada seorang pun boleh dilantik memegang jawatan Ketua Pengarah Penilaian, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian atau Pengarah melainkan pegawai tersebut berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah. Oleh yang demikian, semua Pegawai Penilaian adalah digalakkan untuk mendaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dengan lulus Ujian Kecekapan Profesional atau *Test of Professional Competence (TPC)*.

Pegawai Penilaian yang telah menjadi Penilai Berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia pada tahun 2014 ialah seramai lima (5) orang.

### ■ Penerima Penganugerahan Bintang dan Pingat Kebesaran

Pada tahun 2014, beberapa pegawai dan staf telah menerima anugerah pingat kebesaran sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong/ Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Sultan/ Yang Di-Pertuan Besar Negeri dan Yang Di-Pertuan Negeri. Pegawai dan staf berkenaan adalah seperti berikut:

#### ► Pingat Ahli Mahkota Terengganu (A.M.T.)

Anugerah Bintang/ Pingat Kebesaran sempena Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di Istana Syarqiyyah Chendering, Kuala Terengganu pada 17 Ogos 2014 kepada:

**En. Arifin bin Mohd**  
Pengarah Penilaian Negeri  
Gred W52  
JPPH Negeri Sabah



#### ► Pingat Jasa Bakti (P.J.B.)

Anugerah Bintang/ Pingat Kebesaran sempena Hari Keputeraan Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Mohd Khalil bin Yaacob pada 15 November 2014 kepada:

**Pn. Maznah binti Sidik**  
Penolong Pegawai Penilaian Kanan  
Gred W32  
JPPH Melaka



► **Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)**

Anugerah Bintang/ Pingat Kebesaran sempena hari Kelahiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertuan Negeri Pulau Pinang Ke-76 pada 24 September 2014 kepada:

**En. Redwan bin Adnan**  
Penolong Pegawai Penilaian Kanan  
Gred W32  
JPPH Seberang Perai



► **Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M.)**

Anugerah Bintang/ Pingat Kebesaran sempena Hari Keputeraan Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Mohd Khalil bin Yaacob pada 11 Oktober 2014 kepada:

**En. Zulkafli'Ain bin Baharum**  
Pembantu Tadbir Kanan  
Gred N22 (KUP)  
JPPH Melaka



► **Pingat Jasa Kebaktian (P.J.B.)**

Anugerah Pingat Kebawah DYMM Raja Perlis sempena Hari Keputeraan Raja Pelis Ke-75 Tahun pada 2 September 2014 kepada:

**Pn. Rosenah binti Saedin**  
Penolong Pegawai Penilaian  
Gred W27  
JPPH Negeri Perlis



► **Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)**

Anugerah Bintang/ Pingat Kebesaran sempena Istiadat dan Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-68 D.Y.M.M. Sultan Selangor pada 30 September 2014 kepada:

**Pn. Ruzita binti Adnan**  
Pembantu Tadbir Kanan  
Gred N22  
JPPH Bandar Baru Bangi



► **Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M.)**

Anugerah Bintang/ Pingat Kebesaran sempena hari Kelahiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertuan Negeri Pulau Pinang Ke-76 pada 24 September 2014 kepada:

**En. Paramesvaran a/l M.V. Ramanvayar**  
Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)  
Gred JA22  
JPPH Seberang Perai



► **Pingat Jasa Lama (P.J.L.)**

Anugerah Pingat Kebawah DYMM Raja Perlis sempena Hari Keputeraan Raja Perlis Ke-75 Tahun pada 2 September 2014 kepada:

**En. Lim Kian Choon**  
Pembantu Penilaian Kanan  
Gred W22  
JPPH Negeri Perlis





# **Bab 15**

## **Bahagian**

# **Perancangan Korporat**

**FUNGSI UTAMA**

- **Pengurusan dan Pentadbiran**
  - Merancang, menggubal dan melaksanakan kajian dasar, strategi dan prosedur perkembangan organisasi.
  - Menilai prestasi pejabat JPPH dan mengesyorkan serta merangka tindakan sewajarnya untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.
  - Merancang dan mengesyorkan serta menguruskan aktiviti peningkatan kualiti dan produktiviti Jabatan.
  - Menguruskan hal-ehwal korporat Jabatan.
- **Perancangan**
  - Merangka strategi ke arah pencapaian matlamat Jabatan.
  - Merancang dan mengesyorkan perkembangan Jabatan supaya selaras dengan keperluan semasa.
  - Mengenal pasti keperluan yang timbul berikutan dari perubahan semasa dan merancang tindakan sewajarnya.
- **Pelaksanaan**
  - Menyelaraskan aktiviti Jabatan di semua peringkat.
  - Mengkaji keperluan perkhidmatan bantuan oleh pejabat JPPH.
- **Penerbitan**
  - Mengelola dan menguruskan Laporan Tahunan Jabatan dan penerbitan berkala yang lain.
  - Mengemas kini risalah dan maklumat korporat Jabatan.
- **Penerangan**
  - Merancang dan mengesyorkan strategi penerangan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan.
  - Menyediakan maklumat berhubung dengan perangkaan pelbagai jenis maksud nilaian harta tanah di seluruh Jabatan.
  - Memberi perkhidmatan berkaitan dengan perhubungan dan pengaduan awam.
  - Mengemas kini maklumat korporat di Laman Sesawang Jabatan.
- **Pengelolaan Mesyuarat/ Persidangan/ Majlis Jabatan**
  - Menjalankan kerja urus setia Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH dan Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Jabatan.

## AKTIVITI BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT(BPK) PADA TAHUN 2014

### ■ PENYEDIAAN KERTAS KERJA/ LAPORAN

Pada tahun 2014, beberapa kertas kerja/ makluman dan laporan telah disediakan dan dibentangkan semasa mesyuarat/ persidangan Jabatan. Antara kertas kerja/ makluman yang telah disediakan ialah:

- Laporan Profil dan Prestasi Beban Kerja JPPH
- Kertas Makluman Mengenai Pelaporan Aduan, Hari Bertemu Pelanggan dan Perkhidmatan Kaunter

### ■ PEMANTAUAN AKTIVITI TERAS JABATAN

Satu daripada tugas utama BPK ialah untuk memantau prestasi pejabat JPPH dalam pencapaian Sasaran Kerja Tahunan dan kepatuhan kepada Piagam Pelanggan JPPH. Kerja ini dijalankan dengan memantau laporan berkala yang dihantar oleh pejabat JPPH ke Ibu Pejabat. Laporan berkala yang berkaitan ialah seperti berikut:

- Laporan Salin Data VIS.
- Laporan Bulanan Beban Kerja Pejabat.
- Laporan Beban Kerja Pegawai Teknikal.
- Laporan Klasifikasi Kes.

### ■ PENERANGAN

BPK menyediakan dan mengemaskini maklumat korporat Jabatan serta bahan penerangan seperti brosur, video korporat, nota taklimat, teks ucapan, persembahan *slide* dan artikel bagi surat akhbar. Pada tahun 2014, BPK telah terlibat di dalam aktiviti berikut:

- Pameran Peranan dan Fungsi JPPH.
- Hari Bersama Pelanggan.
- Risalah Peranan dan Fungsi JPPH.
- Mengemaskini Maklumat Korporat Jabatan untuk Taklimat kepada Tetamu/ Pelawat.
- Mengemaskini Maklumat Jabatan di dalam Laman Web JPPH.
- Memberi Perkhidmatan Berkaitan dengan Perhubungan dan Pengaduan Awam.
- Taklimat Pengenalan Organisasi JPPH kepada Peserta Kursus Induksi.

### ■ PERSIDANGAN PENGARAH DAN PENILAI DAERAH JPPH

#### • Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-67

Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-67 telah diadakan pada 2 hingga 4 Jun 2014 di INSPEK. Beberapa laporan dan kertas kerja dari Ibu Pejabat, INSPEK dan NAPIC serta kertas kerja/ makluman daripada ahli mesyuarat lain turut dibentangkan.

#### • Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-68

Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-68 telah diadakan di Hyatt Regency Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 16 hingga 18 Disember 2014. Ianya dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian dan dihadiri oleh Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEK, Pengarah NAPIC, Penilai Daerah dan Pegawai Kader dari Jabatan Insolvensi Malaysia.

Kertas kerja dan kertas makluman daripada Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Audit Teknikal, INSPEK dan NAPIC telah dibentangkan sepanjang persidangan tersebut.

### ■ MESYUARAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI

Pada tahun 2014, sebanyak lapan (8) Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri telah diadakan. Perkara yang dipantau di dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Laporan Kes Belum Siap Bagi Maksud Nilaian Yang Melibatkan Pembangunan Negara.
- Laporan Kes Rujukan Mahkamah.
- Laporan Kemajuan Penilaian Perakaunan Akruan.
- Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan.
- Laporan Tunggakan Hasil.
- Laporan Prestasi Pembayaran Bil.
- Laporan Latihan.
- Laporan Penyelidikan

### ■ PERHIMPUNAN PAGI DI IBU PEJABAT JPPH

Perhimpunan pagi di Ibu Pejabat JPPH diadakan pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan. Amanat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Penilaian telah diminitkan dan dihantar kepada semua pejabat JPPH menerusi e-mel. Pada tahun 2014, sebanyak tiga (3) kali perhimpunan pagi telah diadakan. Bermula tahun 2010, perhimpunan pagi telah dirakamkan dan dimuat naik ke dalam portal myJPPH agar ia boleh dilayari/ ditonton oleh semua pegawai dan staf Jabatan.

### ■ PENGURUSAN MAJLIS

Antara majlis yang dikelolakan oleh Bahagian Perancangan Korporat pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

- **Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2013**

Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2013 telah diadakan pada 22 April 2014 (Selasa) bertempat di Dewan Jubli, INSPEKSI dan ianya telah dirasmikan oleh YB. Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Maslan, Timbalan Menteri Kewangan. Laporan yang dilancarkan adalah Laporan Pasaran Harta Tahun 2013.

Seramai lebih dari 200 orang tetamu telah menghadiri majlis ini yang mana antaranya adalah pemaju perumahan, penilai swasta, wakil bank, wakil REHDA, wakil MIEA dan pihak media massa. Selain itu, mantan Ketua Pengarah Penilaian iaitu YBhg. Dato' Abdullah Thalith bin Md. Thani telah turut sama memeriahkan majlis tersebut.

- **Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013 dan Majlis Jasamu Dikenang**

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013 dan Jasamu Dikenang telah diadakan pada 5 Jun 2014 (Khamis) bertempat di Dewan Jubli, INSPEKSI. Majlis ini diadakan bagi meraikan Penerima APC yang terdiri daripada 22 orang dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 144 orang dari kumpulan sokongan serta 61 orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Pada kali ini, majlis diadakan bersekali dengan Sambutan Hari JPPH yang ke-57. Buat julung kalinya, YB. Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Maslan, Timbalan Menteri Kewangan hadir merasmikan upacara tersebut dan sekaligus menyampaikan sijil kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013 dan Jasamu Dikenang.

- **Majlis Anugerah Inovasi Jabatan 2014**

Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi JPPH 2014 telah diadakan pada 16 Disember 2014 di Hyatt Regency Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Ianya bertujuan bagi memberi pengiktirafan terhadap usaha pembaharuan serta penambahbaikan sistem penyampaian yang berasaskan inovasi dan kreativiti.

Bermula pada tahun 2014, Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Induk Anugerah Kualiti Jabatan Tahun 2014 Bilangan 1/2014 telah bersetuju untuk mewujudkan satu lagi Anugerah Inovasi baru iaitu Anugerah Pengarah INSPEN. Objektif anugerah ini adalah memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan yang mana pengadilan akan dibuat bagi semua pejabat JPPH yang menyertainya.

Penerima anugerah inovasi adalah seperti yang berikut:

Jadual 15-1: Penerima Anugerah Inovasi

Kategori Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian
Kumpulan Koir Simfoni JPPH Ibu Pejabat
Kategori Anugerah Ketua Pengarah Penilaian
<u>Peringkat Pejabat Pengarah Penilaian Negeri:</u>
Johan JPPH Negeri Sembilan
Naib Johan JPPH Negeri Perlis
Tempat Ketiga JPPH Negeri Pahang
<u>Peringkat Pejabat Penilai Daerah:</u>
Johan JPPH Chukai
Naib Johan JPPH Bandar Baru Bangi
Tempat Ketiga JPPH Temerloh
Kategori Anugerah Pengarah NAPIC
Pemenang NAPIC Negeri Kedah
Kategori Anugerah Pengarah INSPEN
Tiada Pemenang

- Majlis Sambutan Hari Inovasi**

Majlis Sambutan Hari Inovasi JPPH dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan bagi tahun 2014 telah diadakan pada 20 hingga 21 Oktober 2014 bertempat di Dewan Jubli, INSPEL. Sambutan dimulakan dengan Majlis Perasmian Pembukaan Konvensyen KIK JPPH 2014 oleh En. Khalid bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan merangkap Pengurus Jawatankuasa Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Tahun 2014.

Seterusnya, Majlis Perasmian Sambutan Hari Inovasi JPPH 2014 dan Perasmian Penutup Konvensyen KIK JPPH 2014 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abd Hamid bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Penilaian. Majlis ini bertepatan dengan hasrat YAB Perdana Menteri supaya membudayakan inovasi dalam diri kita semasa melaksanakan tugas di pejabat dan juga di dalam kehidupan kita seharian. Ianya turut disertai oleh 300 pegawai dan staf yang terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Penilai Daerah serta wakil pejabat JPPH Lembah Klang.

Tujuh (7) Kumpulan KIK dari pejabat JPPH seluruh Malaysia telah menyertai konvensyen tersebut. Butiran terperinci kumpulan seperti berikut:

Jadual 15-2: Kumpulan KIK yang Menyertai Konvensyen KIK Jabatan 2014

Nama Pejabat	Nama Kumpulan	Tajuk Projek
<b>Kategori Pengurusan</b>		
JPPH Negeri Sembilan	IDEALIS	Sistem Rekod Keluar Masuk Kakitangan
JPPH Klang	DINAMIK	Kesukaran Mencari Fail
JPPH Teluk Intan	ETS (Explore, Transformation, Solution)	Kelewatan Permohonan Penilaian Tukar Syarat
JPPH Batu Pahat	INFINITI	Kelemahan Sistem Pengurusan Stok Alat Tulis
<b>Kategori Teknikal</b>		
JPPH Seberang Perai	MUTIARA BERLIAN	Masalah Penyediaan Pelan Berulang
JPPH Seberang Perai	PRODATA	Kesukaran Penyediaan Jadual Harga dan Sewa untuk LPH
JPPH Kluang	GLOBAL G	Ketidakseragaman Penyediaan Fail Kawalan

Keputusan hakim seperti berikut:

Jadual 15 - 3: Senarai Pemenang KIK Jabatan Tahun 2014

Kategori	Pemenang
<b>Kategori Teknikal</b>	
Tempat Pertama	Kumpulan Mutiara Berlian
Tempat Kedua	Kumpulan GLOBAL G
Tempat Ketiga	Kumpulan PRODATA
<b>Kategori Pengurusan</b>	
Tempat Pertama	Kumpulan ETS
Tempat Kedua	Kumpulan INFINITI
Tempat Ketiga	Kumpulan DINAMIK
Persembahan Terbaik	Kumpulan Mutiara Berlian

**■ PENERBITAN****• Laporan Tahunan JPPH 2013**

Laporan Tahunan JPPH 2013 yang telah diterbitkan, diedarkan kepada agensi Kerajaan, perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam dan pejabat JPPH.

**• Buletin JPPH**

Mulai tahun 2013, Buletin JPPH telah diperkenalkan dan merupakan salah satu langkah proaktif dalam usaha untuk mempromosikan JPPH kepada umum. Sejak itu, kandungan Buletin JPPH ini akan memaparkan berita dan info berkaitan dengan pembangunan, inovasi serta perkembangan terkini yang berlaku di JPPH dan menjadi saluran informasi yang efektif serta berguna untuk pengetahuan orang ramai.

Pada tahun 2014, dua (2) edisi Buletin JPPH telah dikeluarkan iaitu bagi tempoh Julai hingga Disember 2013 dan Januari hingga Jun 2014.

**• Siaran JPPH**

Penerbitan berkala Siaran JPPH telah diperkenalkan mulai tahun 2009 bagi menggantikan JPPH Update. Penerbitan ini yang mengandungi maklumat Jabatan diedarkan ke semua pejabat JPPH melalui pos dan dimuat turun dalam myportal JPPH setiap tiga (3) bulan serta untuk kegunaan dalaman Jabatan sahaja.

Pada tahun 2014, empat (4) edisi Siaran JPPH telah dikeluarkan iaitu bagi tempoh Oktober hingga Disember 2013, Januari hingga Mac 2014, April hingga Jun 2014 dan Julai hingga September 2014.

**■ PENGURUSAN KUNJUNGAN/ LAWATAN TETAMU/ DELEGASI DARI DALAM DAN LUAR NEGARA.**

Sepanjang tahun 2014, BPK telah mengelolakan serta menguruskan kunjungan/ lawatan tetamu/ pegawai daripada tiga (3) organisasi dari dalam dan luar Negara. Antaranya ialah lawatan delegasi dari *Saudi Industrial Property Authority* (MODON), Lawatan Rasmi YB. Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan dan Lawatan *Malaysian Technical Corporation Programme* (MTCP).



# Bab 16

# Komunikasi Korporat

Komunikasi Korporat JPPH merupakan fungsi pengurusan yang meliputi pelbagai aspek, antaranya adalah perhubungan awam dan media, perkhidmatan khidmat pelanggan, publisiti, pengurusan aduan dan komunikasi dalaman. Usaha yang dilaksanakan melalui komunikasi korporat digunakan untuk mengukuh imej JPPH sebagai organisasi yang memberikan perkhidmatan penilaian dan perkhidmatan harta yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.

### PENGURUSAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, semua pejabat JPPH sentiasa memberi perhatian di dalam hal pengurusan perkhidmatan pelanggan terutama aspek menguruskan panggilan telefon, melayani pelanggan yang berurusan di kaunter, menguruskan sebarang pertanyaan, maklum balas dan aduan melalui laman web dan menyediakan maklumat Jabatan kepada pelanggan.

#### ■ PENGURUSAN PELANGGAN

- Layanan Telefon

Perkhidmatan telefon yang baik sentiasa dititikberatkan oleh pihak pengurusan JPPH. Semua pegawai dan staf perlu sentiasa merujuk kepada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008 untuk mendapatkan panduan bagaimana untuk menjawab telefon dengan baik. Cara pegawai dan staf melayan pelanggan dengan baik melalui telefon akan mencerminkan imej Jabatan.

- Perkhidmatan Kaunter

JPPH menyediakan kaunter urusan yang selesa di semua pejabat JPPH. Ketua Pejabat di setiap pejabat JPPH hendaklah memastikan kaunter sentiasa dijaga oleh Pegawai Khidmat Pelanggan ataupun pegawai lain secara bergilir-gilir. Kaunter di semua pejabat JPPH adalah dibuka pada waktu pejabat termasuk waktu rehat tengah hari untuk kemudahan orang awam. Satu borang soal selidik disediakan di setiap kaunter pejabat JPPH untuk mendapatkan maklum balas pelanggan. Laporan Kepuasan Pelanggan terhadap Perkhidmatan Kaunter dilaporkan pada setiap bulan ke Ibu Pejabat JPPH untuk tujuan pemantauan.

Semua pegawai dan staf JPPH sentiasa diingatkan supaya lebih proaktif, komited dan responsif dalam segala urusan yang melibatkan pelanggan dengan memberikan perkhidmatan yang cekap, mesra dan tepat.

#### ■ PENGURUSAN MAKLUMAT PELANGGAN

- Penyediaan Maklumat dan Perkhidmatan Secara *Online*

Laman sesawang JPPH telah dilancarkan pada tahun 2007. Sejak dari itu, bilangan pengunjung sentiasa bertambah dari hari ke hari. Menerusi laman sesawang ini pelanggan boleh mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan. Pelanggan boleh menyemak status penilaian kes Duti Setem, Pinjaman Perumahan dan Tukar Syarat di samping memuat turun borang-borang NAPIC serta laporan yang diterbitkan oleh Jabatan.

- Pengurusan Maklumat Pelanggan

JPPH mengumpul maklumat mengenai kehendak dan harapan pelanggan serta memantau tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Maklum balas pelanggan diperolehi melalui panggilan telefon menggunakan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan, memantau aduan, pertanyaan, cadangan dan maklum balas pelanggan yang diterima melalui Laman Web Jabatan, surat dan peti cadangan serta laporan media.

- Pengurusan Media

Pelaksanaan pengurusan media dibuat secara berterusan bagi maksud menjalinkan hubungan yang mantap. Sepanjang tahun 2014, pihak media telah membuat liputan akhbar mengenai beberapa aktiviti rasmi Jabatan termasuk Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2013. Di samping itu, wawancara juga telah diadakan untuk memberi pengetahuan am mengenai fungsi dan peranan JPPH dalam pembangunan negara. Antara liputan akhbar/wawancara ialah seperti di Jadual 16 -1:

Jadual 16 - 1: Senarai Liputan Akhbar/ Wawancara 2014

Liputan Akhbar/ Wawancara	Tarikh
<b>Sinar Harian</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Rumah terlalu mahal, apa puncanya?</li> <li>Hartanah di Kuala Terengganu mahal?</li> </ul>	14 September 2014 8 Oktober 2014
<b>Bernama</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Local property market expected to increase and stabilise in 2014</i></li> <li>Pasaran Hartanah Negara Tahun Ini Dijangka Meningkat, Stabil</li> </ul>	22 April 2014 23 April 2014
<b>New Straits Times</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li><i>ID tags for real estate negotiators</i></li> <li><i>Real estate market may see upswing next year</i></li> <li><i>Property market value expected to rise this year</i></li> </ul>	5 Mac 2014 5 Mac 2014 23 April 2014
<b>Utusan Malaysia</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Perunding hartaanah wajib pakai kod QR</li> <li>Pasaran hartaanah negara dijangka meningkat</li> <li>Hartanah di Kuala Lumpur termurah</li> <li>Kenaikan harga rumah agak perlakan</li> </ul>	5 Mac 2014 23 April 2014 30 April 2014 7 Oktober 2014
<b>Harian Metro</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Perunding hartaanah wajib guna pas khas</li> <li>Harga kediaman stabil</li> </ul>	5 Mac 2014 23 April 2014
<b>The Sun Daily</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li><i>News ID system for real estate negotiators</i></li> <li><i>Towards improving and professionalising</i></li> <li><i>Towards better industry standards</i></li> </ul>	5 Mac 2014 4 Julai 2014 24 November 2014
<b>The Star</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li><i>ID tags for registered real estate agents from May 1</i></li> <li><i>Stemming out illegal agents</i></li> </ul>	5 Mac 2014 26 Jun 2014
<b>Berita Harian</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Rumah mampu milik pacu hartaanah</li> <li>Guna tag pengenalan diri mulai Mei</li> <li>Pasaran hartaanah kekal stabil</li> </ul>	26 Februari 2014 5 Mac 2014 23 April 2014

#### ► Sinar Harian







■ **IMEJ, PUBLISITI DAN KOMUNIKASI KORPORAT**

Antara usaha yang telah diambil untuk mempromosikan JPPH termasuk:

- **Kenyataan Akhbar**
  - » Artikel - liputan khas dalam majalah berkaitan harta tanah
  - » Temuramah
  - » Liputan akhbar
- **Penerbitan Laporan**
  - » Laporan Tahunan JPPH
  - » Laporan Pasaran Harta
  - » Buletin JPPH
  - » Penerbitan Jabatan yang lain
- **Saluran Informasi Lain**
  - » Laman Web JPPH
  - » Taklimat pengenalan organisasi
  - » Lawatan kerja ke agensi lain
- **Imej Jabatan**
  - » Pakaian Korporat JPPH
  - » Lagu JPPH
  - » Logo JPPH
- **Jaringan Kerja**
  - » Kolaborasi penyelidikan/ latihan
  - » Majlis Rasmi Jabatan
  - » Penglibatan dalam pertubuhan profesional
  - » Pembentangan kertas kerja/ penyelidikan di peringkat tempatan dan antarabangsa
  - » Penganjuran persidangan/ simposium/ seminar antarabangsa
  - » Menyediakan dan menjalankan perkhidmatan perundingan untuk agensi dalam negara dan juga luar Negara

■ **KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN**

• **Pelanggan Dalaman**

Ibu Pejabat JPPH merupakan pusat pengurusan kewangan, pentadbiran, perkhidmatan dan teknikal kepada kesemua pejabat JPPH yang menjadi pelanggannya. Dengan itu, Kajian Kepuasan Pelanggan adalah dijalankan setiap dua (2) tahun sekali. Kajian telah dijalankan pada tahun 2014 dan telah dibentangkan semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-68. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui tahap perkhidmatan yang diberikan oleh Ibu Pejabat dan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan.

• **Pelanggan Luaran**

Kajian Kepuasan Pelanggan bagi pelanggan luaran adalah penting untuk melihat sejauh mana pelanggan berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh JPPH dan kelebihan serta kekurangan dapat dikenalpasti untuk menambahbaik perkhidmatan sedia ada. Memandangkan keperluan pelanggan adalah semakin meningkat, Ibu Pejabat telah mendapatkan maklum balas kepuasan pelanggan melalui beberapa saluran seperti edaran Borang Aduan/ Pertanyaan/ Maklum Balas/ Cadangan, Laman Web Jabatan, peti cadangan dan saluran lain supaya maklum balas dan jawapan sentiasa diterima dan dikaji.

• **Hari Bertemu Pelanggan**

Mekanisme Hari Bertemu Pelanggan membolehkan pihak JPPH mendengar aduan dan menyelesaikan masalah pelanggan selaras dengan dasar mesra rakyat kerajaan. Pada hari berkenaan, di samping mengadakan pameran mengenai perkhidmatan JPPH, pelanggan juga

dapat memperoleh perkhidmatan perundingan dan khidmat nasihat daripada pegawai dan staf Jabatan.

Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan semasa pameran yang mana tempat adalah seperti berikut:

- Kementerian Kewangan Malaysia pada 28 November 2014 bersempena Hari Terbuka Kementerian Kewangan Malaysia.
- JPPH Klang pada 14 November 2014 yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah/ Tanah Klang.

#### ■ LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA DAN AGENSI TEMPATAN

JPPH sering menerima kunjungan tetamu/ pelawat daripada delegasi luar negara dan agensi tempatan melalui program lawatan sambil belajar, amalan terbaik (best practice) dan standard perkhidmatan penilaian sering dijadikan penanda aras di samping menambah jaringan dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama. Pada tahun 2014, beberapa delegasi dari dalam dan luar negara telah membuat lawatan ke JPPH seperti di Jadual 16 - 3, 16 - 4 dan 16 - 5 yang berikut:

Jadual 16 - 5: Pelawat Ke Ibu Pejabat JPPH

Bil.	Tarikh	Lawatan/ Delegasi	Negara
1.	18 Jun 2014	<p><i>The Delegation From Saudi Industrial Property Authority (MODON).</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mr. Abdulhakeem Al-Aqeel, <i>Chairman off-Plan Sales Committee.</i></li> <li>• Mr. Rayan Abduljabbar, <i>Bussines Development Manager, Al Musarat For Contruction Co Ltd.</i></li> <li>• Mr. Abdullah Al-Duhaim, <i>General Secretary, Off-Plan Sales Committee.</i></li> <li>• Mr. Ahmad Salem Al-Kathiry, <i>Assistance Commercial Counsellor, Royal Embassy of Saudi Arabia Kuala Lumpur.</i></li> </ul>	Arab Saudi
2.	7 Ogos 2014	Lawatan Rasmi YB. Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan, Malaysia.	Malaysia
3.	22 Ogos 2014	Lawatan <i>Malaysian Technical Corporation Programme (MTCP).</i>	Mauritus, Azerbaijan, Uganda, Zambia, Zimbabwe, Lesotho, Malawi, Thailand, Brunei, Tanzania, Seychelles, Grenada, Cambodia, Turkey dan Indonesia
4.	11 Disember 2014	Lawatan Direktorat Jeneral Kekayaan Negara (DJKN)	Indonesia

Jadual 16 - 6: Pelawat Ke Institut Penilaian Negara (INSPEN)

Bil.	Tarikh	Lawatan/ Delegasi	Negara
1.	10 Januari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mr. Nelson Ng</li> </ul>	<i>International Relations Manager (South-East/ North Asia) QUT Science and Engineering Faculty Queensland University of Technology (QUT)</i>
2.	18 Mac 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Noor Alam bin Md Said</li> <li>• En. Mazelan bin Mustapa</li> <li>• En. Nasrul Hissam bin Ab Rahman</li> <li>• En. Azfaizan bin Ahmad Sarkawi</li> <li>• Pn. Nor Rahayu binti Ibrahim</li> <li>• Pn. Hasmonaliza bin Hassan Basari</li> <li>• En. Mohamed Nazrein bin Mohamed Salleh</li> <li>• Pn. Mufidah binti Mahfodz</li> <li>• Tn. Haji Zahari bin Zamlope</li> <li>• Pn. Norehan bintiOmar</li> </ul>	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
3.	8 April 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Azhar bin Abdul Razak</li> <li>• YBrs. Dr. Rohayu binti Abdul Majid</li> <li>• Sr Adzman Shah bin Mohd. Ariffin</li> <li>• Professor Peter Byrne Henley</li> <li>• Professor Dr. Chris Eves</li> </ul>	Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur Universiti Teknologi Mara (UiTM)
4.	29 April 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Professor Dr. Graeme</li> <li>• Professor Dr. Alastair Adair</li> <li>• YBhg. Dato' Mat Noor bin Nawi</li> <li>• Ms. Andrea Blake</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM)</li> <li>• Business School, University of Reading, United Kingdom</li> <li>• Queensland University of Technology, Australia</li> <li>• Newell University of Western Sydney, Australia</li> <li>• University of Ulster, Northern Ireland United Kingdom</li> <li>• Kementerian Kewangan, Malaysia</li> <li>• Queensland University of Technology, Australia</li> </ul>
5.	18 Jun 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mr. Alexander Sagaydau</li> <li>• Mr. Adward Av</li> <li>• Mr. Simon Kwok</li> <li>• Mr. Siwon Ironside</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Russia</li> <li>• Hong Kong Institution of Surveyors</li> <li>• New Zealand</li> </ul>

Bil.	Tarikh	Lawatan/ Delegasi	Negara
6.	22 Ogos 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Sharifah Ezneeda Wafa binti Syed Mohd Zulkarnain Wafa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian Luar Negeri</li> </ul>
7.	18 Ogos-12 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ms. Fuzianah Hj Shamsudin</li> <li>• Mr. Aureus Severin Mbele</li> <li>• Ms. Chantal Renaud</li> <li>• Mr. Thaddeus Charles</li> <li>• Mr. Sam Moeung</li> <li>• Ms. Anung Sita Pratiwi</li> <li>• Mr. Nafiantoro Agus</li> <li>• Mr. Hardi Sumaryadi</li> <li>• Mr. Rishiraj Keenoo</li> <li>• Mr. Rashad Ablasanov</li> <li>• Ms. Rumanyika Phionah</li> <li>• Mr. Paul Moyo</li> <li>• Mr. David Kampeshi</li> <li>• Mrs. Rejoice</li> <li>• Mr. Tsepo Lefeela Putsoa</li> <li>• Ms. Elizabeth Tizola</li> <li>• Mr. Danand Jaovisidha</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam</li> <li>• Ministry of Local Government Tanzania</li> <li>• Lands Section Ministry of Lands, Use &amp; Housing Independence House, Victoria Seychelles</li> <li>• Ministry of Finance Inland Revenue Department Grenada</li> <li>• General Department of State Property &amp; Non-Tax Revenue Cambodia</li> <li>• Kantor Pelayanan Kekayaan Negara dan Lelang Semarang Indonesia</li> <li>• Direktorat Penilaian DJKN, Indonesia</li> <li>• Valuation Department Mauritius</li> <li>• The State Committee on Property Issues Azerbaijan</li> <li>• Ministry of Lands, Housing &amp; Urban Development Uganda</li> <li>• Government Valuation Department Zambia</li> <li>• Government Valuation Department Zambia</li> <li>• Makombe Government Building, Harare Zimbabwe</li> <li>• TL Properties Lesotho</li> <li>• Ministry of Lands, Housing and Urban Development Malawi</li> <li>• Revenue Department, Ministry of Finance Thailand</li> </ul>

Bil.	Tarikh	Lawatan/ Delegasi	Negara
8.	18 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBrs. Dr. Victor S L Tan</li> <li>• YBhg. Dato' Abdul Samad Mohamed @ Mohd Dom</li> <li>• YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Mohd Ismail Marican</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KL Strategic Change Consulting Group</li> <li>• NCB Holdings Berhad</li> <li>• Kementerian Kesihatan Malaysia</li> </ul>
9.	12-18 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mr. Ari Susanto</li> <li>• Mr. Heri Supriyanto</li> <li>• Mr. Salman Paris Muda</li> <li>• Mrs. Rini Sulistiasari</li> <li>• Mr. Ahmad Fauzi</li> <li>• Mr. Suprapno</li> <li>• Mr. Darmawan Dwi Atmoko</li> <li>• Mr. Murtaji</li> <li>• Mrs. Emmy Hermiati Usman</li> <li>• Mr. Edih Mulyadi</li> <li>• Mrs. Nuning S.R. Wulandari</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ministry of Finance of the Republic of Indonesia</li> </ul>

Jadual 16 - 7: Pelawat Ke Pejabat JPPH

Bil.	Tarikh	Lawatan/ Delegasi	Pejabat JPPH
1.	27 Januari 2014	Unit Pengurusan Psikologi, Kementerian Kewangan, Malaysia.	JPPH Negeri Johor
2.	3 - 5 Februari 2014	Pegawai pasukan Audit Naziran ETerimaan dari Jabatan Audit Negara Cawangan Kota Kinabalu, Sabah.	JPPH Negeri Sabah
3.	5 Februari 2014	Kunjung hormat pegawai dari PRIMA iaitu En. Mohd Faizuri bin Husain, Assistant Vice President Land & Survey; En. Khuzhairi bin Ahmad Suhaimi, Associate, Land & Survey.	JPPH Negeri Sabah/ Kota Kinabalu
4.	13 Februari 2014	Kunjung hormat ahli RISM cawangan Sabah seramai 20 orang yang diketuai oleh Pn. Sr Catherine Yen Sie Fui, Pengurus Sabah Branch.	JPPH Negeri Sabah
5.	30 April 2014	Kunjung hormat oleh Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Sabah (LPPKN).	JPPH Negeri Sabah
6.	12 Ogos 2014	Lawatan Pelajar UiTM Perak.	JPPH Melaka
7.	21 - 22 Ogos 2014	Lawatan dan Audit oleh Naziran Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (Espkb), Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sabah.	JPPH Negeri Sabah/ Kota Kinabalu
8.	27 Ogos 2014	Lawatan Pengauditan, Bahagian Audit Dalam Perpendaharaan (ADP).	JPPH Negeri Sabah/ Kota Kinabalu
9.	5 September 2014	Lawatan <i>Malaysian Technical Corporation Programme (MTCP)</i> .	JPPH Melaka
10.	15 September 2014	Kunjung hormat ahli RISM Cawangan Sabah iaitu Pn. Sr Catherine Yen Sie Fui dan Sr Peter Yapp.	JPPH Negeri Sabah
11.	17 November 2014	Kunjung hormat oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Cawangan Sabah (SPRM).	JPPH Negeri Sabah
12.	25 November 2014	Lawatan sambil belajar oleh Pelajar Program Ijazah Sarjana muda Pengurusan Hartanah, Jabatan Pengurusan Hartanah, UiTM, Perak yang diketuai oleh Dr. Hairul Nizam bin Mansor	JPPH Taiping
13.	1 Disember 2014	Lawatan rasmi oleh YBhg. Datuk Zaini bin Md Nor, Pengurus Besar Yayasan Melaka.	JPPH Melaka



# **Bab 17**

## **Bahagian**

# **Integriti dan Audit Teknikal**

Selaras dengan Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengkehendaki Unit Integriti ditubuhkan di semua agensi awam, Bahagian Audit Teknikal telah berubah nama kepada Bahagian Integriti dan Audit Teknikal (BIAT) berkuatkuasa 1 Januari 2014.

#### ■ FUNGSI UTAMA

Fungsi Bahagian Integriti dan Audit Teknikal (BIAT) adalah bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas bagi menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi sistem penyampaian Jabatan.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya, lima (5) fungsi teras telah diletakkan di bawah tanggungjawab BIAT yang merangkumi perkara yang berikut:

1. **Tabir Urus**

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

2. **Pengukuhan Integriti**

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

3. **Pengesanan dan Pengesahan**

- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta perlanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

4. **Pengurusan Aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

5. **Pematuhan**

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Bahagian Integriti dan Audit Teknikal (BIAT) merupakan suatu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif bagi menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi JPPH dan untuk memastikan *Standard Operating Procedure* (SOP) Jabatan dibudayakan dan dihayati bertujuan untuk memantapkan prinsip integriti dan akauntabiliti.

Objektif BIAT adalah untuk membantu jabatan mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematis dan berdisiplin, menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus, di samping membendung salah laku, penyelewengan dan penipuan serta pelanggaran tatalaku dalam proses kerja yang boleh menggugat integriti dan imej Jabatan.

#### ■ BIDANG TUGAS

Bidang tugas BIAT adalah seperti berikut:

1. Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem/ proses kerja dalam perkhidmatan penilaian, sistem kewangan serta kawalan dalam organisasi.
2. Mengkaji tahap pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan dan panduan yang berkuatkuasa.
3. Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cepat dan berkesan.
4. Memberi nasihat/ pandangan mengenai kawalan dalam terhadap semua sistem.
5. Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
6. Melaporkan kepada pihak pengurusan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan.
7. Melaksanakan pengurusan aduan dan menyediakan Laporan Aduan bulanan kepada pihak kementerian dan pihak pengurusan.

8. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
9. Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk pihak pengurusan.

#### ■ JENIS PENG AUDITAN

Jenis Audit Dalam yang dijalankan seperti berikut:

##### ► Audit Dalaman Teknikal

- Pemeriksaan terhadap proses kerja yang dijalankan dalam menyediakan penilaian harta tanah untuk menentukan pematuhananya kepada perundangan, peraturan dan panduan yang berkuatkuasa dan berkaitan.
- Pemeriksaan terhadap pengurusan unit teknikal yang berkaitan dengan penyenggaraan dan pengurusan kerja peta, fail teknikal dan kemasukan data serta memastikannya mematuhi peraturan dan panduan yang ditetapkan.

##### ► Audit Dalaman Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus

- Pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.
- Pemeriksaan terhadap proses dan prosedur kerja pentadbiran/ perkhidmatan dan kawalan dalaman termasuk pengurusan aset dan stor serta penggunaan kenderaan mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

#### ■ PELAKSANAAN KERJA

Kerja Audit Dalam meliputi perancangan pengauditan, pemeriksaan, penilaian maklumat dan penyampaian hasil yang diperolehi. Tindakan yang diambil bagi pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- Merancang dengan teliti setiap kerja pengauditan.
- Mengumpul, menganalisa, menterjemah dan mendokumenkan maklumat untuk menyokong hasil pengauditan.
- Melaporkan hasil kerja pengauditan.
- Mengambil langkah susulan untuk memastikan tindakan diambil ke atas hasil laporan audit.

Bagi meningkatkan lagi kualiti dan pemantapan prestasi pejabat-pejabat JPPH, BIAT berharap agar integriti, polisi, arahan, pekeliling dan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan untuk pengurusan pejabat dan sistem penyampaian Jabatan menepati piawaian sepertimana garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi serta menjadi *Standard Operating Procedure (SOP)* JPPH yang dibanggakan di samping bertujuan supaya JPPH menepati apa yang dijanjikan kepada pelanggan dan *stakeholders* sebagaimana pernyataan misi dan visi.

SOP Jabatan adalah berdasarkan Amalan Standard Penilaian (ASP), Buku Arahan JPPH dan pekeliling ikhtisas, Arahan Perbendaharaan dan Arahan Pentadbiran sekiranya dapat dibudayakan dan dihayati sebaik mungkin, perkara ketakakuran dapat dikurangkan.

#### ■ KURSUS AUDIT DALAM KUALITI TEKNIKAL

BIAT telah mengendalikan program latihan Kursus Audit Dalam Kualiti Teknikal anjuran Institut Penilaian Negara (INSPEN) pada Jun 2014 dan kursus berkenaan akan diteruskan pada setiap tahun. Seramai 25 peserta daripada 20 pejabat JPPH telah menghadiri kursus berkenaan dengan jayanya.

Kumpulan sasaran yang dicadangkan terdiri daripada pegawai berjawatan Gred W41 hingga W48 atau Gred W27 hingga W36 yang merupakan pegawai kanan di pejabat Pengarah Penilaian Negeri (PPN) dan Penilai Daerah (PD) yang berpengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun yang dicadangkan/ dilantik oleh PPN atau PD bagi pejabat masing-masing.

Objektif kursus berkenaan ialah supaya peserta dapat pengetahuan berkaitan audit teknikal yang dijalankan dan dapat membantu PPN mewujudkan dan mengukuhkan Unit Audit Dalaman peringkat Negeri dalam mempertingkatkan tahap operasi sistem penyampaian Jabatan serta memastikan keberkesanan sistem/proses kerja penilaian di dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan.

Objektif kursus adalah seperti berikut:

- Keperluan audit dalaman
- Memahami konsep dan prinsip audit dalaman
- Proses dan prosedur audit dalaman

Menjadi tanggungjawab Pengarah Penilaian Negeri (PPN) mewujudkan pasukan audit dalam bagi pejabat masing-masing. Hasil dari pengendalian kursus audit berkenaan, beberapa negeri telah mewujudkan pasukan audit dalam masing-masing iaitu negeri Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Pahang.

BIAT berharap setiap pejabat PPN atau pejabat PD akan mencalonkan seorang pegawai sebagaimana disasarkan dengan tujuan mempertingkatkan pengetahuan tentang objektif dan fungsi audit teknikal di kalangan semua lapisan pegawai di JPPH.

#### ■ AKTIVITI AUDIT DALAMAN TEKNIKAL

Pada tahun 2014, BIAT telah melaksanakan kerja pengauditan bagi pusingan ketiga dan keempat melibatkan 16 pejabat JPPH di seluruh Malaysia termasuk satu (1) lawatan audit susulan sebagaimana dipaparkan dalam jadual di bawah.

Di dalam beberapa siri lawatan kerja pengauditan, pasukan BIAT juga telah diiringi bersama oleh Tn. Hj. Faizan bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) sebagai Ketua Naziran dalam lawatan rasmi (teknikal) beliau ke beberapa pejabat JPPH yang terpilih.

Jadual 17-1 : Lawatan Pusingan Ke-3 dan Ke-4 Tahun 2014

Bil.	Pejabat JPPH	Tarikh Lawatan Audit
1	JPPH Batu Pahat	7 - 9 Januari 2014
2	JPPH Taiping	21- 23 Januari 2014
3	JPPH Bandar Baru Bangi	4 - 6 Februari 2014
4	JPPH Jerteh	25 - 27 Februari 2014
5	JPPH Jempol	11 - 13 Mac 2014
6	JPPH Miri	25 - 27 Mac 2014
7	JPPH Seremban	15 - 17 April 2014
8	JPPH Alor Setar	10 - 12 Jun 2014
9	JPPH Seberang Perai	24 - 26 Jun 2014
10	JPPH Temerloh	5 - 7 Ogos 2014
11	JPPH Teluk Intan	19 - 21 Ogos 2014
12	JPPH Raub	23 - 25 September 2014
13	JPPH Sungai Petani	30 September - 2 Oktober 2014
14	JPPH Kota Kinabalu	14 - 16 Oktober 2014
15	JPPH Sandakan	11 - 13 November 2014

Jadual 17-2: Lawatan Audit Susulan Tahun 2014

Bil.	Pejabat JPPH	Tarikh Lawatan Audit Susulan
1	JPPH Ipoh	14 -16 Mei 2014

#### ■ PEMERHATIAN AUDIT DALAMAN TEKNIKAL

Hasil penemuan audit di pejabat JPPH yang diaudit sehingga akhir tahun 2014, BIAT mendapati masih ada beberapa perkara yang tidak diambil perhatian serius atau tidak dilaksanakan seperti berikut:

- Pendaftaran fail kes Duti Setem melalui STAMPS masih tidak dikendalikan dengan sempurna yang mana masih terdapat pejabat JPPH yang tidak mengikut tarikh penerimaan berdasarkan tarikh LHDN *upload* sebelum jam 4.30 petang dalam tempoh waktu bekerja apabila di *download* oleh pejabat JPPH.
- Masih terdapat penghantaran laporan nilai yang dilakukan melebihi tempoh 24 jam (1 hari) daripada tarikh diklik siap dalam VIS.
- Masih terdapat Tarikh Nilaian semasa yang diisi tidak tepat iaitu tidak mengikut tarikh lawat periksa.
- Teguran ketakakuran pengisian maklumat harta tanah dalam Borang JPPH/T/3B/VIS secara lengkap tidak diambil peduli oleh sesetengah pegawai dan staf JPPH.
- Modul *despatch* di VIS (Pemantauan Sistem Penyampaian) masih tidak dilaksanakan dengan menyeluruh.
- SPPDS tidak dilaksanakan sepenuhnya dan sebahagian pejabat JPPH hanya menumpu kepada harta jenis perumahan sahaja.
- Pendaftaran dan kemasukan data kes-kes pindahmilik Bukan Nilaian JPPH (kod 7,8, A dan B) masih tertunggak di kebanyakan pejabat.
- *Backlog* atau tunggakan bagi siap lot (assignment) dalam GIS masih banyak (kecuali bagi pejabat JPPH di Sabah dan Sarawak yang tidak memiliki pelan digital).
- Merekod dan mendaftar perkara dikelaskan SULIT khususnya bagi kes SULIT, didapati tidak dilaksanakan sebagaimana ditetapkan. Prosedur pendaftaran dan proses pelaksanaan bagi kes-kes sulit hendaklah dipatuhi bagi menjamin keselamatan kebocoran maklumat dan integriti Jabatan.

#### ■ PEAKSANAAN PENARAFAN BINTANG

Pelaksanaan Penarafan Bintang (Star Rating) ke atas pejabat JPPH yang diaudit yang mana ianya mula dilaksanakan melalui lawatan audit mulai Oktober 2012 hendaklah dianggap sebagai satu inisiatif dalam memberikan suntikan semangat kepada semua pejabat JPPH di seluruh negara untuk meningkatkan kualiti kerja penilaian agar selari dengan kehendak jabatan.

Objektif pelaksanaan Penarafan Bintang seperti yang berikut:

- Menilai dan mengukur prestasi pejabat JPPH melalui audit teknikal bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang.
- Memberi pengiktirafan kepada pejabat JPPH yang telah menunjukkan tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul.
- Memberi publisiti yang meluas mengenai dasar, strategi, pengurusan kualiti serta amalan terbaik yang telah membawa kejayaan kepada organisasi.
- Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pejabat JPPH dalam mengamalkan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Antara kriteria yang diambilkira dalam pemberian bintang berkenaan seperti yang berikut:

- Keberkesanan Sistem Penyampaian
- Pencapaian Kualiti Teknikal
- Integriti Dalam Mengendalikan Kes Penilaian (khususnya berkaitan had kuasa melapor)
- Pengisian Data atau Maklumat pada Medan VIS
- Sistem Pengurusan/ Pengesanan Fail Pejabat

Pencapaian cemerlang lima (5) bintang akan memberikan kelebihan kepada pejabat berkenaan dari segi giliran untuk berada di giliran terakhir untuk diaudit bagi pusingan seterusnya. Bagi pejabat yang mencapai penarafan tiga (3) bintang ke bawah, satu audit susulan (audit follow-up review) akan dilaksanakan selepas enam (6) bulan daripada tarikh audit dijalankan.

#### ■ AKTIVITI AUDIT DALAMAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN TADBIR-URUS

Mulai Mac tahun 2014, pasukan BIAT telah melaksanakan Audit Dalaman Pengurusan Kewangan dan Tadbir-Urus ke atas sembilan (9) pejabat JPPH. Jadual lawatan berkenaan adalah seperti di jadual 17-3.

Jadual 17-3: Lawatan Audit Kewangan dan Tadbir-Urus

Bil.	Pejabat JPPH	Tarikh Lawatan Audit
1	JPPH Jempol	11 - 13 Mac 2014
2	JPPH Seremban	8 - 10 April 2014
3	JPPH Ipoh	13 - 16 Mei 2014
4	JPPH Alor Setar	10 - 12 Jun 2014
5	JPPH Seberang Perai	24 - 26 Jun 2014
6	JPPH Teluk Intan	19 - 21 Ogos 2014
7	JPPH Raub	23 - 25 September 2014
8	JPPH Sungai Petani	30 September - 2 Oktober 2014
9	JPPH Sandakan	11 - 13 November 2014

Pejabat JPPH diaudit mengikut Senarai Semak Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran yang diberikan tujuh (7) hari sebelum pasukan audit dijadualkan tiba di pejabat berkenaan.

#### ■ PENEMUAN AUDIT DALAMAN KEWANGAN DAN TADBIR-URUS

Berdasarkan audit dalaman yang telah dijalankan ke atas pejabat JPPH yang tersebut di atas, terdapat beberapa penemuan ketakakuran masih berulang di pejabat JPPH. Hasil penemuan tersebut adalah seperti berikut:

- Pengurusan Kewangan
  - a. Penyalahgunaan Kad Pintar. Pengguna Kad Pintar adalah pengguna yang tidak sah.
  - b. Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan sekali.
  - c. Salinan dokumen sokongan tidak dicop ‘SALINAN DIAKUI SAH’ lengkap dengan tandatangan, nama dan jawatan pegawai yang diberikuasa pada setiap muka surat yang berkaitan.
  - d. Baucar bayaran bagi tahun semasa lewat dibuat pembayaran selepas 14 hari invois/ bil diterima berdasarkan kepada Laporan BV342 dan BV343.
  - e. Sijil Perakuan Panjar tidak dilampirkan bagi rekupmen terakhir Panjar Wang Runcit tahun semasa.

- f. Baucar bayaran bagi rekupmen Panjar Wang Runcit tidak diselenggarakan dengan betul, Kew. 50-Pin. 1/80 atau resit tidak dicop dan disahkan oleh pegawai yang telah diberi kuasa atas urusan rasmi kerajaan.
- g. Perakuan pada pesanan tempatan yang tidak lengkap kerana ia tidak ditandatangani oleh Jabatan.
- h. Terdapat tuntutan perjalanan tidak dikemukakan pada atau sebelum 10 haribulan bulan berikutnya.
- i. Kenyataan tuntutan perjalanan bercanggah dengan arahan tugas.
- j. Baucar bayaran tidak diselenggarakan dengan betul, invois pembekal tidak bertarikh dan tidak sama dengan tarikh di baucar bayaran.
- k. Surat arahan bagi waran perjalanan udara awam tidak disertakan, salinan dokumen tidak disahkan dan tiada cop ‘TELAH BAYAR’ pada baucar waran perjalanan udara awam.
- l. Tiada cop ‘TARIKH TERIMA KEWANGAN’ pada baucar bayaran tuntutan perjalanan dan tuntutan bantuan caj panggilan pemandu.
- m. Tiada pemeriksaan dan semakan harian pada Buku Tunai Cerakinan (Laporan TK100).
- n. Tiada pemeriksaan dan semakan harian pada Laporan Buku Vot (BV381).
- o. Tiada pemeriksaan dan semakan harian pada Laporan Daftar Bil (BV340).
- p. Surat Kelulusan Asal dan Waran Peruntukan Asal dari Ibu Pejabat JPPH tidak dilampirkan dengan waran peruntukan yang dibuat.
- q. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem adalah tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.
- r. Pemerhatian audit mendapati baucar yang diperaku terdiri dari pegawai peraku dan penerima bayaran yang sama.
- Pengurusan Pentadbiran
  - a. Pembukaan fail tidak dilengkapkan mengikut prosedur pengurusan pembukaan fail.
  - b. Aset dan barang stor tidak diletakkan dan disimpan di tempat yang selamat/ sesuai.
  - c. Tiada nombor rujukan diwujudkan pada Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW. PS-1.
  - d. Borang Terimaan Barang-Barang tidak ditandatangan oleh Pegawai Penerima dan Pegawai Pengesah.
  - e. Borang Senarai Aset Alih Kerajaan Kew. PA-7 tidak lengkap ditandatangan oleh pegawai pengesah.
  - f. Jenis barang yang dipinjam tidak dispesifikasikan dengan betul dan tiada semakan daripada Ketua Jabatan di setiap pergerakan Harta Modal dan Inventori (Kew. PA-6).
  - g. Nombor Permohonan dan Nombor Rujukan Kad petak tidak direkod. Pegawai Stor juga tidak menurunkan tandatangan dan tarikh di Kew. PS-11.
  - h. Buku log kenderaan tidak dikemaskini dan sebahagiannya tidak disahkan.
  - i. Cerakinan penggunaan bahan api tidak dilakukan.
  - j. Salinan keratan asal buku log tidak disimpan di pejabat.
  - k. Resit pembelian minyak tidak disahkan oleh Pegawai Kenderaan.
  - l. Tiada rekod menunjukkan kenderaan diservis mengikut tempoh yang ditetapkan serta tiada rekod dalam fail kenderaan dan Buku Log.

- m. Senarai Tugas dan Fail Meja Pegawai Aset tidak dikemaskini berkaitan tugas dan tanggungjawabnya. Pegawai Aset perlu memastikan Fail Meja lengkap dan dikemaskini serta menyenaraikan tugas Pegawai Aset dengan terperinci.
- n. Terdapat aset yang tidak diberi tanda pengenal bagi menunjukkan “Hak Kerajaan Malaysia” dan Kementerian/ Jabatan. Beberapa aset juga tidak ditanda dengan nombor siri pendaftaran.

Kesemua pejabat JPPH yang telah dilawati disarankan untuk membuat penambahbaikan supaya kesilapan yang sama tidak berulang. Pejabat berkenaan sudah mengambil maklum semua teguran tersebut dan memberi maklum balas mengenai penambahbaikan yang telah dibuat.

Ketidakakuruan dan ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan boleh diperbaiki dan diatasi dengan penyeliaan yang rapi terhadap proses kelulusan yang dilaksana oleh pegawai bawahan yang kurang mahir dalam peraturan kewangan.

Dengan latihan yang sistematik, dijangka masalah ini dapat diatasi dengan sewajarnya. Di samping itu juga, Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja perlu dikemaskini berdasarkan Jawatan dan Gred mengikut keperluan Jabatan.

#### ■ PENGURUSAN ADUAN/ PERTANYAAN/ MAKLUM BALAS/ CADANGAN

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Integriti dan Audit Teknikal (BIAT) telah ditubuhkan berkuatkuasa 1 Januari 2014. Salah satu fungsi teras Bahagian ini adalah Melaksanakan Pengurusan Aduan. Oleh itu, bermula pada 3 Mac 2014, Bahagian ini telah mengambil alih dan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan aduan yang sebelum ini dikendalikan oleh Bahagian Perancangan Korporat (BPK).

Walau bagaimanapun, BPK masih mengendalikan statistik berkenaan penghantaran Laporan Aduan Awam Mengikut Kategori yang diterima dari Pejabat JPPH. Ini adalah kerana laporan yang dihantar adalah bersekali dengan Laporan Hasil Penemuan Kepuasan Pelanggan Bagi Perkhidmatan Kounter (JPPH/P/58) dan Pelaporan Program Hari Bertemu Pelanggan. Sekiranya terdapat Aduan Awam dari pejabat JPPH yang diterima oleh BPK, ia akan disalurkan kepada BIAT untuk tindakan selanjutnya.

Bagi meningkatkan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan kepada pelanggan, setiap Jabatan dikehendaki memberi respon terhadap aduan yang diterima dalam tempoh masa tiga (3) hari bekerja atau 72 jam.

Oleh yang demikian, Jabatan mengambil iktibar untuk menguruskan perkhidmatan dan pengendalian aduan dengan lebih teratur demi mewujudkan sistem rekod dan pemantauan yang berkesan dan berterusan.

Saluran aduan adalah melalui Laman Sesawang JPPH, Biro Pengaduan Awam, Portal Laman Interaktif E-Government, akhbar, peti cadangan Jabatan, surat pos dan melalui program JPPH Bersama Pelanggan. JPPH peka dan sentiasa membuat pengesanan berita terhadap aduan, *Letter to the Editor* serta laporan akhbar yang berkaitan dengan Jabatan dan profesion penilaian.

Berdasarkan aduan/ pertanyaan yang diterima oleh BIAT melalui laman web, e-mel dan mobile bagi tahun 2014, didapati tidak terhad kepada urusan JPPH tetapi banyak juga melibatkan agensi lain.

Walau bagaimanapun, pihak BIAT telah mengambil tindakan proaktif lanjutan dari polisi ‘No Wrong Door Policy’ dengan memberi maklum balas terhadap semua aduan/ pertanyaan yang dikemukakan termasuk menyatakan alamat/ portal agensi berkenaan yang boleh dihubungi serta salinan kepada (s.k.) agensi berkaitan untuk makluman dan tindakan lanjut. Kesemua aduan/ pertanyaan telah selesai dijawab 100%.

Jadual 17-4: Tempoh Respond/ Maklum Balas Terhadap Aduan/ Pertanyaan Mengikut Pecahan Kategori Aduan/ Pertanyaan Berkenaan.

Jenis	Tempoh Respond/ Jawapan		Jumlah
	Dalam Tempoh 0 - 3 Hari	Dalam Tempoh Lebih Dari 3 Hari	
Aduan	20	2	22
Pertanyaan	148	10	158
Maklum Balas	0	0	0
Cadangan	0	0	0
Pujian	1	0	1
Jumlah	169	12	181
Prestasi Pencapaian	93.4%	6.6%	100%

Setiap warga JPPH diingatkan bahawa setiap maklum balas dan teguran yang diberikan adalah untuk kebaikan bersama dan hendaklah dianggap sebagai motivasi bagi meningkatkan mutu perkhidmatan secara berterusan dalam mencapai Misi dan Visi Jabatan.

#### ■ PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN INTEGRITI

Bulan November 2014, merupakan Bulan Integriti Kementerian Kewangan Malaysia. Bersempena dengan itu, BIAT telah telibat secara langsung dalam mengendalikan Pertandingan Berbalas Pantun Integriti sebagai Urus setia bagi agensi di bawah Kementerian Kewangan.

Pusingan awal pertandingan berbalas pantun ini telah diadakan pada 18 November 2014, manakala pusingan akhir pada malam penutup Sambutan Bulan Integriti pada 28 November 2014.

Agensi di bawah Kementerian Kewangan yang mengambil bahagian ialah Perbendaharaan, Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara (BNM) dan Lembaga Perbadanan Langkawi (LADA). JPPH telah menghantar dua (2) kumpulan bagi menyertai dan memeriahkan pertandingan berbalas pantun tersebut.

Bagi memeriahkan pertandingan pihak urus setia BIAT telah mengundang seorang selebriti yang terkenal iaitu pelawak ABON sebagai Juru Pantun jemputan. Johan Pertandingan Berbalas Pantun Integriti telah dimenangi oleh Bank Negara Malaysia manakala JPPH telah mendapat Naib Johan.



# Bab 18

# Pengurusan Kualiti

**S**ebagai sebuah organisasi yang dinamik, Jabatan sentiasa melakukan perubahan kearah peningkatan kualiti dan peka terhadap trend pembangunan dan kehendak *stake holder*. Usaha ke arah pencapaian kualiti amat dititikberatkan.

Oleh itu, JPPH sentiasa melakukan pelbagai usaha untuk berada di barisan hadapan dalam bidang kepakarannya dengan mengkaji semula perancangan, pelaksanaan, penyelarasaran dan penilaian bagi setiap aktiviti teras.

JPPH mengambil iktibar dari seruan kerajaan untuk menguruskan semua kerja secara cekap, mengurangkan karenah birokrasi yang melambatkan sesuatu proses dan memberi perhatian kepada keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Prosedur dan peraturan yang sedang diguna pakai dalam proses kerja penilaian dikaji semula selaras dengan peredaran masa supaya lebih tepat, efektif dan relevan. Perancangan Strategik Jabatan dan semua tindakan yang diambil menjurus kepada hasrat JPPH menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia.

#### ■ PELAN STRATEGIK JPPH

Pelan Strategik JPPH telah berkuatkuasa pada 1 Oktober 2008. Pelan Strategik ini menyatakan semula visi Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2015. Seterusnya, beberapa objektif, strategi dan pelan tindakan dibentuk bagi mencapai visi Jabatan.

#### ■ PELAN TRANSFORMASI JPPH

Pelan Trasformasi JPPH mula diperkenalkan pada Mei 2014 yang mana objektifnya adalah merancang hala tuju strategik dan transformasi Jabatan dalam meningkatkan perkhidmatan bertaraf kelas pertama serta berupaya bersaing di peringkat antarabangsa. Proses transformasi ini akan dilaksanakan secara strategik melalui pelan tindakan yang berstruktur, terancang, berfokus dan dibincangkan di semua peringkat.

#### ■ PERHIMPUNAN PAGI

Perhimpunan pagi diadakan pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan. Lagu Negaraku, Lagu Wilayah Persekutuan dan Lagu JPPH dinyanyikan di Ibu Pejabat JPPH, diikuti dengan bacaan doa, lafadz ikrar perkhidmatan awam dan diakhiri dengan amanat Ketua Pengarah Penilaian. Perhimpunan ini adalah satu cara untuk memupuk budaya kerja cemerlang, memperkuuhkan nilai-nilai murni dan juga memberi makluman terhadap perkara penting yang berlaku di Jabatan.

Amanat Ketua Pengarah Penilaian yang diminitkan juga disalurkan melalui e-mel dan juga dimuat naik ke dalam portal Jabatan pada hari yang sama supaya mesej beliau dapat disampaikan kepada semua pegawai dan staf JPPH di seluruh Negara. Pada tahun 2014, sebanyak tiga (3) kali perhimpunan pagi telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat.

#### ■ PERSIDANGAN PENGARAH DAN PENILAI DAERAH JPPH

Persidangan ini yang dihadiri oleh semua Pengarah, Penilai Daerah dan Pegawai Kanan Jabatan diadakan dua (2) kali setahun. Persidangan ini diadakan adalah untuk merancang strategi pelaksanaan aktiviti teras Jabatan, membentangkan kertas kerja, membincangkan masalah yang dihadapi serta memutuskan penyelesaiannya dan memantau aktiviti serta prestasi kerja bagi seluruh Jabatan. Seterusnya, persidangan ini juga menyelaraskan aktiviti kualiti dan produktiviti Jabatan.

#### ■ MESYUARAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI

Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri diadakan pada hari Isnin minggu kedua setiap bulan dan tumpuan mesyuarat ini adalah untuk memantau prestasi kes penilaian JPPH berdasarkan Piagam Pelanggan, memantau prestasi pengurusan kewangan pejabat JPPH, melaporkan prestasi latihan pegawai dan staf serta laporan kemajuan kerja penyelidikan di pejabat JPPH. Mesyuarat ini juga membincangkan hal pentadbiran dan aduan pelanggan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian ini terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEK dan Pengarah NAPIC.

#### ■ MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal diadakan dua (2) kali setahun dan ahli mesyuaratnya terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN, Pengarah NAPIC dan Penilai Daerah. Mesyuarat ini membincangkan isu dan masalah teknikal berkaitan amalan kerja penilaian.

#### ■ PEKELILING JABATAN

Dari semasa ke semasa, pekeliling Jabatan dikeluarkan untuk memberi arahan kerja dan panduan serta menyeragamkan prosedur kerja, menetapkan had kuasa melapor bagi pegawai teknikal dan sebagainya.

#### ■ MANUAL PROSEDUR KERJA

Manual Prosedur Kerja adalah sebuah dokumen rujukan bagi peringkat Jabatan yang mengandungi fungsi dan objektif rasmi pejabat, prosedur kerja yang jelas serta pegawai dan staf yang bertanggungjawab melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Dokumen ini juga adalah dokumen rujukan utama yang membantu pegawai dan staf berfungsi dengan cekap dan berkesan. JPPH atas usahanya sendiri telah menyediakan Manual Prosedur Kerja (Buku Kuning) JPPH sejak tahun 1976. Kini, Buku Arahan JPPH (Buku Hijau) Edisi Ke-6 dalam sirinya yang diterbitkan dan dilancarkan pada 3 Jun 2014 adalah digunakan oleh semua pegawai dan staf JPPH.

#### ■ FAIL MEJA

Fail Meja ialah dokumen rujukan peringkat individu mengikut perjawatan. Fail meja mengandungi carta Jabatan yang menunjukkan kedudukan pegawai atau staf berkenaan dalam pejabatnya, objektif Jabatan dan Bahagian yang mana pegawai dan staf berkenaan ditempatkan serta prosedur kerja yang terlibat dengan jawatan pegawai atau staf berkenaan. Berpandukan Fail Meja, pegawai atau staf dengan jelasnya dapat mengetahui arah tuju Jabatan dan peranan yang perlu dilaksanakan serta mempunyai garis panduan yang lengkap bagi menjalankan kerja dengan cekap dan sempurna.

Fail Meja pegawai dan staf JPPH dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut senarai tugas dan sasaran kerja tahunan yang sentiasa diubahsuai mengikut keperluan.

#### ■ AMALAN STANDARD PENILAIAN

Amalan Standard Penilaian merupakan Manual Kerja Teknikal JPPH. Manual ini memberikan garis panduan yang terperinci mengenai proses kerja penilaian bagi setiap jenis kes yang dinilai. Ia juga meliputi semua amalan dan standard profesional untuk menjamin amalan kerja yang konsisten dan seragam bagi menghasilkan kerja yang berkualiti.

Amalan Standard Penilaian juga dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan sejak ia diterbitkan pada kali pertamanya pada tahun 1989. Pada awal tahun 2008, buku tersebut yang telah dikemaskini sebagai edisi ketiga telah diedarkan kepada semua pegawai teknikal JPPH.

#### ■ PERSIJILAN MS ISO 9001:2008

Pelaksanaan MS ISO 9000 di Pusat Latihan dan Penyelidikan JPPH iaitu Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah bermula sejak tahun 2000.

Pada 2 November 2001, Bahagian Latihan telah mendapat pengiktirafan oleh *Malaysia International Organisation For Standardization* daripada SIRIM Berhad untuk pensijilan MS ISO 9001:2000, seterusnya dinaiktaraf kepada persijilan MS ISO 9001:2008. Tarikh sijil sedia ada sah sehingga 1 November 2016. Persijilan tersebut adalah hasil kerjasama semua peringkat pegawai dan staf yang memberi komitmen penuh terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Pengiktirafan ini telah membawa INSPEN setanding dengan institusi latihan lain dan mampu berdaya saing di arena antarabangsa. Ia juga memberi impak yang besar kepada INSPEN sebagai sebuah organisasi penyedia latihan yang sentiasa berlitzam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan.

### ■ KAJIAN KEPERLUAN LATIHAN

Kajian Keperluan Latihan adalah dijalankan oleh INSPEKSI bagi membantu mengenalpasti latihan yang diperlukan oleh pegawai dan staf. Kajian ini dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti keperluan latihan dan merancang program latihan yang bersesuaian untuk pegawai dan staf JPPH.

### ■ PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Melalui Pekeling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 iaitu Garis Panduan bagi Mewujudkan Petunjuk- Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators (KPI)*, Kerajaan telah menyarankan supaya budaya kerja berasaskan prestasi diterapkan di dalam perkhidmatan awam. Pengukuran prestasi ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan kepada pelanggan khususnya orang ramai. Bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti sejajar dengan fungsi, visi dan misi serta memenuhi kehendak pelanggan, sebuah organisasi perlu mengukur prestasi perkhidmatan berkenaan yang mana ia akan memberikan gambaran mengenai prestasi agensi keseluruhannya.

Pelaksanaan pengukuran prestasi di JPPH adalah berlandaskan prinsip asas bagi menilai kualiti penyampaian perkhidmatan utama yang disampaikan kepada pelanggan. Perkhidmatan ini diukur dari segi proses menghasil dan menyampaikannya kepada pelanggan serta tahap kepuasan hati pelanggan.

Pelaksanaan pengukuran prestasi ini dilakukan dengan mewujudkan KPI bagi Program Penilaian dan Perkhidmatan Harta di mana sasaran untuk beberapa maksud nilaian ditetapkan berlandaskan kecekapan dan keberkesanan yang memenuhi ciri-ciri SMART iaitu Spesifik (Spesific), Boleh Diukur (Measurable), Boleh Dicapai (Achievement), Realistik (Realistic) dan Mempunyai Tempoh Masa (Target). Pengukuran kecekapan adalah berdasarkan bilangan kes penilaian yang siap mengikut tempoh masa ditetapkan di dalam Piagam Pelanggan JPPH. Pengukuran keberkesanan berdasarkan analisis masa yang diambil untuk menjalankan satu kes bagi setiap maksud nilaian. KPI telah diperkenalkan di semua pejabat JPPH pada hujung tahun 2006. Sistem pengukuran ini kemudiannya disemak semula dan telah diimplementasikan pada pertengahan tahun 2007. Sistem pengukuran tersebut masih digunakan sehingga kini.

Seterusnya, pengukuran, penilaian, pemantauan dan tindakan penambahbaikan adalah dijalankan secara berterusan dan perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan akan dikaji semula secara berkala untuk memastikan ianya terus relevan dan berkesan. Jadual 18 - 1 menunjukkan prestasi pengukuran KPI di JPPH pada tahun 2014.

Jadual 18 - 1: Prestasi Pengukuran KPI Di JPPH Pada Tahun 2014

Bil.	Penilaian Harta Tanah	Kecekapan*		Keberkesanan**		
		Sasaran (%)	Pencapaian (%)	Sasaran (Kes)	Pencapaian (Kes)	Pencapaian (%)
1.	Pinjaman Perumahan	100	99.78	13,282	18,555	140
2.	Duti Setem	100	99.87	300,610	459,701	153
3.	Sewaan	100	99.76	6,733	7,430	110
4.	Tukar Syarat	100	99.44	4,095	8,003	195
5.	Pemberimilikan Tanah	100	99.68	7,757	15,154	195
6.	Pengambilan Tanah	100	99.86	2,869	11,242	392

Catatan:-

- i. \* Tempoh masa kitaran menyiapkan satu kes seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan Jabatan.
- ii. \*\* Bilangan kes yang dilaksanakan.

#### ■ PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan adalah komitmen bertulis dan jaminan pejabat untuk menyampaikan perkhidmatan atau keluaran mengikut standard yang ditetapkan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. JPPH sentiasa mengenal pasti langkah-langkah yang berkesan untuk menambahbaik proses dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Pihak Pengurusan Jabatan sentiasa membuat pemantauan dan menilai pencapaian Jabatan dalam memenuhi standard atau sasaran seperti yang telah ditetapkan.

Demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta memenuhi kehendak PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan). Piagam Pelangan JPPH bagi kes Duti Setem melibatkan kes standard telah dipinda kepada satu (1) hari. Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2011.

#### ■ SASARAN KERJA TAHUNAN

Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan pada awal setiap tahun dan tumpuan setiap pejabat JPPH adalah ke arah pencapaian sasaran tersebut. Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan selepas dikaji prestasi pencapaian keseluruhan pada tahun sebelumnya dan juga sejajar dengan kehendak pelanggan semasa demi mencapai objektif, misi dan visi Jabatan.

#### ■ AUDIT KUALITI KERJA TEKNIKAL

Bahagian Audit Teknikal di Ibu Pejabat menjalankan audit ke atas fail teknikal di pejabat JPPH untuk semakan pematuhan terhadap prosedur, peraturan dan kualiti yang telah ditetapkan. Pada tahun 2014, kerja pengauditan telah dijalankan ke atas 16 pejabat JPPH. Pemeriksaan audit dibuat berpandukan kepada senarai semak yang diwujudkan (Borang ADT/T/1).

Selain itu, semakan turut dibuat ke atas perkara-perkara yang terlibat dengan pengurusan dan proses kerja penilaian secara keseluruhan. Bagi maksud keberkesanan, fail teknikal yang diaudit adalah daripada kes-kes yang telah dinilai dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh audit dijalankan di sesebuah pejabat JPPH.

#### ■ PASUKAN PETUGAS MENANGANI KARENAH BIROKRASI

JPPH telah meningkatkan usaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan masa kini bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Ini termasuklah sistem dan prosedur kerja sedia ada, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, peralatan dan kelengkapan yang digunakan serta tahap kemahiran pegawai dan staf organisasi yang melaksanakan tugas.

Pasukan petugas bagi mengurangkan karenah birokrasi yang ditubuhkan telahpun mula memperkenalkan pelbagai langkah untuk menambahbaik sistem dan prosedur kerja sedia ada.

Antara usaha menangani karenah birokrasi meliputi perkara seperti berikut:

- Penambahbaikan sistem dan prosedur bagi memastikan perkhidmatan yang cepat dan cekap kepada pelanggan.
- Mengkaji dan mengenal pasti undang-undang dan peraturan yang usang yang mana ia boleh menjelaskan perkhidmatan berkesan serta memperakulkan pindaan sewajarnya kepada undang-undang serta peraturan tersebut.
- Mengkaji dan menentukan bekalan peralatan yang perlu bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan.
- Tindakan terhadap anggota yang sengaja menimbulkan karenah birokrasi.
- Faedah yang dinikmati daripada usaha-usaha menangani kerenah birokrasi.

### ■ PROGRAM KUALITI DAN PRODUKTIVITI

Langkah-langkah peningkatan kualiti dan produktiviti yang telah dilaksanakan di JPPH pada tahun 2014 ialah:

- Penerapan Budaya Q

Penerapan Budaya Q adalah merupakan salah satu usaha yang berterusan di mana iaanya diberi penekanan semasa mesyuarat pengurusan dan juga perhimpunan pagi. Usaha-usaha ini menjurus kepada kepuasan pelanggan Jabatan.

- Mewujudkan sistem perkhidmatan yang mementingkan pelanggan. Ianya dapat diukur melalui maklum balas yang diperoleh daripada soal selidik kepuasan pelanggan yang dibuat dari semasa ke semasa.

JPPH sentiasa mengutamakan pelanggan dan beberapa usaha telah dibuat untuk memberikan perkhidmatan yang baik serta memenuhi ekspektasi mereka. Daripada hasil maklum balas kajian kepuasan pelanggan yang diterima oleh setiap pejabat JPPH, tindakan segera diambil bagi mengatasi kelemahan, sekiranya ada.

### ■ SAMBUTAN HARI INOVASI

Hari Inovasi diwujudkan adalah bertujuan untuk memperkuatkan nilai budaya kualiti dalam sesebuah organisasi. Di samping itu, ia juga bertujuan memberi pengiktirafan dan memperbaharui komitmen dan dedikasi pekerja dan pihak pengurusan kepada usaha yang dijalankan ke arah peningkatan kualiti. Sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri semasa pelancaran program ‘Malaysia Inovatif 2010’ iaitu mulai tahun 2010 Hari Kualiti yang disambut oleh kakitangan awam sebagai tanda simbolik pada 31 Oktober setiap tahun akan digantikan dengan sambutan Hari Inovasi bagi menandakan kepentingan budaya kreativiti dan inovasi serta meraikan keberhasilan inovasi di agensi kerajaan.

Hari Inovasi disambut oleh semua pejabat JPPH. Antara aktiviti yang diadakan adalah persempahan koir, bacaan ikrar, penyampaian hadiah dan anugerah kualiti, *treasure hunt*, pertandingan kuiz serta ceramah berkaitan kualiti, motivasi, budaya kerja cemerlang dan integriti.

### ■ KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Mulai 1 November 2009, MAMPU telah mengeluarkan panduan mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Sehubungan itu, pendekatan Kumpulan Mutu Kerja (KMK) perlu disesuaikan dengan perubahan yang berlaku dan namanya ditukar kepada KIK.

Keahlian KIK adalah terbuka atau merentasi semua yang terdiri daripada pekerja di pelbagai peringkat Jabatan.

JPPH menggalakkan penubuhan KIK dan sentiasa menyokong aktiviti KIK di Jabatan. Menerusi KIK, pegawai dan staf dapat mengutarakan pendapat/ cadangan masing-masing kepada pengurusan atasan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang dihadapi.

## ■ ANUGERAH INOVASI JPPH

Pihak Pengurusan JPPH sentiasa memberi penekanan terhadap budaya kerja cemerlang yang berteraskan kualiti di kalangan semua pegawai dan staf Jabatan. Anugerah Inovasi adalah satu tanda penghargaan kepada pejabat JPPH atau individu yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam tahun berkenaan.

Beberapa anugerah dikenal pasti dan ia akan disampaikan semasa Majlis Anugerah Inovasi Jabatan semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH yang diadakan pada akhir tahun.

Kategori Anugerah yang dipertandingkan adalah seperti yang berikut:

- Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian
- Anugerah Ketua Pengarah Penilaian
- Anugerah Pengarah NAPIC
- Anugerah Pengarah INSPEK
- Anugerah Inovasi
- Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif

## ■ ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diberikan kepada pegawai dan staf yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang dipercayai boleh menjadi contoh kepada semua pegawai dan staf JPPH yang lain. Harapan Jabatan agar kecemerlangan ini akan terus menjadi pendorong untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukanlah bergantung kepada kecemerlangan prestasi segelintir pegawai dan staf sahaja tetapi ia juga memerlukan penyertaan dan sokongan padu daripada seluruh warganya.

Seramai 166 pegawai dan staf JPPH telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014 dan mereka adalah seperti berikut:

**Senarai Penerima  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014  
Kumpulan Pengurusan dan Professional**

- |   |  |  |
|---|--|--|
|  <p><b>1</b></p> <p><b>Encik Sautarwin bin Marto</b><br/>Pengarah Penilaian Negeri (W54)<br/>JPPH Negeri Perak</p>               |  <p><b>2</b></p> <p><b>Encik Mohamad Razali bin Mohamad Salleh</b><br/>Penilai Daerah (W54)<br/>JPPH Shah Alam</p>         |  <p><b>3</b></p> <p><b>Encik Arifin bin Mohd</b><br/>Pengarah Penilaian Negeri (W52)<br/>JPPH Negeri Kelantan</p> |
|  <p><b>4</b></p> <p><b>Encik Khalid bin Ibrahim</b><br/>Pengarah<br/>Bahagian Khidmat Pengurusan (M52)<br/>Ibu Pejabat JPPH</p> |  <p><b>5</b></p> <p><b>Puan Maznah binti Ngah</b><br/>Penilai Daerah (W48)<br/>JPPH Chukai</p>                            |  <p><b>6</b></p> <p><b>Encik Mohd Roff bin Yusof</b><br/>Penilai Daerah (W48)<br/>JPPH Kuantan</p>               |
|  <p><b>7</b></p> <p><b>Encik Abdul Rahman bin Mohd Nasir</b><br/>Penolong Pengarah (W44)<br/>NAPIC Ibu Pejabat</p>             |  <p><b>8</b></p> <p><b>Puan Ariah binti Amat</b><br/>Penilai Daerah (W44)<br/>JPPH Segamat</p>                           |  <p><b>9</b></p> <p><b>Encik Haizul bin Abdul Hamid</b><br/>Penolong Pengarah (W44)<br/>Ibu Pejabat JPPH</p>    |
|  <p><b>10</b></p> <p><b>Puan Maria bin Mosidi</b><br/>Pegawai Penilaian Kanan (W44)<br/>JPPH Seberang Perai</p>                |  <p><b>11</b></p> <p><b>Encik Mohamad Hazimin bin Mustapa</b><br/>Pegawai Penilaian Kanan (W44)<br/>JPPH Johor Bahru</p> |  <p><b>12</b></p> <p><b>Puan Sharmila binti Shafie</b><br/>Pegawai Penilaian Kanan (W44)<br/>JPPH Ipoh</p>      |

**Senarai Penerima  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014  
Kumpulan Pengurusan dan Professional**

<div style="text-align: center; margin-bottom: 10px;">    <b>13</b> </div> <p><b>Puan Azeela binti Mohd Ali</b> Pegawai Penilaian (W41) JPPH Kuala Lumpur</p>	<div style="text-align: center; margin-bottom: 10px;">    <b>14</b> </div> <p><b>Puan Chin Chui Vui</b> Pegawai Penilaian (W41) JPPH Negeri Sabah</p>	<div style="text-align: center; margin-bottom: 10px;">    <b>15</b> </div> <p><b>Encik Fariq Anuar bin Abd Rahman</b> Pegawai Penilaian (W41) JPPH Shah Alam</p>
